

DR.21.7.1999

[Senarai nama Ahli Parlimen dilampirkan]

[Kandungan dilampirkan pada muka surat akhir]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 21 Julai 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No. 1 – Y.B. Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan] tidak hadir.

[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus] tidak hadir.

3. **Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah dan perancangan kementerian bagi memastikan bilangan guru mencukupi apabila sekolah satu sesi diwujudkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah calon guru pelatih yang diambil ke maktab-maktab perguruan adalah berdasarkan unjuran keperluan guru-guru di sekolah. Setiap tahun untuk sekolah kebangsaan kita mengambil kira-kira 5,000 orang guru dan untuk sekolah menengah kira-kira 2,000 orang guru. Dengan bilangan maktab perguruan yang sedia ada, Kementerian Pendidikan mampu melatih guru yang mencukupi mengikut keperluan.

Untuk mengatasi masalah kekurangan guru juga khususnya dalam subjek kritikal terutama di sekolah menengah menjelang tahun 2005, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Program Khas Pengsiswazahan Guru mulai 15 Jun

1999 ini. Seramai 1,811 orang Guru Terlatih Bukan Siswazah dipilih sebagai kumpulan pertama mengikuti Program Khas Pengsiswazahan Guru melibatkan 13 maktab perguruan dengan 7 universiti awam.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai dengan guru sandaran terutama sekali di Sabah, masih belum jelas lagi kedudukan guru-guru sandaran ini kerana banyak cakap-cakap yang kurang menyenangkan. Apakah kedudukan mereka sekarang dan apakah rancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah guru sandaran ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita sedang teliti perkara ini untuk diselesaikan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita memang hendakkan guru yang mencukupi tetapi adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa mencukupi sahaja tidak cukup. Kita juga hendak guru-guru yang taat dan dedikasi terutama sekali yang menghormati kerajaan. Saya dapati banyak guru di sekolah-sekolah yang menggunakan kesempatan sebagai guru untuk menghasut murid-murid atau rakan-rakan guru, adakah kementerian sedar perkara ini dan adakah tindakan diambil terhadap perkara ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedar tentang adanya segolongan guru yang menghasut murid-murid dan kita telah mengadakan banyak perjumpaan untuk memberikan penerangan kepada guru-guru supaya memainkan peranan mereka yang sebenar iaitu untuk mengajar murid di sekolah, bukan membuat kegiatan-kegiatan yang boleh memudaratkan terutama sekali masa depan murid-murid.

Kepada guru-guru yang kita dapati melakukan tindakan-tindakan yang memudaratkan masa depan murid-murid dan dunia pendidikan secara amnya, kita telah pun mengambil tindakan-tindakan yang kita fikirkan munasabah mengikut peraturan dan kita harap melalui tindakan-tindakan ini, guru-guru kita akan

menjalankan tugas, tanggungjawab dan amanah mereka dengan sebaik mungkin dan juga kita telah mengingatkan guru-guru di semua peringkat supaya jangan ambil mudah perhatian dan tindakan yang dibuat oleh kementerian kerana kita tidak mahu mewujudkan satu senario atau suasana yang tidak menyenangkan di dalam sekolah-sekolah kita bagi membolehkan murid-murid menumpukan perhatian kepada soal ilmu dan keilmuan.

4. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Menteri Penerangan menyatakan:-

- (a) bila kerajaan akan mengudarakan rancangan ajaran bukan Islam (mingguan) melalui saluran televisyen nasional. Jika tidak, mengapa.
- (b) kenapa ruang siaran yang munasabah tidak diberikan dalam saluran televisyen kepada pihak pembangkang untuk mengutarakan versi dan pendapat mereka seperti yang diamalkan di hampir semua negara demokratik.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, agama Islam adalah agama rasmi negara dan sejajar dengan kedudukan agama itu sebagai agama rasmi, maka dasar kerajaan ialah hanya membenarkan ajaran agama rasmi disiarkan dalam televisyen nasional. RTM adalah saluran rasmi komunikasi kerajaan yang memerintah dan adalah jentera kerajaan untuk menyampaikan maklumat rasmi kepada rakyat dan sewajarnya tidak memberi ruang kepada pihak pembangkang menggunakannya. Pihak pembangkang, walau bagaimanapun, adalah bebas menggunakan saluran televisyen swasta.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebelakangan ini ramai pemuda-pemudi dari golongan bukan Islam terlibat dalam beberapa perkara yang tidak diingini oleh masyarakat seperti dadah dan kes-kes kriminal – tertinggi di antara yang bukan beragama Islam. Para pengajar dan professor berpendapat bahawa

antara sebabnya adalah kekurangan ajaran agama. Ini adalah satu-satu sebab yang menyebabkan perkara ini dan bukannya kewajipan kerajaan supaya perkara ini – ajaran bukan Islam seperti yang telah dijanjikan semasa pilihan raya di Teluk Intan pada tahun 1997 bahawa kerajaan akan mengadakan sedemikian. Adakah ia telah ditukar janji mengenai perkara itu?

Kedua, ialah mengenai saluran televisyen yang dikatakan hanya dikhaskan untuk kerajaan sahaja dan adakah ini satu principle yang baru kerana sebelum ini satu ruangan pernah diberi kepada pembangkang dan pihak pembangkang juga membayar cukai dan lebih kruang 40% pengundi di Malaysia adalah pembangkang dan bukannya kewajipan kerajaan untuk menunaikan hasrat rakyat?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tidak menjadi kewajipan kerajaan untuk memberi ruang kepada pembangkang. Pihak pembangkang boleh membuat permohonan rasmi untuk mendapatkan lesen televisyen untuk mereka. Kita boleh timbangkan dan kalau ada saluran televisyen untuk pembangkang, mereka boleh gunakan saluran tersebut.

Tadi saya sudah jawab bahawa agama Islam adalah agama rasmi dan hanya ajaran agama rasmi ini sahaja yang disiarkan dalam televisyen dan ia juga mengandungi ajaran-ajaran moral yang boleh diterima oleh kaum-kaum lain – pemuda atau belia seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dan saya hendak memberitahu bahawa dahulu kita memberi peluang kepada pembangkang untuk menggunakan radio. Ini bukan dasar baru, sejak dahulu lagi kita beri peluang tetapi pembangkang ini maklumlah dasarnya itu, walaupun diberi peluang dalam radio banyak unsur kacau bilau yang disiarkan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Islam adalah agama rasmi Persekutuan, jadi apakah rancangan dan tindakan pihak kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mempertingkatkan lagi siaran pendidikan Islam bagi tujuan mendidik masyarakat Islam itu sendiri dan di samping itu juga, untuk membersihkan daripada kekeliruan fikiran, fahaman dan

petua-petua yang dikeluarkan oleh pihak ajaran sesat. Mungkin PAS juga termasuk, rakan saya tidak datang hari ini. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Teluk Intan tadi merupakan satu pendekatan yang lebih kepada perkara yang sensitif yang boleh mengakibatkan kepada hasutan di antara kaum.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju pembangkang khususnya DAP ini dia racist sedikit, dia banyak mempertikaikan soal kaum dan nampak dia tidak berapa suka dengan orang Melayulah, nampak cara.....*[Ketawa]* dan...

Tuan M. Kulasegaran: Point of order. Ini sangkaan jahat. Macam mana satu perkataan sedemikian boleh digunakan. Apa asas Timbalan Menteri? Jangan kata melulu sahaja mengikut Yang Berhormat bagi Arau dan sebagainya. Cakap benar!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah. Sangkaan jahat itu kena tujukan kepada individu atau Ahli Parlimen. Itu menyentuh kepada parti.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dari masa ke semasa kita memang mempertingkatkan terutama, antaranya adalah *Forum Perdana*. Ini adalah untuk memperbetulkan keadaan, bukan menangkis sebab ceramah-ceramah PAS ini banyak menyeleweng daripada ajaran agama Islam dan banyak menyeleweng juga di segi mengutarakan ayat-ayat suci Al-Quranul Karim dan kita perbetulkan melalui radio dan televisyen. Nampaknya berjaya.

[Soalan No. 5 – Y.B. Tuan Tiong Thai King [Lanang] tidak hadir].

[Soalan No. 6 – Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai] tidak hadir].

7. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan dan bentuk kawalan berjaga-jaga diambil berkenaan dengan kewujudan kumpulan-kumpulan samseng sekolah dan juga gejala-gejala tidak baik di persekitaran sekolah, ekoran daripada insiden

seperti kes pembunuhan ke atas seorang murid perempuan Tingkatan 5 Sekolah Menengah Perempuan Methodists di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa memberi keutamaan kepada keselamatan dan kebajikan para pelajar. Arahan dan garis panduan dikeluarkan dari semasa ke semasa sebagai panduan kepada pihak sekolah.

Berikutan insiden pembunuhan seorang murid baru-baru ini, Kementerian Pendidikan telah menegaskan semula langkah-langkah keselamatan yang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah. Antaranya ;

- (i) mendapatkan kerjasama dari pihak polis untuk membuat rondaan di kawasan-kawasan yang berisiko dari segi keselamatan;
- (ii) membersihkan semak samun kawasan, laluan dan jalan yang digunakan oleh para pelajar untuk ke sekolah;
- (iii) memanfaatkan Jawatankuasa Permuafakatan Sekolah, Jawatankuasa Keselamatan Sekolah dan PIBG dalam usaha merancang langkah-langkah keselamatan;
- (iv) mempamerkan poster dan peraturan mengenai keselamatan bagi meningkatkan kepekaan dan kesedaran pelajar tentang pentingnya amalan berhati-hati dan berwaspada; dan
- (v) menggalakkan sekolah menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah di sekolah.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang pengetua-petua sekolah tidak mahu melaporkan aktiviti samseng di sekolah mereka oleh kerana mereka merasa malu dan mungkin prestasi mereka sebagai pentadbir dipandang rendah. Jadi, kadang-kadang aktiviti samseng itu hingga tidak terkawal tetapi tidak juga dilaporkan.

Jadi, saya ingin tahu daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah-langkah kementerian untuk mengesan aktiviti samseng ini kalaulah pengetua-pengetua enggan melaporkan aktiviti samseng di sekolah mereka?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita telah memaklumkan kepada semua guru besar dan pengetua supaya jangan menyorok-nyorokkan sebarang kejadian terutama sekali yang melibatkan soal keselamatan murid-murid. Dan kita telah menegaskan supaya kita dimaklumkan supaya dapat kita mengambil langkah-langkah yang kita fikirkan sesuai untuk mencegah daripada berlakunya kegiatan-kegiatan di kalangan murid-murid sekolah terutama sekali yang melibatkan kes-kes jenayah.

Dr. L. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kewujudan kumpulan-kumpulan samseng di sekolah dan juga gejala-gejala sosial yang tidak baik di sekolah adakah ini disebabkan pelajaran Pendidikan Moral tidak diambil berat oleh kedua-dua belah pihak iaitu guru-guru dan murid-murid di sekolah dan apakah tindakan kementerian untuk meningkatkan taraf pelajaran ini di sekolah-sekolah tersebut?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soal penumpuan terhadap mata pelajaran Agama dan juga Pendidikan Moral untuk murid-murid yang bukan beragama Islam senantiasa diberikan tumpuan yang tinggi. Walaupun begitu, kita faham bahawa keberkesanannya masih boleh dipersoalkan. Oleh kerana itu pihak kementerian sekarang ini sedang meneliti akan unsur-unsur dan nilai-nilai yang baru yang kita fikirkan sesuai bagi memperbaiki mata pelajaran ini terutama sekali dari segi kaedah menyampaikan ilmu itu kepada murid-murid dan kita harap apabila kajian semula tentang mata pelajaran Agama dan juga Pendidikan Moral ini ditokok tambah dengan unsur-unsur dan nilai-nilai yang baru itu dan ditambah pula dengan cara-cara ataupun kaedah-kaedah penyampaian yang lebih baik, kita harap pelajar-pelajar kita,

murid-murid kita akan dapat memahami dan menguasai serta mengamalkan nilai-nilai yang baik itu.

Dalam masa yang sama, kita juga kena faham bahawa guru di sekolah cuma boleh memberikan bimbingan, asuhan dan didikan. Kita juga berharap agar ibu bapa, penjaga-penjaga dan masyarakat keseluruhannya bersama-sama memainkan peranan bagi mencegah dan mengelakkan murid-murid dan pelajar-pelajar kita daripada terjebak kepada kegiatan-kegiatan yang memudaratkan masa depan mereka.

[Soalan No. 8- - Y.B. Tuan Henrynus Amin (Kinabalu) tidak hadir]

9. Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah pelaksanaan memasang kotak hitam untuk bas-bas ekspres akan dikuatkuasakan selepas beberapa hari tundaan. Adakah kerajaan bersedia mengorbankan keselamatan pengguna jalan raya dan penumpang demi memenuhi hasrat tauke-tauke bas ekspres.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat bagi Bagan sedia maklum, kegawatan ekonomi yang dialami negara ini baru sahaja menjalani proses pemulihan.

Justeru itu,, bebanan yang ditanggung oleh pengusaha bas ekspres dan persiaran ekoran daripada kegawatan ekonomi seperti peningkatan kos operasi dan juga penyelenggaraan yang dianggar di antara 30% hingga 40% masih belum dapat diatasi sepenuhnya oleh mereka. Memandangkan permohonan persatuan pengusaha bas untuk menaikkan tambang tidak dapat dipertimbangkan oleh kerajaan pada ketika ini dan statistik kemalangan jalan raya menunjukkan pengurangan bilangan bas yang terlibat iaitu sebanyak 28% atau 224 kemalangan pada bulan Januari hingga Mei tahun ini berbanding dengan 309 kemalangan bagi tempoh masa yang sama pada tahun 1998, maka kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk mewajibkan pengusaha bas memasang kotak hitam ke atas bas-

bas mereka yang terlibat sehinggalah ke suatu masa yang difikirkan sesuai supaya ianya tidak membebankan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, pemasangan kotak hitam ini sedang dijalankan secara berperingkat-peringkat mulai bulan ini, atau dalam perkataan lain, semua bas yang akan menjalani pemeriksaan di pusat PUSPAKOM yang berkala harus mempunyai kotak hitam dalam bas-bas mereka tetapi bagi pengusaha-pengusaha bas yang berkemampuan mereka adalah digalakkan memasang alat-alat tersebut dengan secepat mungkin dan tidak harus menunggu hingga pemeriksaan berkala di PUSPAKOM.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masih ada ramai orang yang terkeliru tentang fungsi kotak hitam ini dan ada sesetengah kalangan orang yang mengatakan apabila sesebuah bas atau kenderaan berjalan dengan had laju yang dihadkan, maka enjin kereta atau kenderaan itu akan mati di tengah jalan. Sama ada ini benar dan sama ada kerajaan hendak membuat satu penjelasan kepada orang ramai bagaimana kotak hitam ini berfungsi.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat bagi Bagan tahu tetapi dia cuma hendak tanya sahaja. Saya sudah beri penjelasan dua, tiga kali di Dewan yang mulia ini.

Sebenarnya kotak hitam ini merupakan satu alat penyekat had laju jika dipasangkan dalam sesebuah kenderaan dan bagi kotak hitam yang dimaksudkan untuk bas-bas hanya saya hendak beritahu iaitu jika bas yang berkenaan jalan dengan laju melebihi had laju, maka had laju itu akan direkodkan dalam alat kotak hitam itu dan jika kelajuan ini terus berlarutan hingga melebihi 50 kali, maka 50 kali itu akan direkodkan dalam alat kotak hitam itu dan enjin bas berkenaan tidak akan mati walaupun melebihi 50 kali. Cuma apabila enjin itu – bas sampai ke destinasi tertentu dan jika enjin itu dimatikan oleh pemandu bas, maka bas itu tidak akan hidup semula. Bukan, dia tidak mati di tengah jalahnya, ini fikiran apa

itu? Mungkin Yang Berhormat yang fikir pasal itu. Saya percaya ini adalah satu penjelasan yang agak senang untuk difahami.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini beberapa accident di jalan raya di Sarawak, 'hit and run accident' telah berlaku dan mengikut penduduk-penduduk di rumah panjang yang berdekatan dengan jalan raya itu 'hit and run accident' ini adalah dilakukan oleh bas ekspres yang dipandu dengan begitu laju pada waktu malam. Pertanyaan saya, dapatkah tidak kotak hitam ini nanti digunakan untuk mengesan 'hit and run accident'.

Kedua, saya nampak bas ekspres yang berada di Sarawak itu sebahagian besarnya seperti yang diambil daripada 'rubbish dump' di Kuala Lumpur ini. Macam manakah bas yang begitu usang dapat dieksport ke Sarawak?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya alat kotak hitam itu memang tidak dapat merekodkan kejadian kemalangan 'hit and run', dengan izin, dan saya percaya untuk menangani kes-kes 'hit and run accident', dengan izin, penguatkuasaan harus lebih canggih, lebih cekap. Ini adalah salah satu cara yang kita dapat menangani masalah ini dan walaupun telah menjadi satu trend baru-baru ini, dalam dua tahun kebelakangan ini, kita dapat melihat beberapa kes kemalangan secara 'hit and run', dengan izin, telah pun dilaporkan kepada pihak penguat kuasa dan kerajaan memang memandang serius tentang perkara ini. Walaupun dalam beberapa kes 'hit and run' pemandu kenderaan yang terlibat dengan 'hit and run' itu dengan relanya selepas itu pergi ke police station atau penguat kuasa untuk menyerah diri. Walaupun demikian, kerajaan sedang memandang berat tentang perkara ini dan sedang mencari jalan macam mana kita dapat mengawal situasi ini supaya ia tidak menjadi lebih teruk.

Dari segi soalan yang kedua itu, saya memang tidak mempunyai jawapan. Saya terpaksa rujuk balik kepada kementerian dahulu sebelum saya memberi jawapan yang lebih tepat. Sekian, terima kasih.

10. Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu] minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah belanjawan diperuntukkan untuk menurap semula Jalan Tanjong Kidurong, Bintulu dan sebahagian Lebuh Raya Pan- Borneo dari Tatau ke Miri. Bilakah kerja boleh dimulakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak ada peruntukan khusus disediakan untuk projek menurap semula Jalan Tanjong Kidurong, Bintulu dan sebahagian Lebuh Raya Pan-Borneo dari Tatau ke Miri dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Walau bagaimanapun, melalui peruntukan Membaikpulih dan Penyelenggaraan Jalan sebanyak RM1.4 juta telah disediakan pada tahun 1999 untuk menurap semula Jalan Persekutuan di Bahagian Miri dan Bintulu. Pihak JKR Sarawak telah mengenal pasti lokasi-lokasi di sepanjang Jalan Persekutuan tersebut untuk diturap semula. Persiapan untuk memulakan kerja telah dilakukan dan kerja-kerja akan dimulakan selewat-lewatnya bulan Oktober tahun ini.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Bintulu adalah sebagai bandar yang ditempatkan banyak industri dan ke barat pekan Tatau akan dibangunkan sebagai bandar baru dan ke timur sepanjang Lebuh Raya Pan-Borneo adalah begitu banyak ladang kelapa sawit, adakah kerajaan merancang untuk meluaskan jalan raya itu ke empat lorong memandangkan jalan raya itu sekarang hanya dua lorong sahaja dan sangat sempit?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya hasrat kita ialah untuk membesarkan jalan-jalan yang sedia ada di Bintulu dan beberapa tempat di sekitar Miri. Tetapi ini semuanya terserah kepada JKR Sarawak untuk mengenal pasti di mana tempat-tempat yang sesuai untuk berbuat demikian berdasarkan peruntukan yang ada yang disediakan daripada masa ke

semasa sama ada melalui projek-projek yang telah ditetapkan mahupun melalui peruntukan penyelenggaraan jalan setiap tahun.

11. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh mana peranan dan kejayaan persatuan belia dapat menghindarkan gejala negatif seperti penagihan dadah, bohsia dan sebagainya dan sila nyatakan statistik berkaitan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 1997 terdapat sebanyak 7,960 pertubuhan belia yang berdaftar dengan keahlian seramai 2 juta orang. Daripada jumlah tersebut 76% adalah pertubuhan-pertubuhan yang aktif dalam melaksanakan program-program pembangunan belia. Kementerian sedar mengenai gejala sosial yang melanda generasi muda masa kini.

Berdasarkan kepada perangkaan Kementerian Dalam Negeri dari tahun 1996 hingga Oktober 1997 didapati 69% remaja Melayu terlibat dengan dadah HIV dan gejala sosial yang lain, 50% remaja Cina dan 12% remaja India. Walaupun demikian, pertubuhan-pertubuhan belia dan kementerian dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan NGO telah berjaya menangani masalah ini dengan program-program yang menarik minat dan penglibatan belia dalam program-program pembangunan belia. Antaranya:

- (i) Program Rakan Muda;
- (ii) Program Motivasi Perdana yang menekankan kepada nilai-nilai keagamaan dan kesejagatan (universal), rasa tanggungjawab dengan digabungkan dengan unsur-unsur pendidikan;
- (iii) Menggerakkan dan memantapkan secara aktif peranan dan tanggungjawab pertubuhan-pertubuhan belia dan NGO dalam melaksanakan pelbagai program ke arah kecemerlangan golongan belia;

- (iv) Program Bina Sahsiah Remaja yang digerakkan secara bersepadu dan menyeluruh dengan agensi-agensi setempat; dan
- (v) Memperkukuhkan belia-belie dengan latihan-latihan dan kemahiran jangka panjang ke arah pembangunan potensi diri belie dengan mewujudkan pusat-pusat latihan dan vokasional, skim perantisan, latihan sambil belajar, latihan keusahawanan dan sebagainya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa walaupun Yang Berhormat kata tadi bahawa program-program dan rancangan-ancangan yang telah pun disebutkan tadi sudah berjaya tetapi bilangan penagih semakin hari semakin bertambah sehingga sekarang angka rasminya 800,000 penagih. Kita tidak tahulah ramai mana yang menagih lagi, mungkin 1.2 juta ataupun 2 juta orang di Malaysia dan kebanyakannya remaja. Adakah rancangan-ancangan dan program seperti motivasi, Rakan Muda yang mengambil kira cara-cara untuk mengatasi wabak dadah ini. Ini memang satu bencana, satu wabak yang dengan senyap merosakkan negara kita. Adakah dalam rancangan ini pelbagai kaum terlibat dengan aktif?

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, soalan penagihan dadah ini sebenarnya sepatutnya diajukan kepada Kementerian Dalam Negeri. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong kami di Kementerian Belia dan Sukan apabila kita mengadakan program-program, kita menentukan bahawa dapat kita meningkatkan nilai-nilai positif di kalangan belia dan remaja. Saya hendak tanya kepada Ahli Yang Berhormat, kita sedar tentang gejala dadah ini, tetapi saya hendak tanya kepada Ahli Yang Berhormat, sebagai seorang bapa apakah peranan Ahli Yang Berhormat untuk menentukan bahawa tanggungjawab belia dan remaja kita ini tidak difrancaiskan atau dilepaskan tanggungjawabnya hanya kepada kerajaan. Kita sebagai ibu bapa sepatutnya mengambil tanggungjawab itu dengan serius dan kitalah ibu bapa yang harus menjaga remaja dan belia kita.

Walau bagaimanapun, oleh kerana hari ini Kerajaan Barisan Nasional begitu prihatin, peka, caring society, maka kita belanja wang yang begitu banyak untuk mengadakan program-program untuk menentukan bahawa belia dan remaja kita diambil perhatian setiap masa.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tanya bukan minta Yang Berhormat jawab. Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat tidak membolehkan macam itu. *[Menyampuk]*

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti kita semua sedia maklum peranan persatuan belia adalah untuk mengadakan aktiviti-aktiviti yang sihat dan membina bagi ahli-ahli dan juga para belia di sesuatu tempat. Mengikut jawapan tadi antara 7,000 lebih persatuan-persatuan belia masih ada 20% lebih persatuan yang kurang aktif dan kebanyakan sehingga pendaftaran mereka telah pun dibatalkan. Jadi, adakah kementerian memahami apakah masalah yang dihadapi oleh persatuan-persatuan ini dan tindakan kementerian untuk membantu mereka?

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pertubuhan-pertubuhan NGO ini kadangkala mereka menghadapi beberapa masalah, di antaranya mungkin kelunturan semangat ataupun masalah kewangan. Kami di kementerian sentiasa mengawasi keadaan dan dari masa ke semasa memberi semangat kepada mereka untuk menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin. Pihak kementerian juga ada memberi bantuan kewangan dari masa ke semasa kepada semua pertubuhan belia supaya dapat mereka jalankan program. Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan bahawa kementerian tidak akan mengabaikan tugas dan tanggungjawab kami kepada pertubuhan-pertubuhan khususnya yang bergabung dengan Majlis Belia Malaysia.

12. **Tuan Paulis Nointien [Penampang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa sebanyak 34,442 kad pengenalan rakyat Sabah belum lagi diambil seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Pendaftaran. Adakah sistem yang diguna pakai untuk pengambilan kad pengenalan juga menyebabkan keadaan sedemikian atau adakah kemungkinan sebilangan besar bilangan tersebut dimiliki oleh pendatang tanpa izin yang telah menukar kad pengenalan lama mereka yang diperolehi secara haram.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa kemungkinan yang menyebabkan pemilik kad pengenalan termasuk bagi negeri Sabah tidak mengambil kad pengenalan mereka apabila siap. Di antaranya ialah kerana pemohon telah berpindah tetapi pertukaran alamat tidak dimaklumkan kepada pihak Jabatan Pendaftaran Negara atau alamat-alamat yang digunakan memang sukar dihubungi. Di samping itu, terdapat juga punca-punca lain seperti pemilik telah meninggal dunia, pemilik telah meninggalkan negara ataupun pemilik yang memohon kad pengenalan gantian kerana hilang tetapi telah menjumpai semula kad pengenalan yang hilang itu.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) berpendapat sistem yang digunakan adalah memuaskan. Timbulnya kad pengenalan tidak dituntut adalah atas sebab-sebab di atas. Kemungkinan kad pengenalan tersebut dimiliki oleh pendatang tanpa izin yang memperolehi secara haram tidak akan berlaku kerana tidak ada pendatang tanpa izin tersebut yang layak memperolehi kad pengenalan dan pengeluaran kad pengenalan akan hanya dilakukan selepas disahkan dengan arahan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai kad pengenalan KPT adakah Yang Berhormat sedar bahawa didapati ada lagi warganegara Malaysia yang masih belum menukar kad pengenalan lama kepada kad pengenalan baru KPT dan apakah tindakan pihak kementerian Yang Berhormat untuk mewajibkan atau mengambil tindakan supaya pemegang kad pengenalan ini dapat mengambil tindakan segera untuk menukarkan kepada kad pengenalan baru. Dari segi penggunaan nombor kad pengenalan, yang mana patut

digunakan dalam dokumen-dokumen tertentu yang diminta oleh pihak tertentu, adakah nombor kad pengenalan lama ataupun kad pengenalan baru KPT?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan, satu mengenai mereka yang masih memegang kad pengenalan lama dan belum meminta kad pengenalan baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan masih meneruskan cara menggalakkan mereka yang belum menukarkan kad pengenalan yang baru ini tetapi jumlah yang masih tidak memohon kad pengenalan baru tidak begitu banyak lagi.

Dari segi penggunaan kad pengenalan, dari segi nombor yang digunakan di semua borang permohonan terpulang kepada jabatan masing-masing sama ada hendak menggunakan nombor baru atau nombor lama. Tetapi semua jabatan menerima yang lama atau yang baru. Kita menyarankan supaya kalau boleh kedua-dua digunakan buat sementara waktu oleh kerana banyak maklumat dalaman yang masih menggunakan nombor yang lama. Kalau dirujuk kepada nombor yang baru kemungkinan komputer tidak dapat mengesan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kos bagi rakyat di luar bandar Sarawak ataupun Sabah untuk membuat sekeping kad pengenalan adalah mahal, kadang-kadang ianya melibatkan perbelanjaan wang sebanyak beratus ringgit sekeping. Ini disebabkan kos pengangkutan pergi balik beberapa kali dan lain-lain perbelanjaan. Jadi, bagi kad pengenalan baru yang belum diambil bolehkah kementerian membenarkan tempoh pengambilan kad pengenalan ini dipanjangkan sehingga ianya diambil bagi mereka di luar bandar di Sabah dan Sarawak.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita umumkan bahawa kad pengenalan lama itu akan dihapuskan tetapi keputusan yang muktamad akan dibuat secara teliti oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Bagi mereka yang telah memohon dan lama menunggu kemungkinan untuk membelanja begitu tinggi untuk mendapatkan kad pengenalan sekarang mungkin sudah dapat

mengurangkannya. Mereka yang tidak mengambil kad pengenalan lama ataupun mereka yang sedang menunggu kad pengenalan yang dipohon tetapi tidak mendapat kelulusan lagi, mereka boleh membuat permohonan sekali lagi oleh kerana sistem dan cara yang baru ini sudah membolehkan banyak di cawangan pendaftaran negara di seluruh Malaysia menggunakan dengan cara yang terkini dan tempoh untuk menunggu itu tidak begitu lama lagi. Bermaknanya, dengan cara yang baru ini tempohnya amat cepat. Bagi mereka yang terpaksa menggunakan perbelanjaan yang tinggi mereka boleh berhubung dengan jabatan pendaftaran yang terdekat supaya kad pengenalan mereka itu dapat diambil dari jabatan yang terdekat.

13. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar tentang berita yang mengatakan nelayan-nelayan tempatan telah menjual hasil tangkapan mereka kepada pembeli ikan daripada negara luar. Jikalau benar apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihaknya bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pertanian [Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang mengetahui tentang berita mengenai kegiatan nelayan-nelayan tempatan menjual ikan terus kepada pembeli ikan daripada luar negara. Bagaimana setakat ini tidak ada bukti-bukti yang kukuh mengenai kegiatan tersebut. Walau bagaimanapun, kementerian ini amat memandangkan berat mengenai perkara ini kerana ianya menyalahi peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam lesen. Untuk membendung kegiatan ini Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan akan sentiasa meningkatkan rondaan dan langkah-langkah untuk mengesan dan mengenal pasti pengusaha-pengusaha yang terlibat.

Tindakan-tindakan selanjutnya akan diambil sekiranya terdapat bukti yang kukuh mengenai kegiatan ini. Antara lain;

- (i) lesen-lesen vessel dan peralatan menangkap ikan tidak diperbaharui atau digantung; atau

- (ii) lesen-lesen peralatan menangkap ikan diperbaharui dengan amaran; atau
- (iii) lesen-lesen vessel atau peralatan menangkap ikan diperbaharui dengan syarat memasang alat pengesan vessel, vessel tracking management system (VTMS).

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan di negeri Sarawak nelayan berlesen laut dalam menyewa lesen kepada bot asing. Bot asing ini guna satu lesen tetapi kadang-kadang lebih satu bot, kadang-kadang lima bot guna satu lesen sahaja. Ini tidak disedari oleh Jabatan Perikanan di Sarawak. Semua hasil tangkapan dibawa balik ke negara asing. Kalau ini benar, apakah tindakan akan diambil oleh kerajaan supaya sumber ikan di dalam laut khususnya di Sarawak tidak hilang. Saya difahamkan kalau ini tidak dihapuskan mungkin akan hilang dalam masa dua tahun.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sib. Satu yang saya hendak jelaskan bahawa setengah-setengah tuan punya lesen memang dibenarkan menyewa bot asing buat pertamanya, mungkin untuk satu atau dua tahun sementara menunggu pembinaan bot mereka siap. Jadi kalau macam ini ia tidak salah, tetapi satu lesen hanya untuk satu bot. Kalau satu lesen lima bot, ini satu kesalahan dan tindakan-tindakan akan kita ambil. Saya memohon kepada Ahli Yang Berhormat jika ada bukti-bukti yang jelas sebagaimana Yang Berhormat nyatakan itu maka kementerian akan mengambil tindakan membatalkan lesen atau sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah peratusan dan nilainya hasil tangkapan laut yang diimport oleh negara kita ini dari luar negeri setiap tahun dan mengapakah hasil tangkapan di perairan Malaysia tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan dalam negeri, memandangkan sempadan perairan laut

Malaysia begitu panjang sehingga Kementerian Pertahanan dan Polis Diraja Malaysia pun selalu memberi alasan mengapa mereka tidak dapat mencegah dengan sebaik-baiknya, dengan berkesannya kemasukan pendatang asing ke negara kita, apakah kerana ia disebabkan kekurangan nelayan-nelayan kerana pendapatan kurang dan rendah atau tidak stabil dan jika benar apakah perancangan kementerian untuk meningkatkan kedudukan ekonomi nelayan di negara ini supaya bebanan makanan import tidak menjadikan satu masalah yang besar.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Cheras. Sebagaimana yang telah kita nyatakan beberapa kali bahawa tangkapan ikan laut cuma dapat sebanyak 1.2 juta tan setahun, ikan ternakan menerusi akuakultur ialah sebanyak 150,000 tan, kita kekurangan lebih kurang 600,000 tan setahun termasuk eksport ke Singapura dan negara-negara jiran.

Inilah yang menyebabkan kita terpaksa mengimport sebanyak 600,000 tan. Langkah bagaimana kita hendak menambahkan terutamanya kita tidak boleh menangkap ikan lagi dalam kawasan yang sumbernya tidak mencukupi, misalnya di Semenanjung bot-bot baru tidak boleh dibenarkan, pukuk-pukuk baru tidak boleh dibenarkan kerana sudah cukup dengan apa yang ada, tinggal lagi kita memperluaskan tangkapan iaitu di Sarawak dan Sabah kerana sumber ikan di sana masih lagi kaya. Inilah yang sedang diperbesarkan untuk menangkap ikan yang semula jadi.

Kementerian sedang merancang supaya ternakan ikan dalam laut terbuka (open sea) dibuat sebagaimana di negara Denmark, Norway dan juga Sweden dan lain-lain negara. Mereka banyak mengeluarkan ikan yang ditenak dalam laut lepas (open sea) ini. Jadi, kementerian telah memulakan menerusi sebuah syarikat swasta di Pulau Pinang pada dua bulan yang lalu iaitu menternak ikan di laut sama ada ikan siakap, ikan jenahak atau ikan kerapu. Satu sangkar yang kosnya

RM100,000 boleh menampung 30,000 ekor ikan, boleh diternak lapan hingga sepuluh bulan dan projek ini didapati begitu viable.

Jadi, inilah usaha kita, kalau boleh kementerian mengharapkan 400,000 tan dapat dikeluarkan setahun mulai tahun 2005 menerusi ikan ternakan di dalam laut tadi. Itu rancangan yang sedang dijalankan.

[Soalan No. 14 – Y.B. Tuan R. Karpal Singh [Jelutong] tidak hadir]

15. Tuan Chang See Ten [Gelang Patah] minta Perdana Menteri menyatakan statistik tentang jumlah kakitangan awam yang mengambil cuti meninggalkan jawatan kerana melanjutkan pelajaran dalam tahun 1997, 1998 dan suku pertama 1999. Apakah bantuan yang diberikan kepada mereka. Adakah mereka akan sambung berkhidmat selepas tamat pengajian.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di dalam perkhidmatan awam, maka kakitangan awam diberi peluang yang luas untuk melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi sama ada di dalam atau di luar negara.

Dalam hubungan ini, jumlah pegawai kerajaan melanjutkan pelajaran ialah pada tahun 1997 seramai 3,218 orang, pada tahun 1998 seramai 1,828 orang dan sehingga Jun 1999 seramai 1,771 orang.

Mereka diberi kemudahan sama ada cuti belajar bergaji penuh atau cuti separuh gaji atau cuti tanpa gaji dan mereka disyaratkan menyambung semula perkhidmatan mereka selepas tamat pengajian mengikut tempoh yang ditetapkan oleh kerajaan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana tidak sudah-sudah memberi pendidikan kepada rakyat Malaysia daripada tadika hinggalah setelah berkhidmat. Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pegawai-pegawai kerajaan bukan semua, yang ada di dalam Dewan Rakyat ini

baik-baik belaka, ada pegawai-pegawai kerajaan setelah mendapat ganjaran, mendapat pendidikan, jawatan dan sebagainya tetapi masih tidak rasa puas hati dan malah menentang kerajaan, memaki hamun kerajaan dan bersubahat dengan parti-parti lawan memberi informasi-informasi kepada parti lawan terutama sekali DAP dan dikongkong oleh PAS dan hinggakan mungkin mereka juga bekerjasama untuk mengeluarkan Perlis dari Malaysia. *[Ketawa]*

Jadi, apakah Yang Berhormat pasti perkara ini berlaku dan apakah tindakan kerajaan terhadap perkara ini?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Ahli Yang Berhormat bagi Yan, sebenarnya soalan ini terkeluar daripada soalan asal. Tetapi, walau bagaimanapun, saya kira apa yang disoalkan itu adalah penting dimaklumkan kepada umum iaitu dari sudut kerajaan, kita menyedari ada segelintir pegawai-pegawai kerajaan.

Kalau hendak ditanya kepada saya, adakah pegawai-pegawai kerajaan kita yang menentang kerajaan. Jawapan saya 'no, tidak'. Sebab kalau semua pegawai kerajaan menentang kerajaan, tentunya dasar yang dilaksanakan dan yang digubal oleh kerajaan tidak dapat dilaksanakan secara berkesan, tetapi apa yang saya ingin menyatakan bahawa kita mengetahui bahawa sebahagian atau sebilangan kecil di antara mereka memudaratkan kerajaan dengan tindakan-tindakan mereka. Itu kita sedar dan kerajaan memang ada peraturan-peraturan tertentu seperti Perintah Am dan lain-lain peraturan dan mereka juga tertakluk kepada undang-undang.

Undang-undang itu adalah sama rata bagi semua termasuk pegawai-pegawai kerajaan. Kiranya mereka melakukan kesalahan dari segi undang-undang, mereka akan ditangkap atau didakwa jikalau ditangkap dan kalau mereka menyalahi peraturan-peraturan Perkhidmatan Awam seperti General Orders, dengan izin, mereka akan diambil tindakan melalui saluran-saluran yang tertentu.

Kerajaan memang menyedari bahawasanya segelintir memang ada, seperti mana masyarakat lain juga, tetapi bilangannya adalah kecil dan terkawal.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kita di sini bertanggungjawab dan tidak membuat kenyataan atau soalan yang liar yang semacam tadi. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebagai menyahut seruan pihak kerajaan, khasnya kepada guru-guru untuk melanjutkan pendidikan mereka dan oleh kerana kedatangan Internet dan pendidikan 'on-line system', ramai guru-guru adalah mengambil kenyataan supaya boleh mendapat ijazah-ijazah melalui universiti-universiti tempatan melalui 'on line system' tetapi nampaknya, ijazah-ijazah yang mereka dapati itu tidak diiktirafkan.

Adakah hasrat kerajaan supaya ada satu kajian menyeluruh untuk menggalakkan guru-guru dan termasuk semua kakitangan kerajaan untuk melanjutkan pendidikan mereka melalui IT supaya ijazah-ijazah yang dapat dari saluran ini dapat diiktirafkan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pengiktirafan ijazah, kita mempunyai cara kita tersendiri dan kita ada Jawatankuasa Akreditasi untuk mengiktiraf sebarang ijazah sama ada di luar negara ataupun di dalam negara. Soal kalau guru-guru yang mengambil kursus yang ijazahnya tidak diiktiraf, maka bila dia lulus, kelulusan itu tidak boleh diiktiraf.

Namun demikian, untuk makluman Yang Berhormat Ketua Pembangkang, kerajaan memang menggalakkan guru-guru mengambil kursus-kursus lanjutan khususnya melalui distance learning ataupun Pendidikan Jarak Jauh (PJJ).

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, guru-guru dalam negara kita adalah guru-guru yang pada hemat saya kebanyakan mereka ingin memperbaiki taraf pengajaran mereka dan hari ini kita telah mengesan tidak kurang daripada 1,500 orang guru yang mengambil kursus-kursus PJJ tersendiri dan kerajaan memberi galakan kepada mereka kerana kadang-kadang mereka terpaksa menghadiri kuliah di kampus dan kerajaan membenarkan mereka menghadiri

kuliah di kampus setahun sebanyak 30 hari diberi cuti tanpa rekod untuk menggalakkan guru-guru kita memperbaiki taraf ilmu mereka melalui PJJ.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah di antara galakan yang diberi oleh kerajaan, bererti bahawasanya seperti mana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Yan tadi, kerajaan mengambil tindakan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan mereka dari awal sampai akhir mereka berkhidmat dengan kerajaan.

16. Tuan Asmat Nungka [Beluran] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah pelaburan syarikat swasta yang telah diluluskan di Sabah semenjak Barisan Nasional mengambil alih tampuk pemerintahan negeri ini; dan
- (b) apakah tumpuan pelaburan berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak Barisan Nasional mengambil alih tampuk pemerintahan negeri Sabah iaitu bagi tempoh September 1994 hingga Mei 1999, MITI telah meluluskan sebanyak 183 projek perkilangan untuk ditempatkan di Sabah dengan pelaburan berjumlah RM5.62 bilion.
- (b) Pelaburan yang diluluskan ini tertumpu kepada industri-industri perkilangan seperti berikut:
 - (i) kayu dan barangan kayu RM1.73 bilion bersamaan dengan 30.84%;
 - (ii) barangan galian bukan logam RM1.47 bilion bersamaan dengan 26.1%;

- (iii) barangan logam asas RM1.2 bilion bersamaan dengan 21.7%;
- (iv) pengilangan makanan RM569.1 juta iaitu 10.1%; dan
- (v) kimia dan barang-barang kimia RM300.2 juta bersamaan dengan 5.3%.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Di Sabah ini ada satu Pusat Perdagangan Bebas (FTZ) tetapi setakat ini tidak begitu cergas. Setakat ini berapakah pelabur yang sudah masuk ke kawasan tersebut dan apakah langkah kerajaan untuk menggalakkan pelabur-pelabur melibatkan diri di Pusat Perdagangan Bebas ataupun Pusat Perindustrian Bebas. Terima kasih.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka untuk pelaburan di dalam Free Trade Zone ini. Tetapi, tinjauan saya semasa saya pergi ke Sabah pada awal tahun ini, salah satu sebab kadangkala mengapa pelabur kurang berminat ialah harga tanah yang begitu mahal sekali dan harga tanah ini kadangkala adalah melebihi daripada prime industrial land, dengan izin, yang ada wujud di dalam kawasan Semenanjung Malaysia. Ini salah satu sebabnya.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, daripada jumlah projek dan jumlah pelaburan itu berapa banyakkah yang seterusnya telah beroperasi kerana biasanya, pihak kerajaan meluluskan begitu banyak projek cadangan pelaburan tetapi they don't take off, dengan izin. Adakah pihak kementerian telah menyiasat perkara ini dan berapa peratus daripada projek yang diluluskan telah mulai beroperasi dan kenapa masalah begitu sedikit sekali khususnya di peringkat negeri Sabah, misalnya di KKIP setakat ini hanya dua projek sahaja, fasa dua yang telah seterusnya beroperasi. Terima kasih,.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, masalah di Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) seperti mana yang saya nyatakan tadi ialah dari segi masalah ketinggian harga tanah. Walaupun projek ini diluluskan secara prinsip tetapi pihak pelabur harus pergi ke kawasan tersebut dan membeli tanah di kawasan itu untuk mereka mendirikan kilang-kilang.

Apabila ini berlaku, harga tanah yang dijual adalah begitu mahal sekali dan ini telah menyebabkan boleh jadi ada projek yang tertangguh buat sementara waktu, tetapi secara menyeluruh, projek-projek yang diluluskan pada kadar purata satu tahun 40% hingga 50% projek yang diluluskan take off, yang lain itu di dalam masa dua, tiga tahun oleh kerana masalah-masalah tertentu.

Tetapi dari segi negeri Sabah, di KKIP, saya faham oleh kerana beberapa masalah tertentu khususnya dari segi ketinggian harga tanah yang ada di situ.

17. Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang] minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan industri pengeluaran makanan negara terus berkembang memandangkan sektor pertanian boleh menolong ke arah pemulihan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Pertanian [Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi memastikan industri pengeluaran makanan negara terus berkembang adalah:-

- (i) menambahkan pengeluaran produk pertanian, terutama bahan makanan melalui penggunaan sumber pengeluaran secara optimum. Sehubungan dengan ini kerajaan akan terus memberi sokongan kepada pembangunan infrastruktur pertanian, pembangunan sumber manusia termasuk peningkatan kecekapan dan kepakaran petani dan pengusaha serta memperkukuhkan sokongan teknologi;
- (ii) menggalakkan penglibatan aktif sektor swasta dalam pengeluaran pertanian secara besar-besaran dan berteknologi tinggi. Syarikat

besar digalakkan terlibat secara langsung di dalam pengeluaran buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan, perikanan laut dalam dan akuakultur;

- (iii) menyediakan pakej insentif skim pembiayaan pertanian yang lebih menarik, kemudahan sokongan dan perkhidmatan bagi menggalakkan peningkatan dan perubahan taraf petani dan pengusaha kecil kepada pengusaha sederhana dan besar-besaran;
- (iv) menggalakkan penyatuan tanah-tanah yang bersaiz kecil untuk menjadikannya unit-unit pengeluaran yang bersaiz lebih besar dan menguntungkan dari segi kecekapan kos operasi dan pengurusan;
- (v) memberi fokus penyelidikan dan pembangunan atau R&D yang berorientasikan ke arah peningkatan pengeluaran dan pengurangan kos pengeluaran. Memperbaiki kedudukan daya saing pengeluar-pengeluar pertanian tempatan. Memperbaiki teknik pengendalian lepas tuai seperti pembungkusan dan meluaskan penggunaan jentera bagi menggantikan buruh;
- (vi) memaksimumkan dan memperkemaskan serta meningkatkan pemasaran termasuk penyelarasan pengagihan, pemasaran borong dan runcit, memperbaiki sistem maklumat pasaran dan harga pengangkutan, penyediaan infrastruktur pemasaran; dan
- (vii) menggalakkan industri hiliran makanan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, syabas kepada kerajaan seperti yang dinyatakan oleh Dato' Timbalan Menteri tadi pendekatan-pendekatan yang dinyatakan untuk menggalakkan pengeluaran makanan. Ini dasar kerajaan. Di sana apa ada, Sabah masa dia memerintah apa dia buat? Bagi balak kepada orang dia sahaja, bagi tanah kepada orang dia. Tidak tahu yang masalah tinggi tanah di Sabah kerana

tanah-tanah yang molek dan cantik sudah diberi kepada penyokong-penyokong PBS. Itu sebab tanah yang tingi itu. Betul...

Tuan Yunof Edward Maringking: Barisan Nasional rampas dijual balik.

Seorang Ahli: Apa itu, apa itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kemukakan soalan, Yang Berhormat. *[Ketawa]*.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Betul. Kerajaan ada caranya...

Tuan Yunof Edward Maringking: Barisan Nasional rampas tanah rakyat jual balik kepada.....

Seorang Ahli: PBS beri sama orang itu, bising-bising.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bila diberi memerintah kerajaan, dia salah gunakan kuasa seperti dia salah gunakan di Kelantan. Sama, Kelantan pun sama.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Itupun hendak ambil Perlis.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Haa...ambil Perlis hendak bawa keluar daripada Malaysia pula. Ini pembangkang.

Tuan Yunof Edward Maringking: Apa, apa?

Seorang Ahli: Tidak ada apa. Tidak ada apa! *[Ketawa]*.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya ini usaha-usaha yang baik...

Tuan Yunof Edward Maringking: Apa tanya lagi...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dan saya khusus hendak bertanya kerajaan pun sudah mengeluarkan peruntukan yang besar juga. Peruntukan 3F- fund for food. Setakat ini bagaimana penggunaannya? Kadang-kadang kita dengar dari hasrat murni kerajaan itu baik, keluarkan dana-dana yang banyak, tetapi permasalahannya dari segi pelaksanaannya. Kalau dapat sedikit penjelasan daripada Dato' Timbalan Menteri.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Rompin. Sambutan kepada tabung pemakanan atau 3F amat menggalakkan, daripada RM700 juta yang telah diperuntukan oleh Kementerian Kewangan maka sebanyak RM585.92 juta telah dikeluarkan kepada 2,118 pengusaha. Ini amat menggalakkan tetapi walau bagaimanapun Sabah tidak begitu besar yang dipinjam, mungkin apa Yang Berhormat kata betul, sebab itu pilihan raya baru ini UMNO boleh menang 24/24 - 100% menang.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tipu....

Seorang Ahli: Baru engkau orang tahu ha...

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Jadi kalau hendak banding dengan Johor, Johor telah menggunakan tabung ini sebanyak RM96.99 juta hampir RM100 juta, tetapi Sabah baru guna RM49 juta, jadi boleh tambah lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Masa untuk soal jawab sudah cukup. *[Ketawa]*

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1,2,5,6,8,14 dan 18 hingga 65 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1999) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua**DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.2) 1999**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-sebuah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion sembilan ratus lima puluh empat juta lapan puluh satu ribu dua ratus enam puluh (RM 1,954,081,260) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.” [20 Julai 1999].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Perbahasan dasar. Sepang.

11.07 pagi.

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Saya suka mengingatkan ya Yang Berhormat, sebentar ya, masa kita 10 minit.

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan perbekalan tambahan berjumlah RM1,954,081,260. Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan kecemerlangan kita seharusnya bangga terhadap kepintaran dan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dalam usaha beliau untuk membawa negara dan rakyat khususnya menuju ke arah kesempurnaan, keselesaan dan kesejahteraan hidup di dunia ini. Semoga mercu tanda dan segala pembangunan yang kita nikmati ini akan mendekatkan diri kita kepada Allah s.w.t.

Kita percaya melalui rakyat yang cemerlang dari segi sikap, minda, akhlak dan sebagainya sahajalah negara kita akan dapat melangkah ke alaf baru yang sudah pasti penuh dengan cabaran-cabaran yang menuntut kesabaran dan ketajaman akal fikiran. Justeru untuk mencapai tahap kecemerlangan ini keadaan persekitaran menjadi salah satu faktor yang terpenting bagi menggerakkan proses pembentukan kecemerlangan itu. Oleh sebab itu kata-kata seperti “not conducive, crowded, lack of facilities”, dengan izin, dan sebagainya lazimnya dikaitkan dengan keadaan persekitaran bagi membina suasana pembentukan kecemerlangan.

Negara kita sedang menuju ke arah kecemerlangan dan status negara maju menjelang tahun 2020. Pembangunan Putrajaya telah memberi platform yang sesuai untuk mencapai dan merealisasikan hasrat ini. Atas dasar inilah dan sebagai rakyat Malaysia yang sedang bersiap sedia untuk menghadapi alaf baru, kita sepatutnya berbangga dan menyokong pembangunan Putrajaya yang sudah pasti mempunyai perancangan yang rapi dan teratur untuk membawa dan menempatkan negara kita dan rakyat jelata ke tahap yang lebih sejahtera menghadapi cabaran-cabaran yang menanti.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang dibuat oleh Presiden PAS, Dato' Fadhil Noor dalam *Utusan Malaysia* pada 7 Julai 1999 dengan cita-cita mereka

untuk melelongkan Putrajaya amat mengecewakan. Ianya bukan hanya menggambarkan mentaliti yang murahan, tetapi...

Tuan Hashim bin Haji Jasin [Arau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Arau bangun. Hendak bagi jalan?

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Tidak ada masa, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia tidak bagi.

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Saya tidak beri laluan. Ianya bukan hanya menggambarkan mentaliti yang murahan tetapi fully ignorant, dengan izin, atau jahil mengenai matlamat dan objektif pembangunan dan konsep perancangannya. Kita hairan mengapakah masih ada pemimpin sedemikian daripada parti-parti pembangkang yang masih mendapat tempat di kalangan mereka. Ini jelas menggambarkan kesempitan dan kebolehan mereka dalam menilai sesuatu perkara yang hasilnya dapat kita dengar dan baca dan lihat seperti apa yang berlaku melalui ceramah-ceramah mereka. Adakah orang-orang ini yang hendak kita benarkan memipin negara? Tidak sama sekali. Kalau setakat untuk menidakkan keupayaan kerajaan tanpa fakta-fakta yang konkrit dan rasional saya rasa ini bukan hanya mengeringkan air liur sahaja, bahkan seperti membuka pekung di dada sendiri. Oleh itu saya berharap rakyat Malaysia yang bijak untuk menilai menjadikan kenyataan seperti ini di antara isu-isu yang dapat mereka buktikan.....

Tuan Haji Hashim bin Jasin: *[Bangun]*.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Duduklah... Pak Long, Pak Long, duduk Pak Long!

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:untuk menilai kewarasan golongan orang-orang yang sudah keliru ini. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Sepang ada point of order, Yang Berhormat.

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Saya tidak mahu bagi laluan. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sehingga baru ini saya terbaca.....

Seorang Ahli: Point of order..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat *[Ketawa]*.

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sekejap ha.., Yang Berhormat ada point of order. Ya, sila.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada 36(6) iaitu seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Memang jahat! *[Ketawa]*

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Jadi, oleh kerana Yang Berhormat tadi menyebut bahawa PAS ingin melelong Putrajaya dengan hanya membaca *Utusan*, adakah Yang Berhormat dengar ucapan yang sebenar?

Seorang Ahli: Bukan sangkaan jahat, hoi!

Seorang Ahli: He, duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Saya akan buat keputusan, Yang Berhormat. Seperti yang sedia maklum Ahli Yang Berhormat bahawa kalau ada sangkaan jahat harus ditujukan kepada ahli-ahli yang ada dalam Dewan. Sila teruskan.

Seorang Ahli: Tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya sila, sila teruskan.

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Injury time ya, Tuan Yang di-Pertua. Pembangunan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran negara yang baru

sudah pasti akan menjadi catalyst kepada pembangunan kawasan-kawasan berhampiran dan nadi pertumbuhan ekonomi negara yang baru. Konsep pembangunannya menggunakan kaedah penswastaan yang tidak membebankan kerajaan tetapi akhirnya akan dimiliki oleh kerajaan.

Kita juga turut berbangga pembangunannya telah menggunakan tenaga-tenaga mahir tempatan yang telah dapat membuktikan akan kemampuan rakyat Malaysia dalam melaksanakan projek yang besar dan serba moden ini. Perkara ini bukan sahaja menguji kebolehan tenaga mahir bahkan ianya sudah pasti dapat mengurangkan kos projek tersebut yang dahulunya terpaksa bergantung kepada kepakaran dari luar.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan pembangunan Putrajaya dan Cyberjaya sebenarnya dipagari dan dikelilingi oleh 7 buah kampung iaitu Kampung Dato' Abu Bakar Baginda, Kampung Sungai Merab, Kampung Desa Putra, Kampung Limau Manis, Kampung Dengkil, Kampung Pulau Meranti dan Kampung Dato' Ahmad Razali di Sepang.

Pada masa ini penduduk kampung berhampiran dapat melihat dengan nyata pelbagai bentuk pembangunan dan kecanggihan infrastruktur dibangunkan di sekeliling mereka. Rasanya merekalah orang yang paling bertuah kerana begitu hampir dengan pusat pentadbiran negara ini. Jumlah perbelanjaan yang besar telah pun dibelanjakan oleh kerajaan untuk membangun dan memastikan bandar Putrajaya dan Cyberjaya dapat dibangunkan seperti yang dirancang.

Walau bagaimanapun, saya bagi pihak rakyat Sepang memohon supaya kerajaan memikirkan pembangunan yang seimbang di kawasan Sepang. Contohnya, pembinaan hospital di bandar Putrajaya hanya akan menampung keperluan penduduk atau penghuni Putrajaya sahaja sedangkan pada masa yang sama, keperluan pusat perubatan di Sepang juga begitu mendesak kesan daripada pertambahan penduduk yang mendadak akibat daripada pembinaan KLIA dan projek perumahan di kawasan sekitarnya.

Masa ini penduduk di daedah Sepang terpaksa mendapatkan rawatan dari Hospital Seremban dan Kuala Langat. Pembinaan sebuah hospital telah pun diluluskan di kawasan Bandar Baru Salak Tinggi tetapi telah ditangguhkan pembinaannya kerana kekurangan peruntukan. Saya mohon supaya kerajaan dapat menyegerakan pembinaan hospital ini demi kepentingan dan keperluan rakyat Sepang.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa jalan di kampung-kampung telah mengalami kerosakan kerana telah digunakan oleh lori-lori muatan berat semasa melaksanakan kerja-kerja pembinaan kedua-dua bandar Putrajaya dan Cyberjaya. Keadaan ini dialami oleh jalan-jalan di Kampung Pulau Meranti, Kampung Dato' Abu Bakar Baginda dan Desa Putra. Adalah diharapkan supaya kerja-kerja membaik-pulih serta menaikkan taraf bagi jalan-jalan kampung ini dapat dipercepatkan untuk kemudahan dan juga keselesaan pengguna jalan raya di kampung.

Ia juga perlu supaya tidak wujud perbezaan ketara antara jalan kampung yang rosak dengan lebuh raya yang canggih yang menghubungkan kedua-dua bandar tersebut. Pembangunan infrastruktur yang seimbang meliputi kampung-kampung yang dinyatakan tadi amat diperlukan bagi membuktikan bahawa kerajaan bukan sahaja menumpukan perhatian kepada projek mega tetapi pada masa yang sama membawa kemudahan dan keselesaan kepada orang-orang kampung.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ialah mengenai pembahagian kerja-kerja pembinaan kepada kontraktor Sepang. Mengikut rekod pejabat daerah terdapat lebih kurang 140 kontraktor berdaftar di Pejabat Daerah Sepang. Dari jumlah yang diperuntukkan sebanyak lebih RM686,250,000 juta untuk pembangunan kemudahan, berapa ramai agaknya kontraktor dari Sepang dapat merebut peluang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari bahawa ramai di antara kontraktor-kontraktor di daerah Sepang ini hanya memiliki lesen pembinaan kelas "F" dan

tentunya tidak memiliki modal dan kemahiran teknikal yang secukupnya untuk menjadi main contractor, dengan izin, kepada projek-projek ini. Walau bagaimanapun, mereka mempunyai kemampuan kelas “B” untuk melaksanakan kerja-kerja subkontrak serta kerja penyelenggaraan yang kecil-kecil seperti membina longkang, parit, jalan premix dan landscaping.

Walaupun bagaimanapun, usaha untuk memperkenalkan kontraktor itu kepada pihak Putrajaya telah pun dibuat tetapi setakat ini masih belum mendapat kesan yang positif. Saya menyeru kepada main contractor di Putrajaya dan Cyberjaya ini tidak terlepas pandang kepada kebolehan dan kemampuan kontraktor tempatan. Sebenarnya anak-anak tempatan ini juga amat keinginan untuk menyumbang kepada pembangunan di tempat mereka sendiri, “*kalau hati nyamuk sama dicicah, apalah salahnya hati gajah sama dilapah*”, saya yakin dengan adanya agihan terhadap peluang-peluang ini maka hasrat kerajaan untuk memajukan lebih ramai usahawan bumiputra akan tercapai.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana mengambil berat terhadap pendidikan sekolah agama. Kita menyedari bahawa salah satu masalah yang dihadapi oleh pihak pentadbir sekolah agama ialah kekurangan bilik darjah untuk menampung pelajar-pelajar sekolah agama. Saya mencadangkan agar sekolah satu sesi bagi sekolah-sekolah kebangsaan dapat dilaksanakan dengan segera supaya pada sebelah petangnya bangunan yang sama boleh digunakan untuk pembelajaran sekolah-sekolah agama. Selain daripada mengatasi masalah kekurangan kelas, kaedah ini juga diharap dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan untuk membina bangunan tambahan yang menelan belanja yang lebih besar. Maka dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bandau.

11.19 pagi

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana masa yang singkat, saya ingin fokuskan pandangan-pandangan kita dan komen-komen kita kepada masalah di bawah bidang pendidikan yang mana, Tuan Yang di-Pertua, di dalam ringkasan jadual Kementerian Pendidikan telah pun diagihkan keseluruhannya RM496,300,000 untuk tujuan pembangunan dan juga pembekalan, iaitu soal perkara mengurus.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya dalam beberapa tahun ini bidang pendidikan telah pun menjadi fokus pembangunan negara dan ia telah pun disokong penuh dengan rang undang-undang yang telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan juga dasar-dasar yang pada keseluruhannya adalah cukup jelas dan mendorong matlamat kerajaan iaitu menjadikan Malaysia sebagai satu pusat pendidikan cemerlang.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara, masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh semua peringkat khususnya pihak swasta yang melibatkan diri dalam perkembangan sektor pendidikan ini. Antaranya, Tuan Yang di-Pertua, masalah tentang guru sandaran yang mana pada saat ini kerajaan telah pun memulakan dasar untuk mengurangkan ataupun menamatkan skim guru sandaran. Tujuannya adalah murni iaitu memastikan supaya guru-guru yang mengajar di sekolah rendah khususnya adalah terdiri daripada mereka yang qualified, dengan izin, terlatih iaitu lepasan daripada Maktab-maktab Perguruan dan latihan-latihan yang dijalankan oleh pihak kementerian.

Namun, Tuan Yang di-Pertua, dengan pelaksanaan dasar ini dengan tidak memberi notis yang mencukupi akibat keseluruhan adalah begitu teruk sekali, Tuan Yang di-Pertua. Di peringkat negeri Sabah khususnya ratusan bahkan saya ingin meminta maklumat yang terperinci daripada pihak kementerian berapa

banyakkah sebenarnya guru-guru sandaran yang terlibat? Kajian kita secara kasar pun ratusan, barangkali 500 lebih guru-guru sandaran yang tercicir hasil daripada pelaksanaan dasar untuk menamatkan skim guru sandaran, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin tekankan khususnya di dalam perkara ini, misalnya di kawasan Kudat dan Kota Marudu sahaja - SMK Kota Marudu, 8 guru sandaran tercicir. Di SMK Tandik, 8 guru sandaran tercicir; di SMK Sungai Magandai daripada 5 guru yang ada, tinggal satu yang tinggal, 4 telah pun ditamatkan. Di SK Tegibang daripada 8 guru, 4 guru tercicir dan ini hanya dalam satu kawasan Parlimen, Tuan Yang di-Pertua.

Kita difahamkan bahawa di seluruh negeri Sabah dan bahkan di negeri Sarawak, apabila pelaksanaan ini telah dimulakan, pihak kementerian tidak mengkaji sedalam-dalamnya akibat pelaksanaan dasar ataupun keputusan untuk menamatkan skim guru sandaran. Tuan Yang di-Pertua, masalah yang timbul di sini ialah dengan keinginan kerajaan untuk memastikan guru-guru itu adalah terlatih dan seterusnya, persediaan tidak tersusun dengan rapi di mana harus dikaji lebih awal berapa jumlah guru sandaran di setiap sekolah. Terdapat dalam satu surat khabar di mana Pengarah Pendidikan Sabah mengatakan, setelah seorang guru bahasa memberi maklumat kepada media bahawa di sekolahnya ramai guru tercicir dan guru tidak mencukupi. Pengarah pendidikan seterusnya mengatakan, guru bahasa harus tahu, seharusnya laporan itu dikaji dan berapa guru yang akan tercicir tetapi saya rasa masalah ini haruslah di peringkat jabatan dan pejabat pengarah pendidikan. Beliau harus tahu, berapa guru-guru sandaran yang akan tercicir, mana sekolah yang akan menghadapi akibat seterusnya. Kalau pihak jabatan tidak mempunyai maklumat, bagaimana pula kita melaksana dasar ini dengan tepat dan tanpa mengganggu sistem yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini saya ingin merayu bagi pihak rakyat keseluruhan supaya skim permulaan guru sandaran ini dikaji sedalam-dalamnya dan dilaksanakan secara berperingkat supaya tindakan-tindakan yang

perlu seperti mana yang telah kita syorkan di dalam Dewan yang mulia ini, supaya guru-guru sandaran ini diberi peluang terutamanya untuk memasuki maktab-maktab dan diganti secara berperingkat-peringkat supaya akibatnya dari segi kekurangan guru di beberapa sekolah tidak akan timbul.

Yang kedua, mengamalkan secara luas khususnya semasa cuti, supaya mereka diberi peluang untuk mendapatkan latihan dan seterusnya menjadi guru terlatih. Daripada mereka tercicir begitu sahaja dan seterusnya become unemployed, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan baru-baru ini kerajaan telah pun menghantar kira-kira 1,700 orang guru ke Sabah sememangnya untuk membantu masalah kekosongan guru akibat daripada pelaksanaan penamatan skim guru sandaran ini. Tetapi kita juga difahamkan bahawa guru-guru ini guru-guru yang muda dan kebanyakannya dari Kelantan, mengikut laporan yang kita terima. Saya minta kepastian, bahkan kebanyakan mereka adalah wanita mengikut laporan kita dan saya minta penjelasan, kenapakah kebanyakan dari Kelantan dan adakah mereka sepenuh masa

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang, bangun Yang Berhormat.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tidak ada masa.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Nanti, boleh menjawab dalam masa berucap, terima kasih. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, kalau mereka problem teachers, dengan izin, tolonglah jangan eksport mereka ke sana. Kalau mereka ini problem teachers bukan kerana masalah mereka tetapi saya tidak tahu masalah politik di Kelantankah atau saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kita tidak mahu negeri-negeri yang memerlukan guru yang terlatih pula menjadi sasaran dan dengan izin, become the recipient of adjusting problem. Mereka kebanyakannya wanita dan saya difahamkan tidak ingin ditukarkan ke

pedalaman. Jadi, ini tidak membantu masalah keseluruhan dalam bidang pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang supaya pihak kementerian mengkaji semula skim penamatan guru sandaran ini dan melaksanakan peringkat demi peringkat supaya masalah yang timbul kerana kekurangan guru secara yang tidak terlatih, pengangguran di kalangan bekas guru ini dapat diselesaikan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh satu perkara lagi di bawah bidang ini seperti mana saya sentuhkan tadi hasil daripada usaha kerajaan, dasar-dasar baru telah digubal dan undang-undang seterusnya dijalan, digubal dan diteruskannya. Tetapi antara soalan yang timbul ialah penubuhan Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, rungutan-rungutan dan teguran-teguran pihak pemaju pendidikan swasta ialah masalah di peringkat LAN. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian dan menyiasat perkara seperti soalan-soalan nombor satu, mengapa sangat lewat, mengapa sangat lambat untuk mendapat laporan balik daripada pihak Lembaga Akreditasi Negara mengenai sesuatu submission, dengan izin daripada pihak institut dan kolej-kolej tertentu kerana mengambil masa yang lama dan kadangkala kadang tidak menerima laporan ataupun penerimaan surat, I wish to declare, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua sesuai dengan Peraturan Mesyuarat. Saya ada vested interest dalam perkara ini dan sebab saya pun pengerusi, satu pengelola pendidikan juga tetapi institut saya tidak mempunyai masalah yang besar. Tetapi saya menyentuh masalah ini kerana perbincangan saya dengan beberapa orang dari institusi pendidikan swasta di Klang Valley, nampaknya masalah ini berterusan.

Saya difahamkan kerana ada masalah staffing di peringkat Lembaga Akreditasi Negara, tetapi saya rasa demi mencapai matlamat pendidikan negara supaya peraturan-peraturan itu cukup jelas supaya feedback diberi kepada para pemohon apabila mereka memohon diaccredit diploma mereka dan diberi had masa barangkali dalam masa tiga bulan mendapat feedback, dengan izin supaya

tidak terapung-apung kedudukan kursus tersebut sebab sesuai dengan akta yang ada apabila sesuatu kursus itu telah diserahkan ataupun para institusi memohon akreditasi kepada Lembaga Akreditasi Negara, kolej tersebut tidak boleh mengiklankan kursus tersebut.

Jadi, kalau satu kolej sudah menjalankan kursus sepuluh tahun yang lalu, dengan adanya akta yang baru dan memenuhinya dan sambil menunggu keputusan dari Lembaga Akreditasi Negara, tidak boleh mengambil pelajar-pelajar baru. Dengan ini dengan izin, they are going to burst and bankrupt. You going to kill the goose that lay the golden eggs. Maka saya menyentuh perkara ini dengan ikhlas sebab walaupun dasar-dasar dan undang-undang ada tetapi masih banyak yang kabur, barangkali ini peringkat pelaksanaan. Saya memohon pihak kementerian supaya mengkaji dan memastikan supaya sektor ini terus maju, sesuai dengan matlamat kerajaan.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, ialah soal biasiswa dan keperluan-keperluan kekurangan kewangan oleh pihak pelajar-pelajar di luar bandar seperti mana yang kita sedia maklum. Tabung Pendidikan Tinggi Negara telah pun ditubuhkan melalui Dewan yang mulia ini dan soalan saya dalam Dewan pada minggu yang lalu, saya ingin bertanya berapa pelajar dari Sabah dan Sarawak menikmati bantuan ataupun pinjaman daripada tabung ini. Pada tahun yang lalu, saya sungguh terkejut kerana hanya seorang sahaja dari Sabah yang mendapat bantuan ataupun pinjaman daripada sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kemampuan kerajaan untuk menampung pelajar-pelajar luar bandar di dalam institut pengajian tinggi awam (IPTA). Kebanyakan pelajar pergi ke institut pengajian tinggi swasta (IPTS) tetapi memandangkan dari segi fokus dan dari segi priority, pelajar-pelajar ini biasanya menjadi second category, dengan izin untuk mendapat bantuan. Saya mencadang supaya pihak kementerian dan pihak Tabung Pendidikan Tinggi Negara memberi satu jaminan ataupun satu dasar supaya pelajar-pelajar di institut pengajian tinggi

swasta diberi perhatian yang sama seperti di peringkat institut pengajian tinggi awam kerana jika program itu telah pun diberi akreditasi, mempunyai nilai dan mutu yang sama maka tidak ada sebab kenapa pelajar-pelajar di luar bandar yang pergi ke institusi pendidikan swasta tidak diberi bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, atas perkara-perkara ini, saya memohon pihak kerajaan memberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Tambun.

11.28 pagi.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan sektor kewangan dan perbankan. Beberapa isu-isu semasa, yang saya kira penting kerana kita mengambil sikap bahawa kerajaan telah memainkan peranan dalam pemulihan ekonomi. Tetapi kita perlu kepada sektor swasta memainkan peranan yang lebih untuk pembangunan yang lebih tinggi yang dicapai oleh negara serta pembangunan tersebut dapat bertahan sehingga beberapa tahun yang akan datang.

Saya ingin menyentuh mengenai dengan peranan Jawatankuasa Pengstruktur Pinjaman Korporat (CDRC). Saya difahamkan sebanyak 47 syarikat telah memohon dan hutang tertunggak syarikat-syarikat tersebut adalah sebanyak RM25 bilion. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Kewangan.

Saya difahamkan NPL bank sekarang adalah sebanyak RM30 bilion. Apabila hutang tertunggak daripada 47 pemohon ini di bawah analisis CDRC tentulah ianya bukan sebahagian daripada NPL. Ini bermakna bahawa jumlah pinjaman bermasalah yang dihadapi oleh sektor perbankan adalah NPL - RM30 bilion dan hutang di bawah syarikat-syarikat, di bawah CDRC sebanyak RM25 bilion bermakna RM55 bilion.

Jadi, persoalan saya yang pertama, adakah kerajaan yakin bahawa CDRC dapat menyelesaikan masalah 47 buah syarikat yang memohon untuk bantuan dan jika tidak bagaimanakah masalah RM25 bilion pinjaman ini hendak diatasi. Jika sekiranya ianya diletak di bawah NPL bermakna kita akan menghadapi lagi satu krisis kewangan dan saya tidak yakin bahawa Danaharta mampu untuk menghadapi masalah tersebut. Yang kedua, saya dapati bahawa tugas yang dijalankan oleh CDRC ini begitu perlahan. Saya merasa kebimbangan ini kerana di dalam kenyataan-kenyataan yang kita perolehi di mana kita sedia maklum sektor perkilangan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi. Tahun lalu pengeluaran sektor perkilangan menurun sebanyak 10.2%. Ini pertama kali keadaan tersebut dialami oleh negara semenjak tahun 1985. Pengeluaran untuk keperluan domestik turun sebanyak 13.4% dan keperluan eksport sebanyak 7.3%.

Saya mendapati bahawa sekiranya masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat ini tidak diselesaikan segera, ini akan membantutkan usaha sektor perkilangan untuk memainkan peranan dalam pertumbuhan ekonomi. Jadi, saya ingin bertanya, mengapakah masa yang begitu lama dijalankan untuk menyelesaikan masalah tersebut? Kerana saya amat faham bahawa isu yang dihadapi oleh syarikat-syarikat tersebut bukanlah satu isu yang susah. Ia adalah isu di antara membetulkan nisbah, di antara pinjaman dan juga ekuiti kerana syarikat-syarikat ini mengalami kesulitan kerana pinjaman yang begitu besar ditanggung oleh ekuiti yang begitu kecil. Bermakna hanya perlu membetulkan nisbah tersebut. Mungkin untuk membetulkan pihak bank mesti berkompromi dengan bersetuju untuk menukar pinjaman kepada ekuiti ataupun pergi kepada pasaran modal untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman baru.

Di samping itu, saya juga ingin bertanya, apakah kriteria yang ditentukan oleh kerajaan bagi sebuah syarikat boleh memohon bantuan daripada CDRC? Mengapa 47 buah syarikat, adakah kerana syarikat ini di dalam Bursa Saham

Kuala Lumpur? Dan bagaimana dengan syarikat-syarikat lain yang juga memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara. Tidakkah syarikat-syarikat ini patut juga diberi pertimbangan?

Saya juga berharap bahawa CDRC akan memainkan peranan secara profesional, tidak memberi priority kepada mana-mana satu syarikat, kerana ini akan memusnahkan harapan kita untuk memiliki satu sektor swasta yang berasaskan kepada good governance.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya ingin mendapat penjelasan daripada sahabat saya dari Tambun. Adakah beliau bersetuju jika peranan CDRC ini bukan sahaja meliputi syarikat-syarikat yang besar tetapi juga hendaklah meliputi syarikat-syarikat yang kecil tetapi strategic business yang perlu diselamatkan juga.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, beri saya lebih 10 minit, boleh? [Ketawa] Saya bersetuju dengan rakan saya dari Bagan Datoh kerana kita amat maklum, di dalam dunia globalisasi sekarang ini, syarikat-syarikat yang medium saiz ini memainkan peranan penting kerana struktur beginilah yang mampu untuk menangani krisis dalam ekonomi global. Jadi, saya bersetuju bahawa CRDC mesti juga memberi perhatian kepada syarikat-syarikat medium size.

Saya difahamkan banyak syarikat begini yang berpotensi, yang mempunyai export market, yang menghadapi masalah tetapi tidak diambil kira oleh CDRC. Saya berpendapat bahawa syarikat-syarikat yang mempunyai export market yang viable inilah mesti diberi keutamaan, sama ada mereka dalam Bursa Saham Kuala Lumpur ataupun tidak.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan sektor perbankan. Saya ingin bertanya satu soalan. Setelah kita menghadapi NPL RM30 bilion dan juga hutang lapuk oleh 47 buah syarikat tadi sebanyak RM25 bilion, bermakna RM55

bilion. Apakah pihak kerajaan dapat melihat dengan izin, what do they discover from this crisis? Saya menyentuh perkara ini Tuan Yang di-Pertua, saya ada mengadakan perbincangan dengan pegawai kanan daripada Bank Negara. Pegawai kanan bersetuju bahawa bank-bank kita tidak mempunyai kepakaran dan kepakarannya begitu rendah jika dibandingkan dengan bank-bank perdagangan dan ini akan menjadi satu masalah besar pada masa akan datang atas dua sebabpertama, kita sekarang melangkah ke industri IT. Semasa kita menghadapi masalah pada tahun 1985, kita melangkah kepada sektor perindustrian. Cantuman daripada pertanian dan perindustrian kita dapat melahirkan ekonomi yang gagah selama 8 tahun dengan pembangunan 7% setahun, dipanggil sebagai keajaiban ekonomi. Apabila kita menghadapi masalah sekarang, kita akan melangkah pula ke industri IT bermakna cantuman daripada pertanian, perindustrian dan IT akan jadi ekonomi masa hadapan negara. Saya dapati sistem financing masa hadapan itu berbeza dengan sistem perkilangan. Sistem perkilangan, dia ada projek, projek dan aset. Aset ini boleh dicagarkan kepada bank tetapi di bawah sistem IT ataupun MSC, pertama sekali projek lahir daripada idea dan banyak pengusaha ini terdiri daripada individu yang tidak mempunyai aset. Jadi, di bawah sistem ini, pihak bank hanya dapat membantu sekiranya mereka mempunyai kepakaran yang tinggi. Jika tidak kita melakukan vis-a-vis kepada industri masa akan datang. Harapan negara untuk melangkah menjadi negara maju bergantung kepada industri ini tetapi kepakarannya tidak ada, ini menjadi masalah.

Jadi, kalau kita membawa sikap orientasi memberi pinjaman berdasarkan kepada collateral di dalam dunia IT nanti, sistem ini sudah menjadi obsolete. Maka saya mengambil sikap bahawa perkara ini adalah perkara penting. Pegawai kanan dalam Bank Negara recognized this problem, tetapi apakah yang harus dilakukan oleh kerajaan untuk rectify masalah ini supaya bank-bank kita dapat bertindak mengikut keperluan masa itu?Kedua, dari segi globalisasi, WTO. Perlaksanaan General Agreement on Trade, Tariff and Services (GATTs) dengan

izin, bank-bank akan bersaing dengan bank tempatan. Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, kita boleh ketawa, kita katakan, kita mampu bersaing tetapi kita tidak berpijak di atas bumi nyata. Apabila GATTs dilaksanakan pada tahun 1995 dan seterusnya, pada masa itu kita akan menghadapi bencana besar. Bank-bank luar akan membuka cawangan di merata negara kita. Di manakah bank-bank kita akan bertapak? Saya percaya dalam suasana itu nanti sekiranya human capital kita tidak serasi dengan keperluan pada masa itu, bank kita akan menghadapi kerugian dan bank ini akan diambil alih oleh bank-bank luar. Jadi ini satu masalah yang harus kita fikir sekarang. Untuk menghadapi masa akan datang, we must design the future now.

Jadi, kalau kita mengambil sikap melihat kebelakang, melihat masalah sekarang, tidak melihat ke hadapan, negara kita tidak akan menjadi negara maju, malahan saya bimbang daripada taraf kita menjadi sebuah negara membangun, kita mungkin ke belakang balik menjadi sebuah negara membangun pada peringkat awal. Ini juga ada kaitan dengan isu semasa, mengapa pihak bank tidak mahu memberi pinjaman kepada pemohon-pemohon? Adakah kerana mereka telah menghadapi satu masalah besar semasa krisis ekonomi sehingga mereka tidak yakin kepada sektor ekonomi atau real economy ataupun kerana kepakaran mereka, kerana kepakaran bank dahulu membenarkan good cooperate governance ini tidak dilaksanakan.

Seperti mana saya katakan tadi that equity ratio yang tidak betul, mistorted dengan pinjaman yang begitu banyak, nisbahnya begitu tinggi sampai 50 hingga 60 kali pada hal sepatutnya setinggi-tinggi pun 5, 6 kali. Maknanya 6 pinjaman satu ekuiti. Itu kerana tidak ada kepakaran bank dan sekarang kita menghadapi syarikat-syarikat yang tidak dapat memperolehi pinjaman dan ini sesuatu yang begitu merbahaya sekali dan tidak membantu dalam membangunkan ekonomi negara kita.

Saya juga ingin menyentuh tentang peranan Bank Negara. Saya ada bangkitkan isu Bank Negara pada masa lalu, ia begitu lacks. Bank-bank saudagar menghantar maklumat bulanan terdapat discrepancy tetapi Bank Negara tidak mengambil tindakan. Dalam perbincangan saya dengan Pegawai Kanan Bank Negara, dia mengakui. Saya ingin bertanya apakah penyesuaian dan penyusunan semula yang telah dilakukan oleh Bank Negara kerana peranan Bank Negara begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua: Minta gulung, ya.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Biar saya satu perkara lagilah. Saya hendak sentuh berkenaan Amanah Saham Nasional Kedua yang dilancarkan. Ini memberi harapan besar kepada negara dari segi tabungan, kaum bumiputera terutamanya dari segi pelaburan. Saya mendapat tahu bahawa untuk membeli Amanah Saham Nasional II ini mesti memerlukan pelanggan pergi ke pejabat ASN atau ASB. Dan kedua, dia perlu bayar secara cash. PNB tidak menerima secara cek ataupun bank draft. Ini menyulitkan. Tempoh hari seorang rakan saya menjual tanah dapat RM500,000, hendak masuk dalam ASN II tidak dapat. Akhirnya dia panggil seorang pegawai daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji datang ke rumahnya, dia bagi cek dan dengan isi borang di rumah sahaja dia dapat menyimpan, ASN II begitu sukar untuk simpan. Saya harap masalah ini boleh di 'rectify'. Tidak ada masalah untuk menerima cek ataupun bank draft. Apabila kita ialah owner the cheque or the bank draft baru kita boleh confirmkan ataupun mengesahkan pemberian sijil kepada pelabur. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yan.

11.44 pagi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada MTEN kerana pemantauan dan program yang begitu baik dan juga pandangan jauh ke hadapan maka sekarang kita boleh lihat bibit-bibit pemulihan daripada

demam ekonomi kita pada suatu ketika dahulu. Baru-baru ini kita difahamkan bahawa kerajaan Barisan Nasional akan memperbanyakkan projek-projek pembangunan dan ini bukan janji kosong seperti PAS dan DAP kata. Ini semua betul. Saya berharap pihak pegawai-pegawai Kementerian Kewangan khususnya perlu bekerja lebih kuat dan keras supaya memastikan projek pembangunan dapat dijalankan dan duit berada di dalam pasaran supaya orang-orang berniaga dan masyarakat kita dapat menikmati pengeluaran duit daripada kerajaan di dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membetulkan agar pegawai-pegawai kerajaan terutama sekali di Kementerian Kewangan supaya apabila pengagihan projek itu agihlah dengan seadil-adilnya. Saya mendapat banyak rungutan daripada consultant-consultant bumiputera kita dan pemborong-pemborong bumiputera, ada di antara projek-projek diberikan kepada satu-satu syarikat itu dengan begitu banyak dan ada juga yang langsung tidak ada. Ada syarikat hingga bertahun-tahun tidak dapat projek dan ada pula yang sudah dapat projek tetapi masih diberikan lagi. Jadi apa salahnya kita agihkan bagi sama rata. Kita sudah ada duit banyak sikit kita agihkan dengan berapa syarikat yang ada dan kita bagi satu-satu dan apabila habis kita berikan lagi. Jangan pula kita load terlampau banyak.

Di Kedah ada satu syarikat architect consultant yang sokong parti pembangkang dan letakkan lambang parti pembangkang seperti ADIL dan sebagainya di dalam kereta mereka tetapi masih dapat projek lagi. Jadi saya kira perkara-perkara seperti ini pihak pegawai kerajaan patut prihatin. Orang yang menyokong pembangkang dan merosakkan negara dan ekonomi negara ini buat apa kita tolong. Bagi mereka senang tetapi duit itu mereka buat untuk melingkupkan negara. Bukan main-main, seperti di Perlis. Sebab itulah orang-orang agama dan tok-tok guru kalau mereka masuk politik jadi celaru.

Dahulu orang hormat Datuk Dr. Harun Din sebagai seorang tokoh agama dan pendakwah agama dan saya pun hormat dia. Tetapi bila dia masuk politik dia dirasuk oleh puak-puak yang berkawan dengan syaitan, lingkup orang tua itu hingga hendak bawa Perlis keluar. Perlis hanya mengharapkan buah mempelam 'tok nuh' sahaja mana cukup untuk membayar gaji kerajaan, mana ada pendapatan lain. Kalau hendak keluar Malaysia ini tentu hendak jadi Perdana Menteri Perlislah ini. Belum memerintah lagi sudah hendak jadi Perdana Menteri. Itulah dia kalau orang agama terlibat dalam politik ianya menjadi celaru.

Saya minta Yang Berhormat bagi Marang, Arau dan semua yang pakai serban dan ketayap supaya beritahu mereka supaya fikir betul-betul. Termasuklah Presiden PAS pun, jangan celaru. Bercakap semakin hari semakin celaru, hinggakan atas kubur Cina pun letak bendera PAS, yang sudah mati mana boleh mengundi. Buat apa hendak berkira dengan puak ini.

Tuan Radin Malleh: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak. Saya ada sepuluh minit..

Tuan Radin Malleh: Boleh tolong pakai bahasa bakukah?. Kita tidak mengertilah.. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini bahasa bakulah, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat kena belajar balik bahasa baku. Saya bercakap bahasa baku. Cuma dia 'perat' sikit sahaja.

Jadi saya berharap bahawa duit yang hendak kita keluarkan itu agihkanlah kepada kontraktor, bagi sama rata kepada consultant-consultant. Tentang projek yang kerajaan hendak buat iaitu Projek Perumahan Negara saya ucap terima kasih banyak iaitu 35,000 unit hendak dibuat di Wilayah Persekutuan kerana kita kasihan dan prihatin kepada rakyat yang tumpang cari makan di Wilayah Persekutuan duduk di rumah haram dan sebagainya. Saya biasa tengok pegawai polis dan pegawai ini duduk di rumah setingan dan kita berasa kasihan, jadi

kerajaan hendak buat. Saya dapati ada juga di jabatan-jabatan dan kementerian blok benda-benda seperti ini.

Contohnya projek perumahan ini sebanyak 35,000 unit saya dapati dari consultant diblok oleh pegawai iaitu Encik Sim Gam Poh, Timbalan Ketua Pengarah II kementerian sendiri yang melambat-lambatkan program dan melambat-lambatkan bayaran kepada consultant untuk menjalankan projek. Jadi bagi saya kalau ada pegawai yang bersikap sedemikian mereka maknanya menghalang pembangunan negara, menghalang pertumbuhan ekonomi negara dan memulihkan ekonomi negara. Kita tidak boleh halang, berikan sahaja asalkan pemberian itu ikhlas dan adil. Jangan kita berat sebelah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, saya dapati banduan di penjara kalau orang itu sakit dia dibawa ke hospital, mereka diletakkan di kelas tiga, itulah standard mereka di kelas tiga. Tetapi banduan yang ada duit dia boleh bayar duit untuk duduk di kelas pertama. Jadi dia boleh relaks di kelas pertama. Sepatutnya dia boleh keluar balik ke penjara tetapi dia tidak mahu, dia masih lagi hendak duduk di sana. Ada dua, tiga kes dia duduk lagi di sana jadi sesiapa pun boleh masuk sebab dia duduk di kelas pertama. Isteri hendak masuk tidak mengapalah tetapi kawan yang lain masuk bersembang dan bercerita dan sebagainya. Seperti Yang Berhormat bagi Permatang Pauh masa ini beliau masih berada di dalam tahanan tetapi apabila dia hadir ke mahkamah, masa rehat dia bebas. Dia boleh buat keluar statement, boleh buat surat bagi kepada pemberita, keluar statement dalam surat khabar dan sebagainya.

Jadi saya minta Ketua Pengarah Penjara supaya lebih prihatin dan menjalankan tugas-tugas dengan seadil-adilnya. Jadi sebagai orang dalam tahanan ialah untuk memberi pengajaran dan pemulihan kepada mereka. Kalau mereka pula boleh duduk di kelas pertama di hospital, kemudian boleh juga buat laporan polis melalui surat, buat statement di mahkamah dan sebagainya, jadi saya kira ini tidak sesuai.

Saya berharap pihak Ketua Pengarah Penjara lebih prihatin perkara ini. Dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta kepada pihak pembangkang, memang betul kita hendak menghadapi pilihan raya tetapi tidak tahu bila lagi tetapi jangan kita gadaikan pilihan raya kita hingga menjadi tumpah darah dalam negara kita ini.

Kita ambil iktibar daripada negara-negara jiran kita yang menghadapi pilihan raya, sehingga hari ini pun kita tidak dapat keputusan pilihan raya di negara tersebut. Dalam negara kita, saya ucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihan Raya kerana selama ini mereka menjalankan tugas dengan cukup baik. Tetapi saya hendak minta kepada parti pembangkang kerana Barisan Nasional ini cukup tertib dan cukup baik, kalau kita hendak kata pun, sedikit-sedikit sahaja. Tetapi sebelah parti DAP, parti PBS, tidak mengapalah, mereka menjaga Sabah, kemudian PAS. Saya hendak minta kepada PAS, kita sebagai rakan orang Islam, sebagai saudara, apakah kata-kata memaki hamun itu wajar dalam Islam.

Saya hendak tanya betul-betul, balikkah, selepas sembahyang cuba Yang Berhormat dari PAS duduk merenung jauh ke hadapan. Apakah kita memaki hamun orang, mencarut kepada orang itu adalah satu perkara yang disuruh oleh Islam? Yang Berhormat Nik Aziz berkata, orang perempuan cantik tidak boleh bekerja. Macam mana Tuan Yang di-Pertua, bila lahir bukan kita yang lukis muka itu. *[Ketawa]* Allah Ta'ala menjadikan begitu. Aniaya kalau orang-orang yang segak di Kelantan tidak boleh kerja, tidak mengapalah. Segak-segak di Kelantan, tidak mahu, datang ke Kedah, kita berikan kerja kepada mereka. Orang yang segak tidak boleh bekerja, Tuan Yang di-Pertua, tidakkah kasihan kepada mereka. Inikah keadilan? Islam menyuruh begitukah, saya hendak tanya.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: *[Bangun]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat dari Arau, apa dia, duduk dulu. Bagilah, tidak apa, kasihan. *[Ketawa]*

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Yan. Pertama, saya ingin membetulkan bahawa orang yang buat kacau dalam pilihan raya dan boleh tumpah darah adalah daripada parti pembangkang. Saya fikir itu satu kenyataan yang nakal yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Yan kerana sudah sembilan kali kita masuk pilihan raya umum dan setiap kali keputusan pilihan raya diumumkan, PAS tidak pernah melakukan apa-apa kacau-bilau.

Seorang Ahli: Betul.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Tetapi, kali yang ke sepuluh ini, mungkin satu keputusan mengejut akan berlaku dan mungkin BN yang akan buat kacau. Bukan PAS kerana PAS sudah sembilan kali, tidak pernah buat kacau. Yang kedua...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini penjelasan atau hendak bersyarah?

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Boleh dua-dua?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak boleh, ini masa saya. [Ketawa] Masa saya, mana boleh. Duduk. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Saya ada lagi hendak memberi penjelasan berhubung dengan orang cantik.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak mengapa. Sampai giliran Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh cakap. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberitahu kepada PAS yang tidak berlaku pergaduhan ini kerana kita sabar, pegawai-pegawai polis sabar, pegawai-pegawai kerajaan sabar. Kalau ikutkan mereka, mereka maki pegawai-pegawai polis macam-macam, kata macam-macam, rasuk budak-budak di sekolah dan saya difahamkan kalau ada pilihan raya kononnya, semua pelajar universiti akan keluar membuat kerja untuk pilihan raya. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa mereka pergi ke universiti

itu adalah duit rakyat, duit kita? Kemudian, apabila mereka tidak pas, adakah PAS akan memberikan kerja kepada mereka? PAS hendak ambil mereka jadi apa?

Jadi, Yang Berhormat kena berfikir. Jangan gadaikan maruah negara, jangan gadaikan ekonomi negara, jangan gadaikan keselamatan negara kerana hendak memerintah. Jadi, saya berharap Yang Berhormat terangkanlah kepada ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin PAS supaya mereka ini, be a bit matured, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Faham tak, saya cakap sedikit bahasa Barat. *[Ketawa]* Beritahu kepada pemimpin-pemimpin PAS, gentlemen dalam menghadapi pilihan raya, macam Barisan Nasional. Jangan maki pemimpin-pemimpin kita, taghut dan sebagainya. Kita tidak boleh buat begini.

Sebagai orang Islam, kita patut hormat-menghormati di antara satu sama lain. Hendak bawa keluar fatwa, bawa keluar elok-elok, jangan mengata kepada orang lebih kurang, hendak bawa keluar Perlis daripada Malaysia. Perlis boleh hidup sendirilah Yang Berhormat dari Arau? Musim buah mempelam, mempelam tidak laku, mampuslah Perlis. Ini saya hendak beritahu terang-terang. *[Ketawa]* FAMA!ah yang akan tolong jual mempelam Perlis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Gulung, ya. Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, kita tengok Putrajaya adalah satu kebanggaan negara kita. Tengok lambang dan keadaannya bagaimana. Tadi, Yang Berhormat dari Sepang berkata orang-orang Melayu pun boleh tumpang cari makan. Rakyat keliling itu pun boleh tumpang hidup. Mengapa PAS hendak lelong? Awak ingat ini dua seduitkah? Kita hendak buat program-program kerajaan, cuba Yang Berhormat baca peruntukan-peruntukan yang kita hendak buat.

Jadi, Yang Berhormat sekalian, daripada PAS terutama sekali, saya berharap supaya Yang Berhormat semua lebih menjadi rakyat yang lebih berpandangan jauh untuk membina negara kita ini supaya ia menjadi negara yang muhibah dan baik. Ekonomi negara kita sudah bertambah baik, Tuan Yang di-

Pertua. Projek-projek yang banyak kita hendak perbanyakkan lagi. Jadi, saya minta Yang Berhormat dari parti pembangkang termasuk 'Kepong Singh' supaya membantu kita.

Seorang Ahli: Kepong Singh?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya panggil 'Kepong Singh' tadi kerana bahagian Yang Berhormat Karpal Singh patut jawab, tahu-tahu dia bangun bertanya soalan. Jadi, saya panggil dia 'Kepong Singh'. Cuma dia tidak ada janggut, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Jadi, saya berharap sangat kepada parti pembangkang supaya insaf, sedar dan bertaubat termasuk Yang Berhormat dari Marang. Saya hormat Yang Berhormat ini kerana dia tidak cakap banyak, duduk senyap sahaja. Tetapi satu, Yang Berhormat tidak mahu dengar cakap orang. Yang Berhormat datang bersyarah dan balik. Apabila Menteri menjawab, Yang Berhormat tidak tunggu. Jadi, Yang Berhormat tidak berapa faham. Kalau boleh Yang Berhormat kena dengar, kita kena ada dua way, give and take, orang Putih kata, beri dan terima.

Dan pejabat surat khabar *Harakah*, Tuan Yang di-Pertua. Berhentilah daripada membuat fitnah. Orang Cina mati pun hendak di kacau, buat apa? Cina sudah mati, pergi kacau adik-beradiknya, buat apa lagi. Jadi, surat khabar *Harakah* ini pun, saya minta, tidak mengapalah jika hendak melapor walaupun benda yang mereka tidak boleh jual, mereka jual, Tuan Yang di-Pertua, itu sudah bercanggah dengan undang-undang. Bendera yang tidak patut naik dibawa naik, kemudian orang perempuan tidak boleh, macam-macam lagi. Kalau saya hendak bercakap, Tuan Yang di-Pertua, tambah sepuluh jam pun tidak cukup.

Tetapi saya hendak beritahu surat khabar *Harakah*, jangan memberi laporan-laporan yang tidak betul. Akibatnya, di akhirat kelak kita akan menanggung. Tuhan sudah buat neraka untuk kita, kena sedar. Yang Berhormat

dari Arau jangan dok dengar macam itu. Neraka menunggu Yang Berhormat kalau buat tidak betul di dunia. Kita sebagai pemimpin akan dipersoal di akhirat kelak. Ini yang saya hendak ingatkan Yang Berhormat sekalian.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Hadis! Bawa keluar hadis.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup masa, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Sudah cukup? Kalau begitu, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Marang.

11.57 pagi

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang pertama, saya ingin menyentuh perkara yang berkait dengan Jabatan Perdana Menteri. Walaupun di dalam Perbekalan Tambahan yang dibincang kali ini disebut adanya tambahan yang diberi kepada Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri. Apa yang penting kepada kita bukan sahaja kewangannya ditambah tetapi kegiatan-kegiatannya juga mestilah dengan suatu cara yang benar-benar memberi kesan yang positif dari segi kesedaran dan kefahaman Islam kepada rakyat dan termasuk juga kerajaan.

Akhir-akhir ini terdapat kenyataan-kenyataan sumbang yang disampaikan oleh pihak yang berkenaan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain yang menjaga hal-ehwal agama. Kenyataan yang menunjukkan bahawa mereka akan mengongkong kegiatan-kegiatan masjid dan kegiatan-kegiatan imam masjid di atas alasan supaya tidak melibatkan diri dengan perkara politik. Perlu diketahui bahawa politik adalah satu aspek yang tidak boleh dipisahkan daripada

ajaran Islam. Memisahkan politik daripada Islam adalah ajaran yang dibawa oleh Barat yang tiada kena-mengena dengan ajaran Islam. Bahkan kegiatan-kegiatan politik di zaman awal Islam, banyak bertolak daripada masjid.

Pemimpin-pemimpin negara yang baru dilantik menyampaikan ucapan dasar dan ucapan sulung mereka melalui khutbah-khutbah masjid dan imam-imam masjid diberi peluang, bukan sahaja mengkritik rakyat tetapi juga mengkritik kerajaan sekiranya berlaku kesilapan dan penyelewengan dan pihak kerajaan mestilah dengan dada yang terbuka dan sikap yang terbuka, menerima teguran dan kritikan yang membina. Sekiranya teguran itu tidak betul, maka hendaklah diberi alasan-alasan yang kuat kepada sesiapa sahaja yang menegur itu.

Mungkin kenyataan yang dibuat kerana reaksi daripada beberapa khutbah yang disampaikan. Di antaranya ialah di negeri Selangor yang dikatakan mengkritik beberapa perkara dan cara yang dilakukan oleh kerajaan. Adalah hak mereka untuk bersuara melalui mimbar masjid yang diberi kepada mereka dengan alasan-alasan yang kuat dan hujah-hujah yang kuat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yan bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang : Tidak bagi. Tidak cukup masa, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* Kita boleh bersembang di luar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan mesyuarat*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Takutkah?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang : Kemudian perkara yang kedua yang ingin saya sebut juga ialah perkara yang berkait dengan bukan sahaja JPM tetapi Kementerian Pertahanan. Sebagai satu contoh, apabila...

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanjong Karang bangun.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang : Tak bagi.

Tuan Haji Noh bin Omar: Sebut Selangor. Saya dari Selangor.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang : Tuan Yang di-Pertua, apabila...

Tuan Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat, saya dari Selangor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang : Apabila perkara yang berkait dengan Tugu Negara...

Tuan Haji Noh bin Omar: Cakap separuh sahaja.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dan diadakan program pemimpin-pemimpin kerajaan termasuk Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Di antara upacara Hari Pahlawan ialah bertafakur di Tugu Negara di mana perkara ini adalah bercanggah dengan ajaran Islam. Saya difahamkan bahawa ada mufti, salah satu mufti di Wilayah Persekutuan yang pernah menegur perkara ini kepada pihak yang berkenaan dan difahamkan bahawa mufti yang berkenaan telah ditamatkan perkhidmatannya kerana menegur dan mengkritik. Ini adalah satu contoh yang tidak baik yang menunjukkan bahawa pihak kerajaan tidak mempunyai sikap yang terbuka, termasuk dalam hal berkaitan dengan agama Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga saya ingin menyentuh apa yang disebut.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat Marang...

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang ...iaitulah tentang Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tadi saya beri laluan kepada pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak beri jalan..

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Saya tidak beri jalan, itu hak dia, ini hak saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Amboi kedekutnya [*Ketawa*]

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Kedekut tidak mengapa dalam perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Permatang Pauh di penjarakan. Di penjarakan sebagai satu hukuman yang belum lagi merupakan keputusan muktamad daripada mahkamah. Di tahan di bawah ISA ini kali yang pertama yang tidak dibicarakan di mahkamah dan satunya ditahan dan kalau tidak silap saya ini masih di peringkat rayuan. Belum lagi keputusan muktamad, beliau telah pun ditahan di dalam penjara. Walaupun belum ada satu keputusan muktamad di peringkat rayuan.

Minggu lepas beberapa hari yang lalu saya melawat beliau di mahkamah dan saya melihat sendiri bagaimana beliau kelihatan kurus. Kelihatan kurus, terlalu kurus, bukan sahaja kurus, terlalu kurus. Ini menunjukkan bagaimana layanan yang berlaku di dalam penjara. Terdapat perkara-perkara yang perlu dipersoalkan. Dan saya difahamkan bahawa ada kakitangan penjara yang diberitahu, dikatakan bersimpati dengan Yang Berhormat membawa sedikit makanan dan diintip, pegawai yang berkenaan ditukar dalam tempoh 24 jam, kerana dua ketul ayam. Ini adalah satu berita yang sangat mengecewakan.

Kemudian saya ingin menyebut perkara yang berkait dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. Yang penting kepada kita bukan sahaja wang yang diberi kepada Suruhanjaya Pilihan Raya. Termasuklah juga perjalanan pilihan raya sehingga hari ini undi pos, undi pos masih dipertikaikan. Masih terdapat perkara-perkara

yang perlu dipersoalkan. Dan ada kawasan-kawasan yang menang dengan undi pos seperti Jeli, yang menang dengan undi pos dan undi tentera. Seperti Peringat menang dengan undi tentera, sehingga hari ini pihak pembangkang tidak diberi hak yang sewajarnya di dalam memerhati undi pos ini. Adakah ia berlaku dengan adil ataupun tidak?

Undi tentera dan polis tidak diberi kebebasan di mana disiplin tentera dibawa dalam pilihan raya. Kakitangan bawahan di peringkat prebet, pegawai rendah, mungkin tidak mendapat kebebasan yang sebenarnya untuk mengundi. Mereka dikawal oleh disiplin oleh pegawai-pegawai yang lebih atas. Dan undi-undi tentera dijadikan sebagai saham untuk memberi kemenangan kepada Barisan Nasional. Ini menunjukkan berlakunya ketidakadilan dalam pilihan raya.

Kemudian politik wang masih diamalkan. Ianya bukan sahaja berlaku di dalam Perhimpunan Agung UMNO. Kalau dalam Perhimpunan Agung UMNO yang menjadi parti yang memerintah tidak boleh menunjuk satu contoh yang baik, itu parti yang menjadi kerajaan, bagaimana dia hendak mengendalikan pilihan raya dengan cara bertanggungjawab dan Suruhanjaya Pilihan Raya ini masih di bawah Jabatan Perdana Menteri, di bawah Presiden UMNO.

Dan kita masih melihat gejala-gejala politik wang masih berlaku di dalam pilihan raya. Penglibatan golongan korporat yang begitu besar, yang bersekongkol dengan pihak kerajaan, untuk memberi kemenangan kepada kerajaan dalam masa pilihan raya. Begitu juga dengan penggunaan alat-alat kerajaan dalam masa pilihan raya, televisyen kepunyaan kerajaan, jabatan-jabatan kerajaan, kementerian-kementerian, terutamanya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Penerangan dan sebagainya. Alat-alat kerajaan, kenderaan kerajaan digunakan untuk kempen pilihan raya. Menjadi amalan biasa dalam negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen. Apabila kerajaan meletakkan jawatan, parti kerajaan dibubarkan. Maka kerajaan yang memerintah ialah kerajaan sementara bukannya kerajaan parti yang

memerintah. Parti yang merintah sama dengan parti lain, bertanding di dalam pilihan raya. Tetapi dalam pilihan raya ini parti yang pernah menjadi kerajaan tidak malu-malu menggunakan alat-alat kerajaan.

Televisyen digunakan untuk kempen tiap-tiap malam dengan cara sebelah pihak. Tidak diberi peluang kepada pembangkang seperti yang berlaku di negara-negara lain. Walaupun ada kononnya hendak beri peluang tetapi peratusnya terlalu kecil yang tidak perlu dilayan kerana berlakunya tidak adil dalam pilihan raya ini dan masih berlaku pertindihan pengundi yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya yang dikatakan sekarang ini zaman komputer, zaman IT, zaman yang canggih tetapi masih bercelaru, masih terkebelakang. Ini adalah kelemahan-kelemahan yang ketara.

Yang kedua, saya ingin menyentuh berkenaan Kementerian Pendidikan. Peranan pendidikan Islam di institusi pengajian tinggi masih tidak berkesan. Sudahlah ianya tidak berkesan dan ada ura-ura seperti yang dimaklumkan di ITM. Sebagai contoh, konon hendak dihilangkan peranan pendidikan Islam ini. Maka bila peranan Islam ini hendak dihilangkan dan dikurangkan sedikit demi sedikit. Ini adalah satu langkah yang akan memberi kesan yang negatif di masa yang akan datang.

Pengkorporatan pusat pengajian tinggi masih menjadi masalah kepada pelajar-pelajar miskin. Walaupun ada kenyataan-kenyataan yang menyebut diadakan tabung-tabung sama ada oleh kerajaan atau pihak swasta kononnya untuk membantu pelajar-pelajar miskin. Tetapi masih banyak kelemahan yang menghalang kelicinan kemasukan pelajar-pelajar miskin ke pusat pengajian tinggi. Kadang-kadang hendak mendapat bantuan mereka terpaksa berjumpa dengan orang-orang berpengaruh, kemudian ditanya pula ahli UMNO atau tidak? Sepatutnya hak pelajaran ini mesti diberi kepada semua rakyat tanpa mengira kaum, tanpa mengira agama ataupun mengira parti politik. Kerana semua rakyat diambil cukai, masa hendak ambil cukai, road tax dan lain-lain lagi dia tidak tanya

parti apa. Tetapi bila hendak beri bantuan tanya parti apa? Hal ini adalah satu perkara yang sangat mendukacitakan, yang tidak betul.

Begitu juga dengan Akta Universiti yang mengikat pensyarah-pensyarah, yang mengikat pelajar-pelajar. Mereka ini orang yang terpelajar mengapa kerajaan takut? Takut dengan perkembangan ilmu, perkembangan pemikiran mereka, takut mereka bersifat kritikal, mereka menegur, mereka mengkritik kerajaan. Ini menjumukkan perkembangan ilmu, bila menggonggong pensyarah, menggonggong pelajar-pelajar, ini menjumukkan perkembangan ilmu dalam negara kita. Inilah teguran-teguran yang saya rasa perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Serdang.

12.08 tgh.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sukacita saya menyentuh kepada Kementerian Pertanian. Dasar Pertanian Negara telah memberi satu dasar supaya mewujudkan program-program untuk memperluaskan aktiviti-aktiviti pertanian.

Tetapi sepanjang masa ini kementerian telah memberi perangsang kepada petani-petani supaya mereka akan menambah pengeluaran makanan negara untuk mengatasi masalah kekurangan makanan pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu masih ada laporan-laporan atau maklumat-maklumat tertentu telah disiarkan dan telah diterima kerana dengan begitu susah bagi sesetengah penanam-penanam sayur di negara-negara kita ini. Sesetengah penanam sayur ini sedang menjalankan usaha di atas tanah kerajaan. Jadi oleh kerana itu kita sedang menghadapi masalah kerana suatu ketika tindakan diambil untuk merosakkan tanaman mereka kerana tanpa izin.

Masalah-masalah ini timbul dan tidak dapat lagi mengatasinya pada waktu ini. Mungkin keadaan ini akan dapat mengurangkan pengeluaran makanan pada

masa-masa akan datang. Dengan demikian, saya menggesa pihak kementerian dapat bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini dengan apa cara mana untuk mengeluarkan tanah kepada penanam-penanam sayur supaya mereka akan mendapat peluang untuk mengeluarkan makanan yang cukup bagi negara kita dan juga untuk mengurangkan impot daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini serius, kalau tidak ada satu cara untuk mengatasi kekurangan tanah kepada penanam-penanam sayur yang saya sebutkan itu, bukan sahaja akan menjejaskan kehidupan mereka tetapi juga akan menjejaskan dasar pertanian pada masa akan datang. Ini ternyata dan juga telah menyebabkan satu masalah sosial yang sentiasa disiarkan dalam surat khabar. Rayuan-rayuan sentiasa dibuat untuk meminta pihak kementerian supaya mendapat kerjasama daripada kerajaan negeri untuk membuka tanah lagi pada penanam-penanam sayur supaya mereka akan teruskan tanaman mereka untuk memberi faedah kepada negara kita.

Satu lagi perkara yang penting yang sedang dihadapi oleh penternak babi di mana kejadian wabak JE atau wabak Nipah telah berlaku di beberapa kawasan dalam kawasan penternak-penternak babi ini serta perkara-perkara yang berlaku selepas tindakan diambil oleh kerajaan dengan cepat untuk mengatasi masalah ini tetapi bagaimana caranya pada masa akan datang. Penternak-penternak babi di kawasan wabak tersebut sedang menghadapi masalah-masalah sosial. Mereka tidak tahu cara mana untuk memulihkan usaha mereka di kawasan-kawasan tertentu. Inilah masanya Kementerian Pertanian memberi bantuan dan mempercepatkan untuk menentukan sama ada kawasan yang terlibat itu diteruskan, membenarkan penternak-penternak babi itu untuk teruskan penternakan itu atau tidak. Kalau tidak ada keputusan, mereka akan menunggu dengan tidak tahu bila masanya sama ada meneruskan penternakan atau menukar cara kerja-kerja mereka pada masa akan datang.

Itulah dasar penting dan Kementerian Pertanian perlu memberi bantuan ketika menghadapi keadaan yang teruk ini. Saya rasa perkara ini bukan hanya menjadi masalah kepada masyarakat Cina tetapi juga kepentingan negara berkaitan dengan beribu rakyat yang menghadapi kesusahan selepas wabak tersebut. Kementerian Pertanian hendaklah memberi bantuan bagaimana untuk mengatasinya bagi memulihkan ekonomi penterna di kawasan-kawasan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Laporan banjir kilat sentiasa berlaku di kawasan-kawasan sedang membangun kerana pemaju-pemaju sentiasa menjalankan projek tanpa kawalan atau memotong bukit-bukit yang tertentu, menjadikan banjir, air mencurah masuk ke kawasan yang berhampiran dan penduduk-penduduk di kawasan itu menjadi mangsa. Walaupun kesedaran yang didapati tetapi masih belum ada satu keputusan yang berkesan untuk mengatasi banjir kilat yang berlaku di sini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu langkah yang positif perlu dijalankan. Saya tidak tahu sama ada kementerian ini telah mengkaji atau memberi satu nasihat atau satu panduan kepada pihak-pihak kerajaan tempatan masing-masing supaya sebelum pemaju-pemaju menjalankan kerja-kerja tanah mereka hendaklah mengadakan sistem perparitan yang teratur untuk mengelakkan banjir berlaku supaya rakyat yang berdekatan kawasan itu tidak akan terjejas. Masalah ini masih berterusan. Jadi, ini tindakan positif lebih awal perlu dijalankan walaupun dasar-dasar ataupun peraturan tertentu telah disampaikan kepada kerajaan tempatan. Saya tidak tahu apa sebab tindakan tidak diambil terhadap pemaju-pemaju yang bertanggungjawab menjejaskan kehidupan rakyat di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya hendak membangkitkan di sini dan juga kaitan dengan pembangunan kampung-kampung baru. Pembentukan kampung-kampung baru telah dalam usia 50 tahun. Darurat diistiharkan pada tahun 1948 oleh penjajah British dahulu, 500,000 rakyat telah diperintah masuk ke

suatu kawasan yang ditentukan dipanggil sebagai Kampung Baru. Walaupun namanya ini baik tetapi sebenarnya tempat tahanan. 50 tahun yang lalu selepas merdeka, kerajaan telah memberi bantuan dan membuat kajian terhadap cara mana untuk membangun semula kampung-kampung baru. Laporan-laporan dan kajian-kajian yang telah dibentangkan kepada pihak yang berkenaan supaya memahami kedudukan sebenarnya di kampung baru, sedikit sebanyak perubahan telah berlaku.

Sosio-ekonomi di kampung-kampung baru telah berubah. Bantuan kewangan atau kemudahan infrastruktur telah disalurkan di sesetengah kawasan kampung baru dan ternyata bahawa sesetengah kampung baru telah dijadikan pekan baru atau bandar baru. Masih terdapat beberapa kampung baru masih mundur, masih menghadapi kehidupan dalam keadaan kemiskinan. Sosio-ekonomi di sesetengah kampung baru ini masih memprihatinkan maka tambahan peruntukan pembangunan di kampung-kampung baru perlu dipertimbangkan. Tanpa peruntukan tambahan untuk memberi kemudahan asas dan untuk mengaktifkan semula sosio-ekonomi kampung baru itu maka kampung baru itu akan menimbulkan masalah sosial. Mungkin dijadikan satu alasan dan juga beri peluang kepada pihak-pihak tertentu untuk menggunakan isu ini untuk memutarbelitkan keadaan yang sebenarnya terhadap usaha dan cadangan kerajaan.

Oleh itu penting bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji semula bagaimana untuk membangun semula kampung baru di Semenanjung Malaysia dan meningkatkan infrastruktur dan sosio-ekonomi di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini tanpa ada sentimen kerana saya sebagai anak kampung baru di mana suatu ketika dahulu saya merasa begitu susah semasa darurat. Tetapi sekarang negara kita sudah maju dan membangun dan menuju kepada Wawasan 2020 maka kampung-kampung baru sebanyak 425 buah ini perlu diberi perhatian bagi meningkatkan sosio-ekonomi

supaya rakyat di kawasan tersebut dapat menikmatinya dan tidak akan dijadikan alasan kepada isu politik dan tidak digunakan oleh parti pembangkang untuk mencaci kerajaan kerana mengabaikan tanggungjawab kerajaan terhadap kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara penting ialah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, di mana tapak-tapak rumah di kampung-kampung baru masih belum diukur, batu sempadan masih belum ditanam. Isu ini telah dibangkitkan beberapa kali maka saya harap kementerian melalui Jabatan Ukur perlu memberi perhatian kerana tanpa batu sempadan akan menimbulkan masalah pergaduhan di antara jirannya kerana mereka tidak tahu sempadan tanah masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Yap Pian Hon: Maka saya mendesak pihak kementerian melalui Jabatan Ukur supaya memberi kerjasama dan bantuan kepada penghuni-penghuni kampung baru. Jabatan hendaklah mengadakan batu sempadan dan dengan menentukan sempadan mereka dapat mengelak masalah yang akan timbul pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tenom.
12.20 tgh.

Tuan Radin Malleh [Tenom]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum saya mulakan ucapan saya teringat Yan ada mengatakan mendakwa bahawa PAS ini mencarut dan apa jua perbuatan kita di dunia ini neraka sudah tunggu. Ini sudah mengambil alih kuasa Tuhan. Mengata dulang paku serpih, mengata orang sendiri yang lebih. Saya teringat pada pilihan raya yang lalu di Tenom, di Kampong Pamelan, di mana Menteri Besar Negeri Sembilan apabila berucap apabila mereka menderma kepingan zink, beliau mengatakan, ‘ha... jaga

kamu orang, kalau tidak mengundi Barisan Nasional ini zink kita pasang nanti, kena tiup angin, kena leher, putus”. Apa ini? Bukan dosa jugakah?

Tuan Yang di-Pertua, Saya ingin menyentuh satu dua perkara saja untuk mengambil perhatian dan tindakan oleh pihak kerajaan. Pertama, berhubung dengan tugas dan tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Seremban bangun.

Tuan Radin Malleh: Minta maaf, tiada masa. Sepuluh minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya pada awal bulan ini telah mengumumkan bahawa buku daftar pemilih yang akan digunakan pada pilihan raya yang akan datang ini adalah yang paling bersih sekali. ‘*The cleanest electoral roll*’ dia cakap. Ini bermakna bahawa buku-buku daftar pemilih yang telah digunakan pada pilihan raya yang lalu memanglah satu daftar pemilih yang tidak bersih. Dan sepatutnya tidak boleh diguna pakai semasa mana-mana pilihanraya. Sedangkan buku daftar pemilih yang ada sekarang ini pun terdapat 64,701 pengundi yang di mana berkongsi kad pengenalan. Ertinya satu kad pengenalan dikongsi bersama oleh dua atau tiga orang. Di Sabah saja terdapat 6,025 pengundi yang berkongsi kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi sepatutnyalah buku-buku daftar pemilih yang serupa ini tidak boleh diwartakan. Menyentuh tentang pengwartaan buku daftar pemilih, saya teringat pada tahun 1995 apabila pilihan raya kecil diadakan di kawasan Sulabayan, di Sabah, kita dibekalkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dengan dua set buku daftar pemilih yang telah diwartakan pada hari, bulan dan juga tahun yang sama. Ini memandangkan bahawa pada ketika itu kawasan Sulabayan sudah dibahagi menjadi dua kawasan ataupun bahagian pilihan raya. Bagaimanapun, pada masa yang sama dua set buku daftar pemilih telah disediakan dan diwartakan pada hari yang sama. Tetapi apabila pilihan raya kecil diadakan pada awal tahun 1995 maka jumlah pengundi atau daftar buku pemilih yang

mengandungi jumlah pengundi bagi kawasan atau bahagian pilihan raya yang lama telah digunakan.

Sungguhpun persempadanan pilihan raya yang baru telah pun dikuatkuasakan, ini menunjukkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya telah menjalankan tugas dan tanggungjawab tidak mengikut peraturan ataupun undang-undang. Begitu juga semasa '*exercise*' mengulang kaji kawasan ataupun bahagian pilihan raya pada tahun 1993 dan 1994. Ianya tidak mengikut kaedah dan keperluan seperti yang diperuntukkan didalam Perlembagaan Persekutuan seperti yang termaktub di bawah Fasal 113, 116 dan 117 dan juga Jadual XIII Perlembagaan Persekutuan. Saya berkata demikian kerana Suruhanjaya Pilihan Raya telah mewujudkan kawasan ataupun bahagian pilihan raya yang baru iaitu dua bahagian pilihan raya negeri iaitu bernama Senalang dan juga Kalabakan dan satu bahagian pilihan raya Parlimen iaitu Libaran, di mana kita punya Y.B. Libaran ada di sini tetapi tidak datang hari ini, dengan menghilangkan ataupun memansuhkan dua bahagian pilihan raya negeri dan juga satu bahagian Parlimen yang sudah sedia ada sejak tahun 1976. Mana ada logik begitu, Tuan Yang di-Pertua, yang telah digunakan didalam beberapa proses pilihan raya yang lalu. Kawasan-kawasan ataupun bahagian pilihan raya yang saya maksudkan adalah Langkun dan juga Sook bagi kawasan pilihan raya negeri dan juga Pensiangan bagi kawasan Parlimen.

Saya berpendapat bahawa sepatutnya walaupun bahagian-bahagian pilihan raya yang baru seperti Senalang dan juga Kalabakan bagi negeri dan juga Libaran bagi Parlimen mahu diwujudkan, maka adalah logik dan juga munasabah bahagian-bahagian pilihan raya yang sudah sedia ada bertahun-tahun dikekalkan. Tambahan pula bahagian pilihan raya Langkun terletak di utara Sabah. Sementara Sook pula terletak di pedalaman Sabah, manakala Pensiangan terletak di pedalaman Sabah sedangkan Senalang dan juga Kalabakan masing-masing terletak di Semporna dan Tawau. Sementara Libaran pula terletak di Sandakan. Mana

lojiknya dan rasionalnya sedemikian? Bukankah ini dikatakan *'jerrymander'*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Berbalik kepada buku daftar pemilih yang mengandungi nama-nama yang tidak layak menjadi pemilih. Di Sabah ramai pendatang asing telah didaftar menjadi pemilih. Pendatang-pendatang asing yang didaftar menjadi pemilih telah memiliki kad pengenalan secara haram. Mereka mendapat kad pengenalan dengan menggunakan sijil akuan palsu hasil pertolongan ataupun bantuan beberapa pegawai Jabatan Pendaftaran Negara dan pemimpin-pemimpin parti politik yang tidak bertanggungjawab. Saya mengatakan sijil akuan palsu kerana pernyataan ataupun kenyataan atau *'declaration'* mereka itu di dalamnya adalah tidak benar. Misalnya pemohon menyatakan bahawa ianya dilahirkan di Sabah pada sekian-sekian tahun sedangkan yang sebenarnya dia dilahirkan sama ada di Filipina, Indonesia ataupun di Pakistan. Kesemua kad-kad pengenalan biru mereka ini konon-kononnya dikeluarkan pada tahun-tahun di antara tahun 1984 hingga tahun 1989. Walaupun yang sebenarnya kebanyakannya kad pengenalan ini telah dikeluarkan pada hakikatnya pada awal dan juga pertengahan tahun 90-an.

Ini memandangkan bahawa permohonan untuk mendapatkan kad pengenalan selepas tahun 1990 adalah menggunakan sijil kelahiran asal dan bukan lagi dokumen-dokumen yang lain seperti sijil akuan. Kita tahu sudah beratus ribu pendatang asing tanpa izin telah mendapat kad pengenalan dengan cara ini dan sekali gus menjadi bumiputera Sabah dengan menggunakan sijil akuan palsu ini.

Demi kepentingan keselamatan rakyat Malaysia di Sabah dan juga demi kedaulatan negara, saya memohon kepada kerajaan melalui Jabatan Pendaftaran Negara supaya menarik balik kad-kad pengenalan yang telah dikeluarkan kepada pendatang-pendatang asing tanpa izin itu. Ini bukan susah hendak dilakukan. Apa yang harus dibuat ialah memeriksa dan meneliti bagaimana seseorang itu mendapat kad pengenalan yang lewat seperti pada tahun-tahun 80-an. Sebab kalau seseorang penduduk di Sabah itu dilahirkan sebelum merdeka iaitu sebelum 16

September 1963, maka ianya sudah pasti memiliki kad pengenalan lama yang berwarna oren yang mempunyai nombor enam angka sahaja, sekarang ini kalau kad pengenalan biru adalah tujuh angka. Dulu di Sabah hanya enam angka. Kita bukan menentang orang-orang asing hendak memohon menjadi warganegara, tetapi permohonan mestilah mematuhi peruntukan undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan iaitu di dalam Bahagian III daripada Fasal 14 hingga Fasal 31.

Sehubungan dengan itu, saya memohon kepada kerajaan supaya membekalkan kami wakil rakyat ini dengan senarai 34,442 kad pengenalan KPT yang belum dikutip supaya kami dapat membantu kerajaan untuk mengesan kepada pemohon yang memohon KPT ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga Suruhanjaya Pilihan Raya mestilah menjalankan tugas dan tanggungjawab mengikut undang-undang dengan mendaftar para pemilih di kalangan rakyat Malaysia yang layak menjadi pemilih sahaja. Kita mempunyai banyak bukti bahawa sudah ramai rakyat asing didaftarkan menjadi pemilih. Kita telah pun membawa beberapa kali perkara ini kepada pengetahuan Suruhanjaya Pilihan Raya di samping membuat laporan-laporan polis, namun masalah ini belum dapat ditangani. Sebenarnya masalah ini bukan juga terlalu susah untuk diatasi. Kalau benar-benar SPR untuk memastikan bahawa hanya rakyat Malaysia yang layak sahaja didaftarkan menjadi pemilih. Apa yang SPR patut buat ialah mematuhi peraturan dan juga kaedah yang terkandung di dalam Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihan Raya 1971 dan juga Fasal 119, Perlembagaan Persekutuan.

Kita berharap pihak kerajaan melalui SPR dan juga JPM akan menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan menghormati peruntukan-peruntukan undang-undang supaya penyelewengan ini dapat diperbetulkan agar keyakinan

dan kepercayaan orang ramai terhadap SPR dan juga JPM dapat diperolehi kelak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Sri Aman.

12.30 tgh.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin menyentuh Kementerian Pendidikan. Saya minta kepada Kementerian Pendidikan apabila menjalankan urusan untuk pengambilan guru, saya rasa kementerian haruslah mengambil calon-calon daripada semua tempat dan pelosok Malaysia. Ini adalah disebabkan saya nampak terlalu ramai guru dari tempat lain lebih-lebih lagi daripada bandar yang diambil apabila ditemu duga oleh kerana calon-calon ini mereka telah dididik di sekolah-sekolah di bandar dan apabila ditemu duga point-point mereka adalah lebih daripada mencukupi.

Misalnya, kegiatan kokurikulum - mereka mengambil kegiatan ini, ini, itu dan itu; sifat kepimpinan - mereka telah mengambil bahagian dalam kelab ini, ini, itu dan itu, dan apabila mereka bersaing dengan calon daripada sekolah di luar bandar, di mana kelab-kelab dan pasukan-pasukan sukan itu tidak wujud, jadi point-point yang didapati oleh calon-calon daripada sekolah-sekolah luar bandar itu memang tidak begitu mencukupi dan oleh kerana itu, biasanya calon daripada bandar yang diambil menjadi guru.

Tuan Yang di-Pertua, penyakitnya, selepas dilatih, calon-calon atau bakal-bakal guru ini nanti apabila hendak ditempatkan di pedalaman mereka tidak hendak pergi oleh kerana kalau di Sarawak, kalau di pedalaman itu mereka terpaksa menggunakan bas, selepas itu bot ekspres dan selepas itu menggunakan bot kecil dan mereka terpaksa menaiki bot mereka itu satu hari barulah sampai ke sekolah mereka dan oleh kerana itu sekolah-sekolah di pedalaman ini kadang-kadang tidak ada guru oleh kerana guru daripada bandar itu ataupun daripada pekan-pekan yang besar sedikit enggan pergi ke tempat yang begitu. Jadi, oleh kerana itu saya rasa mahu atau tidak mahu kita mesti mengubah sikap dan apabila

kita menemuduga calon-calon yang hendak menjadi guru, kita mesti menentukan di tempat-tempat di pedalaman kita juga ada diambil calon yang ingin menjadi guru.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini juga menimbulkan satu lagi penyakit. Oleh kerana sekolah di pedalaman itu ramai guru datang daripada tempat yang lain – daripada pekan yang besar sedikit tadi, kadang-kadang mereka hari Khamis sudah balik dan mereka juga datang ke sekolah mereka pada minggu yang akan datang iaitu minggu yang kemudiannya pada hari Isnin atau hari Selasa. Ini bererti mereka mengajar hanya dua hari sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya selalu mendengar guru yang mengajar di pedalaman, pada hari Isnin mereka mengajar mengikut jadual waktu hari Rabu, jadi pada hari Selasa mereka mengajar mengikut jadual waktu hari Selasa, hari Khamis dan hari Jumaat. Ini bererti mereka hanya duduk di sekolah dua atau tiga hari sahaja.

Saya hendak meminta Kementerian Pendidikan mengambil satu langkah ataupun satu instrument untuk mengesan perkara ini supaya murid-murid di luar bandar tidak tertipu oleh sikap guru-guru yang seperti itu. Saya juga telah difahamkan bukan sahaja guru yang telah melakukan kesalahan seperti ini tetapi juga pengetua atau guru besar.

Semasa sesi soal jawab tadi, kita telah membincangkan tentang samseng yang memeras ugut – samseng yang masih muda, masih di bangku sekolah. Saya rasa ini adalah satu masalah yang benar wujud tetapi sengaja di‘sweep under the carpet’, dengan izin, oleh pengetua-pengetua dan guru-guru besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada vested interest sedikit di sini oleh kerana pada tahun yang lepas anak saya bersekolah di sebuah sekolah yang bernama SMK Green Road. Tiba-tiba saya nampak anak saya ini selalu minta duit daripada saya dan isteri saya. Jadi, hujung-hujung, kata orang Sarawak ataupun akhir-akhirnya kita tanya, barulah kita tahu dia diperas ugut oleh kawan dia. Jadi, kita membuat laporan kepada guru besar tetapi Guru Besar SMK Green Road tidak

hendak membuat laporan.. Jadi, apakah sebabnya guru besar yang seperti ini dimiliki oleh kita? Oleh kerana pengetua ghairah sangat hendak dinamakan sebagai guru besar yang berprestasi baik, guru besar yang gemilang atau pengetua yang cemerlang. Oleh kerana itu, semua yang baik diketarakan, semua yang buruk disembunyikan. Jadi, saya rasa ini tidak akan menanam semangat yang baik di kalangan murid-murid yang lain dan saya rasa inilah satu penyakit yang harus juga diselesaikan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada pembelajaran bahasa Iban. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kementerian kerana telah mengambil langkah-langkah untuk menerapkan pengajaran bahasa Iban di kolej-kolej perguruan di Sarawak. Saya mengucapkan terima kasih dan saya minta langkah-langkah ini dibuat dengan segera tetapi saya rasa itu tidak mencukupi dan saya masih meminta pegawai-pegawai yang akan menyelia bahasa Iban ini diletakkan di ibu pejabat Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Saya juga meminta pegawai-pegawai penyelia ditempatkan juga di Bahagian Kurikulum di Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan saya juga meminta peruntukan khas untuk perkembangan pengajaran pembelajaran bahasa Iban diberi supaya mereka ini dapat menggubal dan merancang apa yang hendak mereka buat oleh kerana pegawai-pegawai yang akan menjaga dan menyelia bahasa Iban ini nanti tentulah mereka ini bukan pegawai yang begitu kanan dan kalaulah tiap-tiap kali mereka hendak membuat perancangan, mereka terpaksa minta daripada ketua jabatan mereka, mereka ini merasa takut, mereka ini susah. Jadi, mereka ini tidak begitu berani, tiap-tiap hari minta tetapi kalaulah kita memberi satu peruntukan, mereka dengan rasa selesa membuat apa jua yang mereka hendak buat.

Jadi, buku teks pengajaran bahasa Iban masih terbengkalai. Kita begitu prihatin, kita begitu susah hati dan risau apabila kita mendengar rumah-rumah (housing estate) terbengkalai tetapi apabila pengajaran dan pembelajaran

terbengkalai saya rasa ini adalah penyakit yang lebih teruk dan saya rasa penyakit seperti ini memerlukan satu penyelesaian dan pengubatan yang segera. Guru pelatih untuk bahasa Iban juga hingga sekarang belum keluar, belum dilatih. Saya rasa ini juga penyelesaiannya perlu disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, Program Pengkomputeran. Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana telah mengadakan program ini dan saya juga berterima kasih kepada kementerian kerana program ini nampaknya berjalan dengan lancar tetapi saya minta lebih banyak lagi sekolah bestari diadakan di Sarawak. Saya difahamkan hanya enam buah sahaja sekolah bestari yang akan menerima program pengkomputeran ini diadakan. Saya rasa ini sungguh tidak mencukupi dan saya juga nampak sekolah-sekolah ini terletak di tempat yang boleh dikatakan bandar. Walaupun di Sarawak kita katakan pedalaman tetapi kalau dibandingkan dengan suasana di Sarawak, sekolah ini masih di bandar dan ini bererti bumiputera dan rakyat yang duduk di pedalaman tidak mendapat manfaat daripada program ini.

Satu lagi kriteria yang digunakan ialah jabatan dan kementerian meletakkan program pengkomputeran sekolah bestari ini dengan satu syarat iaitu kalau pengetua itu komited barulah program ini diberi kepada sekolah itu. Saya rasa kita janganlah cari pengetua yang komited, kita mesti menentukan pengetua itu komited. Kita cari sekolah, kita cari lokasinya, sesudah itu kalau pengetua itu tidak komited kita pindahkan dia ke tempat lain dan cari orang yang komited. Janganlah kita ditakutkan oleh pengetua yang tidak komited, oleh kerana seorang pengetua semua murid di situ rugi. Saya rasa itu tidak munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah difahamkan begitu banyak sekolah di luar bandar tidak mempunyai janakuasa dan macam manakah kita dapat mengadakan program pengkomputeran di sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah. Saya rasa semua sekolah patutlah diberi sekurang-kurangnya sebuah ataupun dua buah komputer. Tidak guna kita melaung-laungkan kita akan masuk ke zaman IT tetapi di Sarawak sana kita masih duduk di bawah hutan, tidak

tahu apa itu komputer, tidak pernah tengok apa itu komputer. Saya rasa kita patut, dengan izin, we must be just dengan semua rakyat kita dan saya minta semua sekolah di Sarawak haruslah dibekalkan sekurang-kurangnya sebuah ataupun dua buah komputer dan kalaulah tidak ada janakuasa di sana kita mestilah menentukan semua sekolah itu dibekalkan dengan janakuasa.

Program komputer ini, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak telah diberi begitu banyak peruntukan iaitu RM90 juta, kalau saya tidak salah dan saya harap apabila eksekusi ini dijalankan, syarikat-syarikat tempatan Sarawak dan Sabah juga perlu dilibatkan. Pada masa sekarang kalau kita tanya di mana orang yang mengedarkan komputer ini mereka kata, di Sarawak dan Sabah kami tidak tahu kerana semua syarikat ini datang dari Kuala Lumpur. Jadi, untuk hubungan yang lebih baik, mesra dengan rakyat Sarawak dan Sabah, saya rasa eloklah kalau syarikat-syarikat dari Kuala Lumpur ini mencari kawan-kawan atau partners dari Sabah dan Sarawak supaya kalau ada sesuatu yang baik kita semua kongsikannya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pengajian tinggi. Saya mewakili kawasan yang miskin. Jadi, murid di kawasan itu selepas Tingkatan 5 ada yang meminta belajar di kolej-kolej pengajian tinggi, dari UPU, minta ke ITM tetapi apabila mereka menerima tawaran, mereka menerima tawaran daripada IPTS ataupun kolej swasta. Jadi, apabila mereka tengok yuran-yuran (schedule of rates) yang perlu dibayar, nampaknya yuran itu begitu tinggi dan apa yang mereka buat, mereka cari Yang Berhormat yang berada di sana.

Jadi, kadang-kadang saya rasa kolej swasta ini dari Langkawilah, dari Johorlah, mereka dengan begitu cepatnya memberi tawaran kepada murid-murid yang tidak tahu, yang innocent daripada luar bandar ini. Mereka begitu gembira menerima tawaran itu oleh kerana dalam tawaran itu mereka menyatakan bahawa mereka mengadakan twinning dengan ITMkah, UPMkah, UTMkah tetapi perkataan 'ITM' yang dibesarkan, 'UPM' yang dibesarkan, 'UTM' yang

dibesarkan tetapi nama kolej itu sendiri dikecil-kecilkan supaya mengelirukan murid yang memohon itu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kadang-kadang saya rasa ini adalah satu penipuan untuk mencari client, untuk mencari penuntut kepada kolej-kolej itu. Saya rasa kita haruslah menerangkan kepada murid itu iaitu kita adalah dari swasta dan yang mengelirukan saya lagi dari manakah murid kolej itu mendapat nama-nama pemohon yang telah menghantarkan permohonan mereka kepada UPU ataupun kepada ITM. Kalaulah kita mengiktirafkan kolej-kolej swasta ini, kita rasa murid kita harus pergi ke sana.

Jadi, saya mengesyorkan kita mengadakan biasiswa ataupun pinjaman kepada semua murid yang ditawarkan ke kolej-kolej seperti ini dan saya rasa kita di sini harus menambahkan peruntukan kita. Dan murid-murid yang diberi tempat di kolej swasta seperti ini saya rasa harus diberi bantuan dengan segera. Oleh kerana kadang-kadang mereka memang tidak mampu untuk membayar tambang kapal terbang ataupun membayar yuran yang diminta dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Tuan Jimmy Donald: Okay, terima kasih kalau begitu Tuan Yang di-Pertua.

12.47 tgh.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya menyentuh satu, dua perkara sahaja.

Perkara pertama ialah tentang peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan tentang permit import 'marine steel black' mulai 29 April 1999.

Tuan Yang di-Pertua, bandar Sibu ialah satu pusat untuk membina bot untuk tujuan eksport. Saya telah menerima banyak aduan kerana dahulu semua syarikat yang membina bot mereka boleh mengimport 'marine steel black' dengan bebas, tidak perlu memohon AP dan tidak perlu bayar import duty. Tetapi mulai 29 April 1999, AP perlu dan import duty dinaikkan daripada 0% ke 25%, tambahan pula mereka perlu mohon masa untuk memohon AP.

Saya difahamkan kerana kerajaan ingin membantu industri tempatan iaitu memberikan monopoli kepada Mega Steel Berhad. Dengan itu saya ingin merayu atas nama semua pembina bot khususnya di Sibu dan Sarawak amnya. Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri perlu mengkaji semula kerana saya fikir ini tidak patut kerana negara kita sekarang sedang dilanda krisis ekonomi dan pembina-pembina bot perlu diberikan bantuan. Saya harap kedua-dua kementerian ini akan mengkaji semula supaya 'marine steel black' - kalau syarikat atau kilang-kilang tempatan tidak dapat membuat engine ini kepada pembina-pembina bot - mengimport 'marine steel black' seperti dahulu tanpa menggunakan AP dan bebas import duti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dengan masalah kekurangan Tabung Pembinaan Bangunan Sekolah Bantuan. Saya sudah merayu beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini. Sekarang pihak Lembaga Pengurus Sekolah menghadapi banyak kesulitan memohon bantuan kewangan daripada Kementerian Pendidikan untuk membina sekolah atau memperluaskan atau menambahkan pembangunan sekolah bantuan di bandar atau di luar bandar. Ini kerana sekarang kalau kutip derma daripada pihak swasta pun susah kerana masih berada dalam kegawatan ekonomi. Itulah saya merayu kepada Kementerian Pendidikan tolong berikan bantuan yang lebih banyak sedikit kalau Lembaga Pengurusan Sekolah memohon bantuan kewangan untuk membina bangunan sekolah. Jangan hanya kadang-kadang 5% atau 10% sahaja. Saya sendiri pernah membantu beberapa buah sekolah memohon bantuan kewangan daripada

Kementerian Pendidikan, kadang-kadang kami tidak menerima jawapan. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah tentang pagi tadi saya telah bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian masalah pelesenan laut dalam di Sarawak. Saya menghargai dasar kerajaan untuk menghasilkan sumber ikan di laut dalam Sarawak tetapi sistemnya kurang baik. Saya telah menerima banyak daripada persatuan nelayan di Sarawak, mereka mengatakan kementerian telah mengeluarkan banyak lesen bot nelayan untuk laut dalam di Sarawak tetapi pemilik lesen tidak beroperasi sendiri. Mereka hanya menawarkan lesen kepada orang asing majoritinya dari negara Thai. Tambahan pula, pagi tadi saya telah menyebutkan perkara ini, satu lesen digunakan bukan hanya untuk satu bot tetapi untuk dua hingga lima buah bot. Bot ini dari negara Thai, mereka tangkap ikan di laut dalam Sarawak, mereka membawa semua hasil tangkapan balik ke negara Thai. Saya hairan kerana mungkin mereka tidak membayar 'income-tax', dengan izin, kepada negara kita. Di tambah pula, saya difahamkan kalau perkara ini tidak dikawal sumber ikan di laut dalam di negeri Sarawak akan habis dalam masa dua tahun. Oleh itu saya merayu kepada Kementerian Pertanian supaya memberikan perhatian yang lebih supaya perkara yang tidak sihat ini dan tidak memberi keuntungan kepada negara kita dalam hasil tangkapan ikan dan hasil keuntungan untuk bayar tax kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah tentang balai bomba yang baru di Sibul. Beberapa kali atau beberapa tahun yang lalu saya telah menuntut di dalam Dewan yang mulia ini untuk membina satu balai bomba yang lebih besar di Sibul kerana sekarang balai bomba di Sibul adalah terletak di satu tempat yang tanahnya lebih kurang 20 point iaitu 0.2 ekar di bandar Sibul. Kakitangannya pun tidak mempunyai tempat yang cukup untuk mengadakan latihan. Oleh itu saya merayu sekali lagi kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula kerana bandar Sibul sekarang adalah satu bandar yang mempunyai penduduk seramai 200 ribu orang. Balai

bomba ini telah lama dan dibina pada tahun 1950-an dan tidak mencukupi untuk menjaga keselamatan rakyat jika berlaku kebakaran di bandar Sibu.

Akhir kata ialah mengenai Lapangan Terbang Sibu. Sekarang hanya satu flight iaitu pagi sahaja yang menghubungkan di antara Sibu ke Kuala Lumpur. Dari Sibu ke Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur ke Sibu satu flight sahaja. Sibu merupakan satu pusat komersial, kebudayaan di antara zon tengah negeri Sarawak. Sekarang kami sedang cuba membangunkan industri pelancongan di samping industri perkayuan dan industri pembinaan bot. Saya merayu kepada Kementerian Pengangkutan supaya mengkaji semula penerbangan di Lapangan Terbang Sibu yang menghubungkan di antara Kuala Lumpur dengan Sibu supaya lebih banyak flight. Dan juga adakan flight ke Johor Bharu kalau tidak boleh mengadakan flight terus ke Singapura. Saya tahu kerana orang Sibu tidak mahu pergi ke Singapura untuk shopping atau bercuti kerana Dollar Singapura terlalu mahal. Saya fikir kalau kita sambungkan penerbangan di antara Sibu dan Singapura, saya yakin 'benefit'nya adalah kepada Sibu dan kita boleh menarik pelancong-pelancong dari Singapura ke Sarawak amnya dan Sibu khususnya. Kita tidak dapat menafikan Singapura adalah satu pusat 'transit point', dengan izin, untuk pelancong-pelancong di rantau ini iaitu kalau bandar Sibu boleh disambungkan dengan direct flight ke Singapura tentulah akan membantu dan mengembangkan industri pelancongan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Masa sudah suntuk, Yang Berhormat. Kita sambung lagi, ya.

Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sila sambung perbahasan, Senai.

2.30 ptg.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Buat permulaan perbahasan saya, ingin saya membangkitkan beberapa masalah yang berkaitan dengan nelayan di negara kita. Tahun lepas sekumpulan nelayan Kedah telah mengadakan tunjuk perasaan secara damai di hadapan Jabatan Perikanan Negeri berikutan pembunuhan seorang rakan mereka oleh lanun di laut. Mereka memprotes kezaliman perbuatan itu dengan menghentikan operasi penangkapan ikan selama seminggu.

Dalam tahun ini beberapa bulan yang lepas sekumpulan nelayan Johor ditangkap oleh pihak berkuasa Indonesia akibat mencerobohi perairan mereka tanpa sengaja. Sungguhpun mereka ini kemudiannya dilepaskan tetapi terpaksa dibelanjakan ganti-rugi kebebasan. Menurut nelayan yang terbabit, langkah peronda laut negara jiran yang memaksa nelayan membayar baru bebas adalah bagaikan peras ugut lanun laut. Perbuatan ini bukan sahaja melanggar pakatan antarabangsa, malah terpesong dari saluran yang sewajarnya.

Pada 24 Jun yang lalu akhbar tempatan telah melaporkan bahawa sebuah bot nelayan Malaysia dikejar sampai tenggelam di sekitar perairan Teluk Intan oleh peronda laut Indonesia. Lima orang nelayan ditahan. Manakala dalam satu kes lain yang berlaku pada bulan yang sama, tujuh orang nelayan ditahan oleh peronda laut Filipina. Mengikut punca itu kononnya nelayan terbabit telah mencerobohi perairan barat Filipina dan menggunakan bot menangkap yang haram. Melihat kepada senario ini, saya percaya kes tersebut hanya merupakan sebahagian kecil yang didedahkan di akhbar dan diketahui umum, manakala kes yang tidak dilaporkan melalui saluran yang sewajarnya juga banyak. Kenapa kes sedemikian kian berulang. Apakah cara penyelesaian jangka panjang yang dapat dilakukan oleh pihak berkuasa merancang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia supaya lebih komited dan prihatin terhadap nasib nelayan. Ingin saya mencadangkan supaya bahagian peronda laut negara kita menubuhkan satu pusat tindakan tersendiri bagi menerima laporan terkini dan dengan serta mengendalikannya kes-kes nelayan kita yang ditahan oleh peronda laut negara jiran akibat menyebelahi batasan perairan laut mereka. Pusat ini adalah lebih berkesan dalam membantu nelayan terbabit yang terpaksa menunggu berminggu-minggu untuk dibebaskan melalui cara sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas usaha kerajaan bagi meningkatkan harga getah supaya kehidupan pekebun-pekebun kecil tidak akan terjejas. Kerajaan berusaha mengurangkan kesan kejatuhan harga getah di peringkat negara khususnya yang dialami oleh pekebun-pekebun kecil sehingga skim khas pemberian getah (SKPG) diwujudkan. Akan tetapi saya berasa amat dukacita dan kesal di atas kelambatan pihak RISDA memberikan kelulusan untuk membantu pekebun-pekebun kecil bagi menjalankan aktiviti tanam semula. Saya tidak faham mengapa beberapa tahun kebelakangan ini pekebun-pekebun kecil sukar mendapatkan subsidi RISDA untuk menanam semula getah mereka. Adakah perkara ini berlaku kerana pihak RISDA menghadapi kekurangan peruntukan. Sebenarnya lebih daripada 500,000 pekebun kecil telah banyak memberikan sumbangan mereka kepada pembangunan pertanian dan kemajuan ekonomi negara kita. Golongan ini perlu mendapatkan sokongan daripada kerajaan.

RISDA atau nama penuhnya Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah telah ditubuhkan pada awal tahun 1970-an. Tujuan utamanya ialah untuk membantu penanaman semula getah di kalangan pekebun-pekebun kecil. Daripada itu pekebun-pekebun kecil memang berhak menerima daripada kerajaan subsidi untuk membantunya membayar kos tanam semula.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil yang ingin saya bangkitkan adalah berkaitan dengan skim penanaman

berkelompok. Sejak skim penanaman berkelompok diperkenalkan oleh RISDA kerja penanaman semula perlu diserahkan kepada anak syarikat yang ditubuhkan oleh pihak RISDA. Perkara ini telah mengakibatkan pekebun kecil yang sebenarnya pemilik tanah dijadikan pekerja kepada syarikat yang berkenaan. Perkara ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan mereka. Kerja penanaman semula selama ini dijalankan oleh pekebun kecil sendiri memang diusahakan dengan lancar dan berjaya. Mengapa cara ini perlu ditukar. Mengapa pekebun kecil tidak boleh lagi diberi peluang untuk menjalankan kerja ini dengan cara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah beberapa kali membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini. Sungguhpun saya dimaklumkan bahawa pekebun-pekebun kecil mempunyai pilihan mereka sama ada menjalankan kerja menanam semula dengan sendiri ataupun serahkan kepada anak syarikat yang ditubuhkan oleh koperasi yang berkenaan. Akan tetapi jawapan ini tidak tepat. Maka saya dengan ini ingin merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya siasatan dapat dijalankan bagi memastikan apa yang dikatakan ini benar-benar berlaku di peringkat bawahan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah keutamaan memasuki UTM tidak diberi kepada pelajar paling cemerlang dalam SPM. Di sini saya ingin memaklumkan, saya berasa hairan kerana pengambilan pelajar baru bukan bumiputera oleh UTM tidak berasaskan merit ataupun keputusan cemerlang. Pelajar Cina mendapatkan 10A dan agregat 6 serta aktif dalam kegiatan kokurikulum tidak berjaya memasuki UTM. Saya katakan hairannya kerana terdapat pelajar Cina yang memperolehi keputusan 6 hingga 8A dan agregat antara 7 hingga 10 telah dipilih untuk mengikut kursus di UTM. Jadi, di manakah silapnya sama ada komputer ataupun penyelewengan pegawai. Di Malaysia terdapat hanya kira-kira 200 pelajar mendapatkan 10A dalam peperiksaan SPM setiap tahun, manakala UTM pula mengambil pelajar lebih dari 6,000 orang pada

sesi ini. Di mana logiknya pelajar 10A tidak dipilih memasuki UTM. Bolehkah Kementerian Pendidikan mengumumkan kriteria pengambilan pelajar khas bagi pelajar bukan bumiputera untuk memasuki ke UPM.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan mengesan dan menyekat had laju jalan raya melalui kamera adalah bertujuan supaya bilangan kemalangan dalam negara dapat dikurangkan. Akan tetapi kelewatan pengeluaran saman ataupun kompaun kepada pemilik kenderaan telah menjadi satu masalah dan beban kepada rakyat jelata, tiga bulan, enam bulan ataupun setahun selepas kejadian berlaku, notis yang berkenaan barulah dikeluarkan. Adakah ini adil kepada pemilik kenderaan yang berkenaan. Pada ketika itu, macam mana pemilik kereta boleh ingat siapakah yang memandu kereta itu pada masa kejadian berlaku. Kemungkinan besar juga pemandu kereta yang berkenaan telah pun memberhentikan kerja beliau. Maka saya ingin memohon supaya perkara ini dikaji semula oleh pihak polis bagi memastikan pemilik kereta tidak perlu bertanggungjawab kepada kejadian di mana notisnya yang lewat dikeluarkan oleh pihak polis.

Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Arau.

2.12 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Jasin [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin bercakap berhubung dengan Kementerian Pertanian. Pada pagi tadi, Timbalan Menteri yang berkenaan telah menggariskan program-program yang boleh membantu negara untuk mengeluarkan makanan yang mencukupi untuk negara. Saya rasa perancangan-perancangan tersebut adalah baik tetapi tidak mencukupi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Menyampuk*]

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Nantilah saya bercakap dahulu. Apa yang saya rasa perlu diberi penekanan ialah bahawa makanan asasi bagi rakyat

Malaysia adalah beras. Masalah ini telah dibangkitkan beberapa kali bahawa harga beras telah dinaikkan dari masa ke semasa sehingga sekarang ini amat membebankan rakyat untuk membeli beras dengan harga yang sentiasa naik. Sedangkan petani-petani selain daripada itu yang mengusaha tananam padi untuk mengeluarkan beras bagi negara, harga padinya tidak dinaikkan. Oleh kerana harga padi tidak naik dan harga beras selalu naik, maka semangat bekerja kepada petani-petani untuk memperbanyakkan keluaran padi negara ataupun beras negara adalah menurun. Kerana itu saya bimbang usaha yang kerajaan hendak buat untuk mencukupi keperluan makanan terutama sekali bagi negara tidak akan tercapai kalau sekiranya harga padi tidak dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, bahawa pada musim ini yakni sekarang ini ada di Perlis dan di Kedah padi mula dituai dan pihak kilang Bernas sendiri dahulu dia sanggup menambahkan harga padi bagi satu tan sebanyak RM15, tetapi pada kali ini Bernas sendiri sanggup untuk mengeluarkan hingga RM60 bagi satu metrik tan. Sedangkan kilang-kilang swasta sanggup membayar lebih daripada RM100 bagi satu tan. Bermakna bahawa dengan naiknya harga beras, pengilang-pengilang mendapat keuntungan yang banyak dan dengan sebab itu mereka mampu untuk membayar tambahan harga padi kepada petani-petani. Kenapa Kementerian Pertanian takut untuk menaikkan harga padi, ini yang menjadi persoalan dan ini yang ditanya oleh petani-petani.

Apakah muslihat di sebalik mempertahankan harga padi sedangkan harga beras itu dinaikkan dengan sewenang-wenang. Jadi, kerana itu, saya merayu kepada kerajaan, tolonglah naikkan harga padi supaya pihak pengilang tidak boleh lagi memainkan petani-petani ini dengan mengikut sesuka hati mereka berapa yang mereka akan bayar terutama kilang Bernas itu sendiri yang mana dahulu RM15 sahaja, sedangkan kilang lain sanggup bayar sehingga RM100 sekarang naikkan kepada RM60 sedangkan kilang lain sanggup bayar sehingga RM150 satu tan.

Jadi, untuk itu, biarlah pengilang-pengilang ini tidak bersaing lagi tentang harga apabila kerajaan

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Yang Berhormat, ada yang bangun, Pokok Sena bangun.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, sebab saya dengar ini keliru sebab kawasan saya 100% padi, saya selalu bangkitkan kisah padi ini sebelum Ahli Yang Berhormat itu jadi wakil rakyat. Dia kata tadi, satu tan RM150, sebenarnya 100 kilogram satu guni itu RM60, dia kata satu tan. Kalau satu tan RM150, teruklah orang tanam padi lagi teruk. Jadi, untuk pembetulan itu.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Tidak ada pembetulan dan saya tidak tarik balik – tambahan kepada harga padi yang sedia ada.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Daklah, Yang Berhormat kata satu tan RM150.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Tambahan. Sebab itu saya kata – tambahan. Ahli Yang Berhormat baru masuk

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Mana pula baru masuk, saya masuk dahulu daripada Ahli Yang Berhormat. *[Ketawa]* Dia RM60

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Sebab itulah, tetapi masuk pun dok tidur. Saya tidak beri jalan sekarang.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Dahulu RM55, saya dengarlah, sebab itu saya

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Saya tidak beri jalan sekarang.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Fasal saya dengar, fasal itu saya bangkitkan.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Saya tidak beri laluan, minta Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Minta duduk Yang Berhormat. Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kata PAS demokratik. Tak demokratik juga, cakap dah

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Kalau hendak cakap – bangun. Bukan duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Oh, oh, beri peluang kepada Pokok Sena.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Apakah perlu saya mengajar lagi di sini, sedangkan saya baru masuk di sini.

Jadi, kerana itu saya merayu kepada kerajaan supaya naikkan harga padi daripada RM550 satu tan kepada RM700, ini untuk mengelak kilang-kilang daripada menipu petani-petani, sedangkan sekarang ini ada kilang yang memang sanggup bayar sehingga RM700.

Yang kedua, apa yang saya inginkan ialah bahawa baru-baru ini hasrat untuk menswastakan LKIM pada 1 Julai tahun ini ditangguhkan. Penangguhan bukan bererti pembatalan, mungkin pada satu hari bahawa LKIM akan diswastakan juga.

Untuk makluman Dewan bahawa apabila penangguhan penswastakan LKIM ini diumumkan, nelayan-nelayan gembira menyambutnya dan mengharapkan supaya LKIM ini jangan diswastakan terutama kepada syarikat-syarikat seperti Bernas itu sendiri.

Kalau hendak swasta pun, swastalah kepada kakitangan LKIM sendiri ataupun kepada koperasi nelayan untuk mereka menguruskan diri mereka sendiri dan keuntungan akan balik kepada mereka sendiri.

Perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh ialah mengenai penjelasan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Pertanian pada pagi tadi, dalam Soal Jawab bahawa

terdapat nelayan-nelayan kita yang menjual tangkapan ikan mereka itu kepada pembeli-pembeli luar negara.

Kalau ini berlaku, tentu ada satu sebab kenapa nelayan kita menjual kepada orang luar. Adakah kerana pembeli-pembeli dari luar ini dapat menawarkan harga yang tinggi sehingga mereka tertarik untuk menjual kepada orang luar. Dan kalau sekiranya pembeli luar dapat menawarkan harga yang tinggi, kenapa pihak FAMA ataupun pihak kerajaan sendiri tidak dapat menawarkan harga yang setanding dengan harga yang ditawarkan oleh pihak luar supaya nelayan-nelayan kita dapat hasil yang setimpal dengan usaha yang mereka laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh mengenai pengambilan sekolah agama. Diumumkan bahawa kerajaan akan mengambil alih sekolah agama, alasan yang diberi ialah sekolah-sekolah agama ini lemah daripada ...

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, pembetulan 'sekolah agama rakyat'.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Saya terima, terima kasih. Sekolah agama rakyat, bukan tak tahu. Sekolah agama rakyat ini akan diambil oleh kerajaan untuk membantu bagi mengatasi segala kekurangan yang terdapat di sekolah-sekolah agama rakyat. Jadi, saya mengakui bahawa masih terdapat banyak kekurangan di sekolah-sekolah agama rakyat yang perlu diberi perhatian.

Tetapi kalau betul kerajaan jujur untuk membantu sekolah-sekolah agama rakyat ini, kenapa dilakukan pengambilalihan. Kenapa tidak bantuan itu disalurkan sahaja kepada sekolah-sekolah berkenaan kerana kita yakin bahawasanya pihak pentadbir ataupun lembaga pentadbir kepada sekolah-sekolah itu sendiri mampu untuk mentadbir sekolah mereka dengan baik, tetapi apabila hendak diambil alih bererti segala kurikulum dan sistem yang ada pada sekolah-sekolah agama rakyat itu juga akan turut diambil dan diubah.

Dan kerana itu,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Ya. Dengan itu saya haraplah bantu sahaja, tak payah mengambil alih.

Yang akhir sekali, saya suka hendak menyebut berhubung dengan penjualan Putrajaya dan juga Perlis keluar daripada

Tuan Michael Lisa Kaya: Tak payahlah, tak payah!

Tuan Haji Hashim bin Jasin Saya tidak kisah, ini masa saya. *[Ketawa]* Kerana dibangkitkan oleh orang-orang yang lain dan dijadikan isu. Saya mintalah supaya apabila dituduh Presiden PAS hendak jual Putrajaya, saya hendak cabar mereka yang buat tuduhan. Apakah saudara telah mendengar kaset daripada ucapan awal sampai akhir dan kenapa perkataan itu terbit begitu juga dengan Dato' Dr. Haron Din, apabila dia kata hendak keluarkan Perlis daripada Malaysia, apakah mukadimahnyanya sehingga natijah itu terbit dan disebutkan oleh mereka.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Masa dia sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Ada yang minta penjelasan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Masa Yang Berhormat sudah lebih. Tidak ada masa, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Duduklah Arau!

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Sebagai tambahan, kita akan mengaraukan Machang, kita akan mengaraukan Yan dan seterusnya kita akan mengaraukan Tanjong Karang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Pokok Sena.

2.54 ptg.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berucap. Saya akan bercakap dalam masa tempoh yang dihadkan kepada saya, berapa satu jam saya diberi masa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sepuluh minit Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Oh, sepuluh minit dan dua minit saya hendak jawab Arau ini.

Pertama sekali, dia marah kepada kita kerajaan kerana hendak mengambil alih sekolah agama rakyat. Saya harap Yang Berhormat yang bercakap itu pergilah melawat di Pendang. Sekolah agama rakyat di Pendang itu, di luar itu ditulis 'Pusat Pentadbiran PAS Pendang'. Itu sekolah agama rakyat.

Jadi, dia menggunakan sekolah-sekolah ini untuk pusat latihan ahli-ahli PAS, mengutuk kerajaan dan dia menggunakan tempat-tempat ini. Kerajaan hendak ambil alih sekolah ini supaya pelajar-pelajar di situ dapat diberi pelajaran yang sebenarnya untuk masa depan negara.

Sekolah ini adalah sebagai kilang, pengeluaran masyarakat masa depan. Ini sekolah itu digunakan sebagai alat untuk dia mengguna pelajar-pelajar ini untuk membenci kepada kerajaan, itu sebab kita hendak ambil alih.

Ini tentang padi, dia tidak erti, kawasan saya 100% kawasan padi. Saya bangkit semua orang tahu tentang kisah padi ini dok berjuang

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Baru mukadimah!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit sahaja. Saya minta sedikit penjelasan dari Yang Berhormat kerana saya tertarik Yang Berhormat ada mengatakan dalam sekolah agama rakyat tadi ada pejabat PAS bermakna PAS tidak kisah sama ada anak itu dididik dengan ilmu yang

mencukupi, ada kemudahan sekolah yang mencukupi atau masa depan anak ini, mereka tidak peduli.

Tetapi apa yang mereka peduli, asal mereka ini jadi penyokong PAS, sama ada anak ini lulus periksakah, ada masa depan pun tidak kisah. Mereka hanya memeralatkan kerana apa, sebenarnya dia bukan sayangkan Islam, sayangkan Melayu, dia sayangkan diri dia sendiri yang sebenarnya. Minta pandangan Pokok Sena.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Memang betul. *[Ketawa]* Dalam masa pilihan raya, pelajar-pelajar ini yang gantung bendera, bukan kita marah tetapi mengguna pelajar-pelajar ini untuk kepentingan mereka. Ini yang kita tidak mahu. Kita kalau ulama, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu kata, kalau ulama, dia betul-betul kepada agama. Dia tidak ada kepentingan diri, tidak ada kepentingan parti – itu ulama.

Ini, kalau ulama macam ini, kerajaan buat salah, dia buat tak salah, ha itu bukan ulama kalau begitu. Orang lain haram, dia halal.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Hai, ini masa saya – tidak beri! Saya ada sepuluh minit sahaja.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Penjelasan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ini masa saya.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Sedikit penjelasan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kalau hendak jual Arau – tunggu!

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Tadi saya beri jalan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tak beri tadi.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Saya beri, beri!

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kata kepada saya tidurlah. *[Ketawa]* Saya tidak beri, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, dia tidak mahu beri jalan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ucapan saya ini pendek sahaja.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Kedekut! *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Hai, masa orang pun kedekut! Saya yang tahu kedekut duit, kedekut makan, ini masa pun kedekut. Janganlah kacau saya, saya dah terlupa apa yang hendak diperkatakan.

Hendak jawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Rompin. Itu memang, mereka ini menggunakan sekolah sebagai pusat pengeluaran masyarakat yang membenci kepada kerajaan. Mereka tidak fikir kalau semua masyarakat jadi macam ini, satu hari apa akan jadi kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya bangkitkan kisah padi ini

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Yang ini berilah, kawan! *[Ketawa]*

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena tahukah atau tidak bahawa sekolah-sekolah agama rakyat yang ada di seluruh negara termasuklah di negeri Kelantan. Yang saya hendak sebut ialah mengenai dengan negeri Kelantan, banyak sekolah agama rakyat di negeri Kelantan ini diabaikan oleh kerajaan negeri. Guru-guru yang mengajar di situ hanya diberi elaun lebih kurang RM300 hingga RM400 sahaja sebulan.

Jawatan ini pun adalah jawatan sementara, tak ada pencen dan tidak ada apa pun dengan kelulusannya yang sama dengan sekolah-sekolah kerajaan, pendapatan

mereka hanya sebanyak RM300 hingga RM400 sebulan, lebih rendah dari guru yang mengajar di tadika KEMAS. Apakah sekolah agama ini boleh berkembang di mana guru-guru yang tak cukup makan ini, siapa yang hendak mengajar di sekolah agama ini?

Maka sebab itulah sekolah agama di negeri Kelantan ini mundur dan saya berharap kalau kerajaan hendak ambil alih ini, saya sokong 100%.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Saya hendak beri satu contoh sekolah agama rakyat yang telah diambil, di Langgar di kawasan saya. Sekolah itu saya ingat ada 20 komputer yang kita kira diberi kepada sekolah-sekolah itu dan guru-guru semuanya berkelulusan daripada universiti dan sekolah itu menghasilkan pelajar-pelajar yang berkeputusan baik dan cemerlang.

Tingkatan satu pun ramai, tingkatan dua pun ramai, tingkatan tiga ini kurangnya sedikit, tetapi kalau kita bandingkan dengan sekolah yang kita tidak ambil itu, sekolah ini jauh lebih baik daripada sekolah yang PAS tidak beri kita ambil ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan padi tadi, kita berjuang, dia baru masuk, dia tak tahu, kita telah berapa lama berjuang, sudah naik daripada RM49.61 untuk 100 kilogram sampai detail macam itu, RM49.61 naik sampai RM55 dan kita tahu kilang-kilang sekarang berebut beli, ada yang beli RM60, ada yang beli RM70, di Tanjung Karang – RM75 pun orang beli, kita minta supaya Kementerian Pertanian ini bebaskan supaya bila pengilang beli dengan harga tinggi, maka petani untung – apa yang dok gaduh? Yang PAS dok gaduh harga naik pun dia gaduh, bukan kita semua, kalau harga beras naik, harga padi pun naik.

Kita minta supaya harga padi ini naik dan harga beras jangan naik, itu yang kita minta supaya semua orang boleh untung. Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap tentang Kementerian Dalam Negeri. Saya tengok

selama ini tidak ada orang yang defend polis, yang kutuk polis cukup banyak, sebelah Teluk Intan. Macam-macam polis buat tidak kena, sampai sekarang ini polis serba salah, hendak tangkap pun takut. Polis hendak tangkap orang yang kaya pun dia takut. Sebab dia ada duit, dia ambil lawyer dia lawan kawan itu jatuh berlaga tembok - biru, dia kata polis sepak. Ini bukan saya tidak sebut, saya contoh sahaja.

Saya hendak bangkit Kementerian Dalam Negeri patut kena ambil perhatian bahawa sekarang ini saya dapat tahu bahawa orang salah kalau pergi hospital dia masuk Third Class. Third Class hospital yang paling teruk, dia orang salah. Tetapi sekarang kalau kaya, dia kena jel, dia pergi hospital duduk Third Class, dia bayar pergi duduk First Class. Ini Kementerian Dalam Negeri kena tengok, kalau dia salah tidak kira dia ada duit dia kena duduk, dia kena rasa azab orang salah. Ini orang salah kalau ada duit boleh duduk First Class.

Ini saya minta Kementerian Dalam Negeri tolong tengok, perkara ini baru sahaja berlaku. Kes Nalakaruppan, dia masuk dalam hospital, dia kata dia senak perut, dia pergi hospital, dia naik pergi First Class bayar duit, bini dia boleh melawat. Apa dia buat dalam wad kita tidak tahulah. Cuma dia tengokkah, dia sayangkan - itu kita tidak tahu tetapi perkara ini tidak patut berlaku. Orang salah mesti salah. Kalau tidak syoklah orang kaya, orang miskin kalau masuk jel teruk. Orang kaya masuk macam Yang Berhormat dari Teluk Intan, dia ada duit banyak dia boleh beli macam-macam. Dia masuk hospital kelas satu tak? Contoh sahaja. Tuaran, you are my friend.

Tuan Yunof Edward Maringking : Bagilah, bagilah.

Seorang Ahli: Teluk Intan punya lawyer.

Tuan Yunof Edward Maringking: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Okay.

Tuan Yunof Edward Maringking: Adakah Yang Berhormat dari Pokok Sena merasa kasihan orang kaya atau pun pemimpin seperti dari Pematang Pauh

disengsara, walaupun belum selesai pembicaraan, masuk dalam penjara pula dan tiada pula ahli-ahli ataupun pemimpin-pemimpin UMNO yang membela sama dia. Jadi, apa penjelasan?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya bela untuk semua, kalau salah, kalau orang itu dianggap orang salah dia kira orang salah. Tidak kiralah dia bekas menteri, kita pun Ahli-ahli Parlimen bekas menteri pun banyak, kalau salah, salah. Kalau salah, salah ini janganlah bila salah sudah kena hukum, ini kes mahkamah, Yang Berhormat lawyer pergi mahkamah ini tidak apalah. Kalau kena Yang Berhormat sendiri, anak Yang Berhormat yang susah tidak ada duit pergi mahkamah tidak boleh berbincang.

Sekarang ini saya bangkitkan di mahkamah sekarang ini, orang salah boleh bebas. Seorang sahajalah, orang lain tidak boleh, dia bebas lepas boleh makan, minum shake hand rata orang, boleh tulis surat bagi. Ini apa, Kementerian Dalam Negeri kena tegas perkara ini. Kalau salah, kalau dia pergi hospital duduk third class bagi dia seksa, baru orang takut hendak buat salah. Kalau masuk dalam jail ada katil macam hotel lima bintang, siapa hendak takut buat salah.

Kita banyak lagi orang yang takut buat salah, termasuk Yang Berhormat, ini jangan senyum, nyari-nyaris juga dulu ini. Tempat penjara kena jadi sebagai tempat yang orang gerun hendak masuk. Dia sokong saya, dia bagus, dia hendak pergi bertanding ditempat saya tidak tahulah. Orang salah kita mesti anggap sebagai salah, baru penjara dibuat sebagai tempat yang untuk kita hendak mendera orang, kalau penjara macam hotel lima bintang, siapa hendak takut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin pula bangun.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman : Kawan saya boleh.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini kalau boleh saya hendak mendapat penjelasan sedikit, takut Yang Berhormat terbawa isu itu terlalu

panjang. Tadi satu kejutan yang dibuat oleh Perlis.....[Y.B. bagi Arau menunjukkan kad nama]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Arau, tahu hendak tanya, dia hendak meng'arau'kan Pokok Sena, apa reaksi Pokok Sena sama ada hendak suruh dibiarkan Arau meng'arau'kan Pokok Sena atau Pokok Sena hendak meng'arau'kan Arau. Ini hendak minta penjelasan, pandangan Pokok Sena.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Nanti kita tunggulah pilihan raya, depa hendak meng'arau'kan siapa pun kita tidak apa, kita tunggu tengok, sebab banyak sudah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Baru hendak start, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, okay, dua perkara. Perkara pertama yang saya minta Kementerian Dalam Negeri ini supaya jika orang salah masuk hospital anggaplah dia sebagai orang salah. Sekarang ini polis sudah serba salah. Hendak tangkap, hendak larang pun tidak boleh, dia hendak duduk.

Jadi, sekarang Kementerian Dalam Negeri kena buat satu undang-undang ataupun ketetapan supaya bila dia orang salah, dia masuk, dia dianggap salah. Gari dia di tiang katil, sebab saya tengok banyak orang salah lain gari di tiang katil. Pasal apa dia boleh duduk First Class, anak bini boleh datang melengkong keliling bawa segala kuih-kuih yang best-best punya. Ini bukannya orang salah, jadi kalau salah biar dia dianggap salah, orang tidak boleh melawat. Gari dia di katil itu baru betul. Sebab saya tengok sekarang ini kalau orang betul-betul yang salah, banyak juga keluarga yang beritahu, pasal apa kami tidak boleh pergi melawat, pasal apa ada seorang itu semua orang boleh pergi melawat. Perkara ini kita membela semua masyarakat tidak kira siapa, kalau salah kita salah supaya orang yang belum buat salah itu, takut hendak buat salah sebab dalam penjara adalah tempat kena dera. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Masa sudah lebih. Machang.

3.07 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak hendak mengambil masa yang panjang, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama saya hendak sentuh tentang Badan Pencegah Rasuah dan tidak konsistennya pendirian parti pembangkang tentang tanggapan mereka kepada peranan dan fungsi Badan Pencegah Rasuah. Saya masih ingat dalam Pilihan Raya Umum tahun 1990 sebelum Pilihan Raya Umum. Salah satu manifesto yang dibawa oleh parti PAS di negeri Kelantan ialah jika dengan izin Tuhan mereka berkuasa di Kelantan, mereka akan menubuhkan satu jawatankuasa yang diberi nama badan Hisbah.

Kononnya alasan yang diberikan ialah kerana mereka tidak percaya lagi kepada Badan Pencegah Rasuah yang dituduh sebagai alat agen propaganda kepada kerajaan dan Badan Pencegah Rasuah mengikut mereka adalah satu badan yang tidak bebas dan tidak berkecuali. Maka jika mereka diberi kuasa mereka akan menubuh Jawatankuasa Hisbah.

Sembilan setengah tahun berlalu, hampir dua penggal PAS memerintah Kelantan, tetapi sehingga kini Jawatankuasa Hisbah tidak pernah diwujudkan. Pada bulan Januari tahun 1998 Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan telah membuat kenyataan bahawa Jawatankuasa Hisbah tidak perlu wujud kerana sudah ada satu badan lain yang mempunyai fungsi dan peranan sama iaitu Badan Pencegah Rasuah.

Baru-baru ini Yang Berhormat Presiden PAS membuat kenyataan menuduh secara melulu bahawa Badan Pencegah Rasuah telah digunakan oleh Kerajaan Pusat untuk menangkap, menyiasat dan mengheret ke mahkamah pemimpin-pemimpin PAS Kelantan yang terlibat dengan rasuah. Apa saya hendak

bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tidak konsistennya pendirian parti pembangkang. Dalam tahun 1990 mereka tidak percaya kepada Badan Pencegah Rasuah. Tahun 1998 mereka percaya kepada Badan Pencegah Rasuah. Tahun 1999 mereka sekali tidak percaya kepada Badan Pencegah Rasuah. Tetapi janji mereka dalam manifesto dalam tahun 1990 sampai sekarang tidak dilaksanakan.

Saya hendak menyeru supaya Badan Pencegah Rasuah jangan takut dengan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Presiden PAS ini. Kalau ada pemimpin-pemimpin PAS yang menyeleweng di Kelantan, tangkap jangan kira bulu, jangan kerana ada ugutan daripada pemimpin PAS maka Badan Pencegah Rasuah menjadi takut. Kita hendak segala penyelewengan ini disiasat sahingga akar umbi.

Saya percaya beberapa laporan polis telah dibuat terhadap pemimpin-pemimpin PAS di Kelantan yang menyalahgunakan kuasa. dan kita hendak tahu apa hasil laporan yang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah ini. Kalau hendak laporan polis pun saya boleh bekalkan kepada Badan Pencegah Rasuah, hasilnya bagaimana, keputusannya bagaimana, hasil siasatannya bagaimana, kalau ada salah seret ke mahkamah, tanpa mengira bulu. Sebab itu kita hendak supaya Badan Pencegah Rasuah betul-betul bebas, memberi jaminan yang tegas bahawa kerajaan tidak sekali-kali akan menggunakan Badan Pecah Rasuah dan pada masa yang sama jangan takut kalau pemimpin parti pembangkang khususnya pemimpin-pemimpin di Kelantan melakukan penyelewengan, tangkap seret mereka ke mahkamah. Kita hendak pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah semasa menjalankan siasatan jangan memilih bulu. Mereka mesti dilihat sebagai satu badan bebas, jangan memihak kepada mana-mana pihak, kerana ini adalah fungsi dan peranan Badan Pencegah Rasuah.

Tetapi yang anehnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah pihak pembangkang apabila Badan Pencegah Rasuah menyiasat pemimpin-pemimpin pembangkang, mereka menuduh Badan Pencegah Rasuah diperalat oleh kerajaan, tetapi apabila

pemimpin-pemimpin kerajaan yang dituduh di mahkamah, mereka membisu diam seribu bahasa. Inilah sikap double-standard yang memang pendirian mereka adalah tidak konsisten dan sejak akhir-akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, mereka telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang cukup tidak bertanggungjawab dan sekali gus menggambarkan bahawa mereka tidak mampu mentadbirkan negara ini.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Bagan, dia tidak mahu bagi jalan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk, duduk. Kenyataan-kenyataan oleh parti pembangkang akhir-akhir ini menunjukkan bahawa mereka jika diberi kuasa memang tidak mampu untuk mentadbir negara ini. Lihat contoh apa yang berlaku di negeri Kelantan, sembilan setengah tahun mereka mentadbir Kelantan, kemiskinan di Kelantan makin meningkat. Dua hari lepas Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu 19.3% satu kadar kemiskinan yang paling tinggi di negara ini, Tuan Yang di-Pertua, maknanya kalau 100 rakyat Kelantan, 20 orang adalah tergolong pada taraf kemiskinan. Apa yang dilakukan oleh Kerajaan Kelantan.

Begitu juga dengan sekolah-sekolah Arab di Kelantan yang "*hidup segan mati tidak mahu*". Selain daripada menjadi alat propaganda kepada parti pembangkang, mereka ini sebenarnya adalah merupakan suatu sistem pendidikan yang cukup daif. Kita bersetuju supaya kerajaan pusat mengambil alih sekolah-sekolah ini kerana sememangnya benar sebagai contoh di Kelantan, Kerajaan Kelantan tidak mampu untuk melakukan sesuatu dan ini sudah tentu menjejaskan mereka yang ingin memasuki pendidikan agama.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, yang saya hendak sentuh ialah berhubung dengan pilihan raya. Saya nampak peranan polis khususnya Suruhanjaya Pilihan Raya, saya percaya pilihan raya akan datang ini, Pilihan Raya Ke-10 akan menjadi satu pilihan raya yang cukup sengit. Bukti bahawa provokasi

yang dilakukan oleh pihak pembangkang sudah mula timbul Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan Parlimen saya sudah tiga laporan polis dibuat setakat ini. Semasa kita hendak mengadakan ceramah mereka mengoyak poster-poster kita, memotong banner-banner yang kita buat dan poster-poster mengenai parti kerajaan yang hendak mengadakan ceramah dikoyak dan sebagainya dan apabila kita hendak mengadakan ceramah mereka membuat provokasi dengan menampal poster-poster PAS di kawasan-kawasan yang hendak kita adakan ceramah sudah nampak provokasi mereka ini akan menjadi suatu provokasi yang melampau.

Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, kalau gejala ini tidak dibendung bila orang kerajaan bertindak-balas maka akan terjadi sesuatu perkara yang tidak diinginkan dan kita minta pihak polis bertindak tegas. Di kawasan saya, saya sudah mengarahkan supaya semua perbuatan-perbuatan khianat yang dilakukan oleh mereka ini dibuat laporan polis sebab kita percaya bahawa polis masih lagi bebas tetapi polis mesti bertindak tegas. Kalau laporan dibuat mesti disiasat ke akar umbi dan kalau mereka ini ingin melakukan kesalahan kita minta mereka ini supaya bertindak.

Lihat apa yang berlaku sekarang, menaikkan poster-poster dan banner di mana mana. Dia tidak tahu membezakan kerajaan dengan parti di negeri Kelantan sebagai contoh. Mentang-mentang dia berkuasa di negeri Kelantan dia jadikan bandar Kota Bharu seperti bandar PAS. Inilah sikap parti pembangkang yang tidak tahu langsung membezakan di antara peranan parti dengan peranan kerajaan.

Oleh kerana dia memerintah Kelantan semua dipaskan di negeri Kelantan sehingga termasuk bandar-bandar Kota Bharu habis dinaikkan poster bulan. Apa yang hendak dibanggakan dengan bulan, Tuan Yang di-Pertua. Bulan hanya mengambang tiga hari dalam sebulan. Allah s.w.t sudah jadikan demikian dan yang paling teruk Tuan Yang di-Pertua, bila datang bulan [*ketawa*] semua orang tidak boleh pakat. Apa yang hendak dibanggakan. Tuan yang di-Pertua, sebab itulah kita minta bahawa saya menjangkakan Pilihan Raya Ke-10 ini dia akan

menjadi suatu pilihan raya yang sangat sengit terutamanya di negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Kita minta Kementerian Dalam Negeri khususnya polis mulai daripada sekarang berjaga-jaga. Saya percaya fikiran pihak pembangkang sekarang oleh kerana terlalu ghairah dan gila kuasa, kalau tidak dapat secara halal saya percaya mereka ini akan melakukan sesuatu Tuan Yang di-Pertua. Jadi pihak polis mesti bertindak tegas. Sebab itu kenyataan-kenyataan yang dibuat, [*Disampuk*] kita lihat bayangan Revolusi, Tuan Yang di-Pertua,

Seorang Ahli: Revolusi.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ha, tengok. Itu jelas Tuan Yang di-Pertua, tengok sikap. Sikap mereka, sikap provokasi seperti ini akan membangkitkan semangat dan kita tahu penyokong-penyokong kerajaan juga mempunyai pandangan yang sama dan jika mereka ini bertindak-balas saya bimbang sesuatu terjadi, Tuan Yang di-Pertua, terjadi sesuatu perkara yang tidak diingini, pilihan raya tidak berlangsung dengan baik dan ini akan

Tuan Yunof Edward Maringking: [*Bangun*].

Seorang Ahli: Tuaran jangan kacaulah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada standard, sila duduk. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau Yang Berhormat sendiri tidak faham apa Yang Berhormat berucap tidak payah tanyalah, kelmarin pun erti dengan jelas Yang Berhormat pembangkang cadang even number Yang Berhormat cadang, odd number bertukar habislah. Tidak faham apa, macam mana hendak tanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Machang

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: ...Yang Berhormat sendiri tidak faham

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sila, sila gulung.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, minta saya gulung. Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang saya hendak cakap tetapi Tuan Yang di-Pertua, minta gulung.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kepada pembentangan Rang Undang-undang Peruntukan Tambahan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Jelebu.

3.15 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong perbahasan Perbekalan Tambahan pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap soal nasib kakitangan kerajaan walau apapun yang berlaku kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah begitu bermurah hati memberikan imbuhan kepada kakitangan pada tahun lepas dan tahun ini dan insya-Allah dengan rezeki yang mungkin datang lagi ke negara kita dengan keadaan ekonomi negara yang bertambah baik saya berharap kerajaan akan juga mempertimbangkan nasib kakitangan kerajaan yang telah begitu lama menunjukkan prestasi dan kerja yang cemerlang ke arah pembangunan negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi ingin tahu apakah kedudukan kajian semula Sistem Saraan Baru yang dicadangkan untuk dikaji semula. Ini saya terpaksa sebut kerana SSB ini telah menimbulkan banyak keadaan yang bercelaru.

SSB perlu dikaji semula tentang implementasinya kerana ianya telah menyebabkan beberapa permasalahan berlaku di dalam jabatan-jabatan kerajaan.

Banyak permasalahan di kalangan kakitangan antara pegawai dan kakitangan, di antara kakitangan bersama kakitangan yang telah sebanyak sedikit menimbulkan keresahan di kalangan kakitangan-kakitangan yang mungkin senior di dalam service tetapi oleh kerana sistem ini yang mengikat penilaian yang diberikan kepada kakitangan bawahan oleh kerana 2% untuk Melintang dan 3% untuk Menegak itu telah mengikat kebebasan untuk penilaian yang begitu jelas dan telus kepada kakitangan-kakitangan ini. Akibatnya terdapat kakitangan yang sepatutnya telah boleh dinaikkan pangkat tidak dapat berlaku dengan sedemikian. Mungkin dalam keadaan sekarang jawatan-jawatan yang memerlukan pengisian agak banyak. Tetapi oleh kerana sistem yang sedemikian barangkali jawatan-jawatan yang kosong tidak dapat diisi kemungkinan tidak ada mereka yang layak.

Saya ingin juga bertanya apakah kedudukan pengisian jawatan-jawatan yang kosong di Jabatan Perkhidmatan Awam yang dicadangkan oleh jabatan-jabatan yang lain bagi diisi kerana Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan dalam keadaan kegawatan negara baru-baru ini jabatan diminta mengurangkan bilangan jawatan dan tidak mengambil dan membuat pengisian-pengisian yang baru.

Dengan keadaan ekonomi yang agak pulih sekarang ini saya ingin bertanya apakah jumlah kekosongan yang sebenarnya jawatan-jawatan yang berkaitan dengan jabatan-jabatan berkenaan di seluruh negara kita terutamanya Jabatan-jabatan Perkhidmatan Pendidikan yang nampaknya tidak dapat selesai dan tidak akan selesai sampai bila-bila. Didapati banyak lagi sekolah-sekolah yang mengalami kekurangan guru-guru sama ada guru-guru pakar ataupun guru-guru bahasa Inggeris dan sebagainya yang rata-ratanya menyebabkan kesan dan juga akibat kepada keputusan peperiksaan di semua peringkat yang ada terutamanya di kawasan-kawasan sekolah di luar bandar.

Saya mencadangkan supaya kerajaan dan jabatan-jabatan berkenaan mengkaji semula akan keperluan ini dan Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun suruhanjaya-suruhanjaya yang lain mengambil tindakan yang segera. Begitu juga dengan jawatan-jawatan yang berhubungkait dengan keperluan yang diisi di kawasan-kawasan ataupun di peringkat daerah. Jabatan-jabatan Penerangan dan juga KEMAS yang sepatutnya membuat pengisian jawatan-jawatan ini haruslah melihat akan kepentingan pengisian jawatan ini dibuat dengan segera kerana permasalahan yang berlaku ialah kadang-kadang dasar tidak dapat kita lakukan dengan baik. Oleh kerana ketidakcukupan kakitangan tidak dapat dilaksanakan. Di Kawasan Parlimen Jelevu terdapat tiga jawatan penyelia KEMAS yang masih lagi kosong. Di setiap DUN yang ada termasuk di Dewan Undangan Negeri Lui, Parlimen Jelevu, penyelia KEMAS masih kosong.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada empat jawatan penyelia KEMAS di peringkat DUN masih kosong. Apabila terdapat seorang penyelia yang telah ditamatkan perkhidmatannya oleh kerana telah sampai had umur bersara, begitu juga dengan jawatan penyelia penerangan, pegawai penerangan khas Kementerian Penerangan yang pada ketika ini masih ada dua kekosongan, diisi satu dan masih lagi ada dua kekosongan. Jadi, saya mengharapkan supaya jawatan-jawatan ini dapat diisi segera oleh kerana kita akan menghadapi tugas yang begitu berat untuk menjalankan tanggungjawab ini. Saya percaya hanya pegawai-pegawai kerajaan yang terlatih akan dapat menggerakkan keperluan-keperluan dan pelaksanaan dasar yang dikehendaki oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu lain-lain jawatan yang perlu diisi sama ada di peringkat perkeranian ataupun peringkat kepegawaian haruslah dikaji semula dan mengubah mereka yang telah lama bertugas dan berada di suatu kawasan dan daerah.

Saya masih ingin kalau dasar ini dilakukan selepas lima tahun, mereka ini dikaji semula untuk dipindahkan, barangkali permasalahan tidak akan banyak

berlaku. Sekiranya pegawai-pegawai yang sudah terlalu lama ataupun yang telah menjangkau sepuluh tahun berkhidmat di sesuatu tempat dapat dipindah-pindahkan supaya prestasi jabatan tersebut akan meningkat dan permasalahan ini akan dapat diselesaikan. Oleh kerana terdapat beberapa keadaan yang cukup tidak menarik apabila seseorang pegawai itu berada begitu lama di dalam sebuah jabatan, di sesuatu tempat yang berkenaan.

Saya merayu supaya pihak-pihak yang berkenaan, jabatan-jabatan yang berkaitan akan dapat melihat keperluan ini dan mempertimbangkan permohonan pertukaran mana-mana pegawai dan kakitangan daripada sesuatu jabatan itu. Janganlah terlalu mengambil sesuatu perkara itu rumit dan menyusahkan sekiranya sesuatu permohonan untuk bertukar di kalangan kakitangan yang ada memohon dan mengemukakan kepada jabatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah mengenai dengan pembinaan Pusat Latihan Ikan Air Tawar di Jelebu. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan khususnya Kementerian Pertanian yang telah memutuskan supaya pusat ini dapat dibina di tapak seluas 300 ekar di Jelebu. Bagi pihak rakyat Jelebu, kita mengalu-alukan langkah kerajaan ini dan berterima kasih dan berharap agar projek ini akan dapat dilaksanakan segera. Saya diberitahu di dalam perkembangan yang terkini bahawa projek ini akan dilaksanakan mengikut keperluan yang telah ditentukan dan telah digariskan. Cuma saya mengharapkan Bahagian Perikanan, Kementerian Pertanian akan dapat menyegerakan pembangunan kompleks ini supaya akan dapat memberikan peluang kepada pihak-pihak ataupun masyarakat tempatan menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan keperluan-keperluan yang ada di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu mengenai pembaikan sekolah-sekolah yang telah dikemukakan oleh sekolah-sekolah berkenaan. Saya berharap Jabatan Pendidikan Negeri dan juga kementerian akan dapat menyegerakan permohonan-

permohonan kepada peruntukan-peruntukan yang diperlukan supaya sekolah-sekolah ini sentiasa berada di dalam keadaan yang selesa dan selamat digunakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Masa cukup.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Selangau.

3.25 ptg.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bercakap atau berbahas berkenaan dengan Perbekalan Tambahan Belanjawan 1999.

Pertamanya, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri iaitu dengan kad pengenalan lama yang ditukar kepada kad pengenalan baru yang kini saya telah difahamkan lebih kurang 8,000 yang belum dikutip daripada Jabatan Pendaftaran Negeri Sarawak. Jadi, oleh kerana ramai yang belum mengutip atau mengambil kad pengenalan baru itu, saya rasa lebih baik kalau Jabatan Pendaftaran Negara atau negeri menyalurkan kepada peringkat bahagian atau daerah, atau memberi senarai nama-nama mereka kepada wakil rakyat supaya wakil rakyat sama ada Ahli Parlimen atau ADUN di kawasan tertentu dapat mengesan, oleh kerana negeri Sarawak mempunyai rumah panjang di merata-rata tempat di mana alamat kadang-kadang bertukar tempat atau mereka yang telah bekerja di tempat-tempat yang lain.

Jadi, saya fikir wakil rakyat sama ada ADUN atau Ahli Parlimen lebih mengetahui untuk mengesan di mana mereka berada kerana pada hemat saya, kalau warganegara kita tidak ada kad pengenalan, mereka dianggap sebagai orang asing di negaranya sendiri. Saya rasa dokumen seperti ini sangat penting kerana setiap rakyat mesti ada mempunyai kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai Kementerian Belia dan Sukan, di mana kebanyakan daerah kecil di Sarawak yang belum ada dewan masyarakat. Saya rasa dewan masyarakat atau dewan serbaguna sangat penting untuk mengadakan perhimpunan bagi sivik atau kursus kepada masyarakat kita. Jadi, di kawasan Parlimen saya, di sebuah tempat di daerah Tatau tidak ada dewan masyarakat. Saya minta kalau boleh, kementerian yang berkenaan dapat membina dewan masyarakat di tempat itu dan begitu juga di kawasan Selangau, di tempat saya.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan iaitu berkenaan dengan lapangan terbang di Bintulu. Cadangan untuk membina lapangan terbang di Bintulu sudah lama dan saya berharap kerajaan kalau boleh, meneruskan cadangan ataupun pembinaan lapangan terbang itu dengan secepat mungkin. Kita tidak mahu pembinaan lapangan terbang itu terlalu lama sebagai isu pihak pembangkang mengkritik kerajaan tidak menentu dan saya berharap pembinaan itu dapat dipercepatkan.

Oleh kerana tempat pembinaan ataupun tapak lapangan terbang di Bintulu sekarang ditempatkan ataupun lokasinya yang berdekatan dengan bandar atau di tengah-tengah bandar Bintulu, saya rasa kalau tempat itu tidak dipindahkan kepada tempat yang sesuai mungkin perkara yang tidak diinginkan akan berlaku pada bila-bila masa. Saya berharap Lapangan Terbang Bintulu supaya tidak menjadi isu dan akan dibina dengan mengikut jadual atau yang telah dijanjikan oleh kerajaan.

Yang keempat, juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kerajaan Tempatan mengenai peruntukan yang diberikan kepada lima buah balai bomba baru di negeri Sarawak iaitu RM9.2 juta. Saya minta peruntukan yang diperuntukan oleh kerajaan tempatan bagi negeri Sarawak disalurkan kepada - sSaya menyokong Yang Berhormat bagi Sibu supaya tapak tanah balai bomba di Sibu dapat dipindahkan ke tempat yang sesuai sebab tapak tanah di Sibu itu hanya

beberapa ekar sahaja yang sekarang sangat sempit dan tempat itu pun tidak cukup untuk pegawai-pegawai bomba untuk berlatih. Jadi, kalau boleh minta tempat atau tapak tanah yang begitu luas, yang lebih sesuai ditempatkan di Sibul. Dan juga di kawasan Parlimen saya, sebuah pekan iaitu daerah Tatau belum ada balai bomba iaitu tahun lepas, pekan atau pekedai-pekedai yang ada beberapa pintu, saya lupa, semuanya telah terbakar dan saya harap dengan peruntukan yang baru di daerah Tatau itu akan dibina balai bomba yang baru.

Selain daripada itu juga kalau kerajaan tempatan dapat membekalkan rumah panjang kerana di kawasan saya lebih 500 buah rumah panjang dan kampung-kampung di mana kerap kali berlaku kebakaran. Jikalau saya tidak lupa pada tahun ini dan tahun lepas lebih 15 buah rumah panjang yang terbakar oleh keranapertamanya tidak ada pembekal atau water pump, dengan izin. Jadi, kalau boleh kerajaan tempatan memberi geran atau peruntukan supaya kampung-kampung yang jauh daripada balai bomba dapat dibekalkan dengan water pump atau pemancut air supaya rumah-rumah panjang atau kampung-kampung itu dapat dielakkan daripada kebakaran.

Selain daripada itu juga kalau boleh kerajaan tempatan melatih beberapa pelatih-pelatih dari rumah panjang atau kampung untuk memasuki atau bagaimana caranya untuk mengelakkan kebakaran di tempat masing-masing sekiranya tempat itu tidak dapat dibekalkan dengan alat-alat pemadam api.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pertanian. Oleh kerana negeri Sarawak tanahnya luas, besar dan didapati juga sesuai atau subur untuk banyak jenis tanaman seperti kelapa sawit, padi, tebu, sayur-sayuran dan buah-buahan. Jadi, oleh kerana negara kita telah menghadapi atau banyak mengimport barang makanan daripada luar negara, saya harap dengan dasar baru yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian, saya harap projek besar-besaran atau projek yang komersial lebih dapat dijalankan di Sarawak dan saya harap misalnya ejen-ejen pemuliharaan tanah seperti FELCRA,

FELDA, SELCRA dan sebagainya dapat mengembangkan sayapnya kepada negeri Sarawak untuk membangunkan tanah-tanah yang terbiar di mana kami telah difahamkan lebih 1.5 juta hektar tanah-tanah bumiputera di negeri Sarawak tidak termasuk state land atau tanah kerajaan yang masih kosong dan tidak dibangunkan. Saya harap ejen-ejen tersebut dapat dikembangkan ke negeri Sarawak supaya masalah kita yang berkurangan makanan di negeri ini dapat diselesaikan.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu berkenaan dengan projek jalan-jalan kampung. Di negeri Sarawak sekarang ada dua main contractor payung yang hanya di Kuching. Jadi, oleh sebab hanya dua ada beberapa masalah yang dihadapi oleh anak payung kecil di tempat masing-masing. Kalau boleh tahun akan datang kita minta lebih banyak lagi payung iaitu main contractor. Kalau boleh di tiap-tiap bahagian dan kita minta juga bahawa main contractor atau yang dikatakan payung itu diberi kepada anak payung di peringkat daerah masing-masing. Kita tidak mahu misal kata anak payung dari Kuching yang diberi kepada payung di Sibu kerana mereka banyak menghadapi masalah berkenaan dengan, katakan mesin atau alat-alat jentera yang mereka gunakan untuk menyelenggarakan jalan raya kerana dia tidak dapat membawa mesin daripada Kuching, memang dia menyewa jentera atau mesin-mesin daripada orang Sibu.

Kemudian syarikat yang diberi lesen itu juga mengambil atau memberi kepada orang-orang yang ada jentera itu. Jadi, itu dikatakan dari payung kepada anak payung dan kepada cucu payung. Akhirnya pembinaan jalan raya itu tidak dapat diselenggarakan dengan sebaik-baiknya kerana peruntukan yang telah dibekalkan jadi berkurangan, boleh jadi RM100,000 kepada RM60,000 atau RM50,000 pada akhirnya.

Jadi, kalau boleh kita minta bahawa pada tahun akan datang wang itu dibelanjakan dengan baik, diberi kepada tiap-tiap bahagian, syarikat payung yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Boleh gulung, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Jadi, begitu juga yang akhir sekali berkenaan dengan KEMAS.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan gulung, itu akhir sekali. *[Ketawa]*
Gulung ya, Yang Berhormat.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Saya gulung, Tuan Yang di-Pertua. Minta peruntukan bagi KEMAS - RM88 juta itu disalurkan kepada negeri Sarawak dan memberi kemudahan bagi KEMAS kerana kebanyakan pegawai-pegawai KEMAS di negeri Sarawak tidak ada kemudahan seperti land cruiser, motorboat di mana mereka menggunakan untuk perkhidmatan sebab kebanyakan tempat KEMAS bertugas itu di luar bandar menggunakan boat dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua.

Saya harap dapat diselesaikan masalah mereka sekiranya mereka dapat dibekalkan dengan perkara yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Teluk Intan.

3.37 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kata-kata pujian banyak dilaungkan mengenai peningkatan indeks BSKL. Indeks-indeks ini sebenarnya lebih bertujuan untuk menutup dari membongkar keadaan yang sebenar. Indeks BSKL meningkat berikutan dengan pembelian beberapa kaunter khas secara terancang menerusi dana-dana awam atau parti

untuk mengecutkan tahap indeks. Tetapi apa pula terjadi kepada kaunter-kaunter saham yang tidak termasuk dalam indeks ini dan yang terlandai di bawah.

Persembahan indeks-indeks BSKL baru-baru ini sebenarnya lebih condong seperti mirage kerana kaunter-kaunter dalam indeks-indeks ini telah dimanipulasikan menerusi pembelian terancang. Jumlah volume yang diperdagangkan tetap rendah, peningkatan indeks juga perlu dilihat menerusi perspektif betul. Kesemua pasaran serantau telah mencatatkan peningkatan yang significant malah dalam sesetengah kes lebih baik dari tempoh sebelum krisis ekonomi tanpa bergantung kepada kawalan modal sebagaimana yang dilakukan oleh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu elemen penting krisis ini yang kini melangkah masuk ke tahun ketiga adalah cara entity korporat mengendalikan urusan mereka. Mereka sering menyalahgunakan undang-undang, melanggar cara pengurusan kewangan yang cermat dengan meminjam secara besar-besaran dan tidak menghiraukan langsung tanggungjawab terhadap pemilik saham minority. Tindakan mereka ini dibantu dan dilindungi oleh mereka yang berada di peringkat tertinggi pentadbiran.

Dalam masa yang baik mereka dihadiahkan dengan aset negara dan konsesi kontrak. Dalam masa yang buruk, seperti sekarang mereka diselamatkan dengan segera tanpa melalui proses yang telus. Banyak urusan yang sebegini telah diselindungi dari orang ramai atau pemeriksaan Dewan yang mulia ini. KWSP menggunakan simpanan seumur hidup para pekerja, memberikan pinjaman atau membeli ekuiti syarikat-syarikat bankrap. Sumber-sumber khazanah yang turut disalahgunakan, Petronas dipaksa menjaga kepentingan ahli keluarga pemimpin tertinggi kerajaan serta menyelamatkan Hicom yang hampir bankrap. Tindakan-tindakan ini sama seperti merompak peti duit negara.

Saya menerima satu faks mengenai notis mesyuarat tahunan Red Box Malaysia Sdn. Bhd. yang akan diadakan pada 30 Julai 1999. Nama Red Box telah

menjadi terkenal kerana ia merupakan syarikat di mana Ling Hee Liong anak kepada Presiden MCA serta Menteri Pengangkutan memulakan pembelian besar-besaran pada akhir tahun 1996 di mana dalam tempoh 3 bulan beliau telah berjaya mengumpul saham di Red Box, Kelana Mas, Promet dan Berjaya Industrial berjumlah RM1.2 bilion. Bekas tokoh korporat serta penasihat Presiden MCA Dato'Soh Chee Wen pernah membantu Ling Hee Liong menjadi Pengarah Red Box sungguhpun Soh Chee Wen kini menjadi 'fugitive from justice ataupun 'fugitive from injustice, dengan izin, kerana beliau mendakwa bahawa beliau merupakan mangsa penyiasatan pilih kasih dan kuasa gelap di tempat-tempat politik peringkat tinggi sungguhpun beliau telah menunaikan janjinya kepada Presiden MCA untuk menjaga dan mendidik anaknya yang berumur 27 tahun di dunia korporat apabila masih terlandai di hutan Sarawak bekerja sebagai Pengurus Projek bagi Tan Sri Ting Pek Khiing di EKCRAN.

Walau bagaimanapun, apa yang merunsingkan ialah pendedahan struktur pemegangan saham Red Box sebagaimana pada 21 Jun 1999 yang menunjukkan bahawa KWSP merupakan pemegang saham Red Box kelima besarnya yang memegang 695,000 saham atau 1.7% jumlah pemegangan saham. Saya tidak tahu bilakah KWSP membeli saham-saham Red Box ini tetapi para ahli KWSP berhak diberitahu mengapa KWSP memilih saham Red Box sungguhpun ianya bukan saham trustee, berapa juta ringgit yang telah dirugikannya hasil dari perubahan ini. Sama ada ianya ada hubung kait dengan perancangan sulit di dunia korporat yang membolehkan seorang budak berumur 27 tahun menjadi jutawan segera dan melakukan pembelian saham besar-besaran dalam 4 syarikat yang bernilai jumlah RM1.2 bilion dalam tempoh tiga bulan dan danamodal yang dimiliki oleh beliau hanya atas nama dan pengaruh ayahnya seorang menteri.

Sehubungan dengannya, bolehkah Parlimen diberikan satu penjelasan yang wajar mengenai hasil penyiasatan BPR ke atas kedua-dua Lee Hee Liong dan Ling Liong Sik berkaitan dengan keupayaan luar biasa Hee Liong untuk memperolehi

saham bernilai RM1.2 bilion dalam tempoh tiga bulan dan apakah BPR tidak mengambil sebarang tindakan sungguhpun ia memiliki bukti documentary bahawa salah satu perundingan untuk perolehan besar-besaran ini telah dijalankan di Pejabat Menteri Pengangkutan sendiri.

Pada masa ini semua mata tertumpu kepada tarikh 1 September dan ragu-ragu sama ada wang yang terperangkap di dalam Malaysia sejak satu tahun yang lepas akan tergesa-gesa keluar dari sistem kewangan negara ini. Selepas tarikh berkenaan jumlah dana ini dianggarkan lebih kurang RM23.3 bilion.

Kawalan modal yang dijalankan pada masa sekarang, kekhuatiran berlakunya perubahan dasar yang tidak menentu serta sikap tidak berkerjasama Malaysia dalam usaha menyelesaikan isu CLOB,. semuanya menjadi alasan untuk para pengurus wang merasa lega kerana berpeluang menarik keluar pelaburan mereka dari Malaysia.

Mark Mobbis, Presiden Templeton and Merging Market Funds Incorporated merupakan salah seorang pengurus dana yang telah melahirkan perasaan ketidaksanggupannya untuk mendedahkan dana-dana kepada risiko lebih banyak kawalan modal. Beliau merancang menarik keluar US\$300 juta syarikatnya dalam bentuk aset dari Malaysia sungguhpun sebelum tempoh penggulungan 12 bulan tamat dalam bulan September dan terus berada di luar Malaysia. Robert Superman dari Lechman Brothers memerhatikan bahawa, dengan izin, *“The fear is that if the capital control remains in place for far too long, they could be detrimental to long term group.”* Lain-lain faktor dipetik adalah bahawa pemisahan Malaysia dari indeks-indeks global penting seperti indeks Morgan Stanley, merupakan satu faktor yang menegah dana-dana dari melabur di pasaran saham Malaysia.

Peluang Malaysia masuk semula ke dalam indeks MSCI adalah tidak cerah selagi kerajaan berkeras untuk menggalakkan kawalan modal. Para pengurus telah memerhatikan bahawa indeks BSKL telah meningkat khasnya bergantung kepada

kecairan tempatan sahaja, tidak seperti pasaran-pasaran saham lain-lain negara Asia di mana dana-dana asing telah membantu di dalam saingan pertumbuhan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, wujud pelbagai spekulasi bahawa kerajaan mungkin akan terus melegakan cukai ke atas pengeluaran pelaburan portfolio dalam minggu-minggu yang akan datang untuk mencegah pengeluaran wang yang besar-besaran sehingga 1 September. Saya menyeru supaya kerajaan menjelaskan perancangannya dan menyatakan sama ada kesemua kawalan yang sedia ada berkenaan dengan pasaran saham akan dihapuskan sebelum bulan September yang mana merupakan syarat sebelum Morgan Stanley Capital International memasukkan kembali ke dalam indeks pasaran saham batu tanda barunya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sering merasa bangga dengan keupayaannya untuk mengumpul dana di pasaran bon antarabangsa. Tetapi Perdana Menteri mahupun dua orang Menteri Kewangan tidak langsung menangani fakta negatif iaitu pasaran bon hanya akan bersedia meminjam wang mereka kepada kita pada tahap 300 points, asas lebih tinggi dari kadar bunga pasaran kewangan antarabangsa. Pihak berkuasa juga langsung tidak menyentuh fakta bahawa Korea dan negeri Thai kini berupaya mendapatkan pinjaman jauh rendah kosnya berbanding dengan Malaysia.

Profesor Miller, pemegang Anugerah Nobel, telah menunjukkan kos jangka panjang tindakan ini kepada ekonomi. Satu pandangan yang telah juga disuarakan oleh lain-lain penganalisa bebas yang dihormati yang mana nasihat mereka telah dituruti oleh para pelabur. Kerajaan harus memberikan perhatian yang serius kepada amaran-amaran ini yang mungkin merupakan alasan mengapa Malaysia tertinggal di belakang lain-lain negara rantau ini dalam segi pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, ramai yang mendakwa bahawa ini adalah disebabkan oleh kawalan modal Malaysia sungguhpun Perdana Menteri dan 'Spin Doctor'nya, dengan izin, percaya bahawa oleh sebab wujudnya kawalan modallah maka

ekonomi Malaysia bukan sahaja telah pulih malah membantu pemulihan-pemulihan ekonomi-ekonomi serantau. Satu pandangan yang tidak mendapat sebarang sokongan luar dari negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin menyentuh di mana peruntukan-peruntukan diberi kepada semua Ahli Parlimen. Bila saya menyoal mengenai perkara ini kerajaan mengatakan bahawa hanya Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional layak menerima peruntukan ini. Apakah alasan dan justifikasi ini memandangkan undang-undang yang ternyata Federal Constitution mengatakan 'equality before the law'.

Apakah hak asasi seseorang? Macam mana kita boleh adakan satu pilihan raya yang bersih jikalau tidak kerajaan sendiri menggalakkan kekotoran dari mula-mula lagi. Saya telah membuat analisa dan berpendapat bahawa setiap Ahli Parlimen Barisan Nasional telah mendapat sekurang-kurang RM1 juta setiap tahun untuk perbelanjaan di kawasan mereka dan kenapa perkara ini tidak diberitahu? Kenapa pihak pembangkang tidak mendapat satu sen pun dari peruntukan ini?

Semalam apabila saya bertanya kepada Menteri berkenaan, beliau berkata bahawa seperti di kawasan saya kalau hendak peruntukan Ahli Parlimen sebelah kawasan saya, dia akan diperuntukkan wang tersebut untuk dibelanjakan di kawasan saya. Seperti di kawasan saya, sebaliknya bukan Tanjung Malim, Pasir Salak. Apakah hak beliau menerima peruntukan ini? Bila dan untuk projek apakah yang digunakan? Macam mana kita boleh ada sistem demokrasi yang open dan bermakna di mana semua tidak kisah.

Kalau dilihat di lain-lain negeri, saya baru balik dari Filipina di mana semua congressman, Tuan Yang di-Pertua, tidak kira sama ada kerajaan, pembangkang atau bebas, mendapat satu peruntukan yang sama di mana open tender system yang terbuka dan semua boleh didapati dari kongres. Kalau kita hendak ambil apakah kontrak-kontrak yang telah dibiayai oleh kerajaan, penyiasatan, semua boleh didapati dari kongres. Apakah dan sebab apakah

peruntukan-peruntukan yang diberi kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini walaupun kebanyakan kawasan Yang Berhormat Ahli Parlimen separuh daripada para pemilih dari kawasan-kawasan Ahli Parlimen DAP, nampaknya mendapat 1 juta setahun, untuk apa satu kelonggaran yang tidak boleh diterima oleh masyarakat di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat. Cukup.

Tuan M. Kulasegaran: Saya akan gulung.

Tuan Yang di-Pertua : Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Saya rasa kalau kerajaan betul-betul berniat mengadakan pilihan raya yang bebas dengan serta-merta, saya mohon agar kerajaan, nombor satu memberitahu berapa dan apakah projek yang dilakukan oleh setiap Ahli Parlimen Barisan Nasional dan kenapa ia hanya perlu diberi kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan bukan pembangkang walaupun Ahli Parlimen pembangkanglah yang betul-betul bekerja untuk rakyat di Malaysia ini. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Parit Buntar.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan hujah ini, saya ingin menjelaskan sedikit point yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan tadi. Sebenarnya, bukan peruntukan itu diberi kepada Ahli Parlimen, peruntukan itu ialah untuk projek-projek kecil yang disalurkan melalui Pejabat Daerah. Ahli Parlimen Barisan Nasional hanya boleh mecadangkan projek-projek yang hendak dilaksanakan. Jadi, Ahli Parlimen pembangkang pun boleh recommend kalau DO terima.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang soal pilihan raya, Tuan Yang di-Pertua. Terlalu banyak yang dibincangkan tentang soal pilihan raya ...

Tuan M. Kulasegaran: Boleh saya cadangkan...

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Saya ada masa sedikit sahaja. Nanti.

Tuan M. Kulasegaran: Kawasan Parit Buntar, saya baru balik....

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Nanti kita bincang di luar.

Tuan M. Kulasegaran: ...sekolah dan sebagainya, itu pohon duit Yang Berhormat

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Kita bincang di luar.

Tuan M. Kulasegaran: . Saya baru balik...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Teluk Intan, dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terlalu banyak diperkatakan tentang pilihan raya seolah-olah pilihan raya ini akan diadakan dalam masa yang begitu singkat. Cuma yang ingin saya jelaskan di sini, saya ingin ingatkan kepada semua terutama sahabat-sahabat dari parti pembangkang, kita jangan terlalu ghairah sangat sebab dalam keghairahan untuk berkempen ini, kita mungkin terlanggar batasan sebab ini mengingatkan saya kepada apa yang saya alami dalam tahun 1969 dahulu

Secara kebetulan, semasa itu saya walaupun muda tetapi menyaksikan segala peristiwa yang berlaku menjelang Peristiwa 13 Mei di mana semua parti yang bertanding terutama sekali parti pembangkang mengeksploitasi isu-isu yang sensitif terutama sekali isu-isu yang berkenaan dengan kaum, racial issues, dieksploitasi semahu-mahunya sehingga selepas pilihan raya itu, parti yang menang berlagak dengan riak dan sombong, mengadakan perarakan di ibu kota dan akhirnya menimbulkan kemarahan dari kalangan satu kaum dan akibatnya kita semua tahu.

Saya sebut perkara ini sebab sejak empat lima bulan yang lalu, saya menyaksikan trend yang berlaku sekarang sama dengan apa yang berlaku menjelang 13 Mei. Jadi, inilah yang kita harus ingatkan diri kita. Yang penting

memanglah memenangi pilihan raya tetapi yang penting di atas kepentingan memenangi pilihan raya itu ialah kepentingan memelihara keselamatan negara. Jangan, misalnya, kalau kita menang pun kita menang jadi abu, kalah jadi arang.

Saya sendiri kadang-kadang tidak faham, kalau kita lihat kenyataan parti-parti pembangkang. PAS misalnya, mendakwa inilah masa yang paling sesuai untuk menggulingkan kerajaan yang ada sekarang. DAP pula berkata, tidak payah gulingkan, kita reducekan majoriti dua pertiga. Tetapi, kedua-dua ramalan ini tidak betul. Saya sendiri kadang-kadang saya buat sedikit arithmetic, Tuan Yang di-Pertua. Dari mana mereka hendak menang? Kerusi mana? Kalau kita hendak mendapatkan simple majority sekalipun, sesuatu parti itu memerlukan sekurang-kurangnya dari kerusi yang ada sekarang iaitu 192 kerusi, dia perlu dapat sekurang-kurangnya 86 undi ataupun 81 kerusi.

Kalau kita lihat kenyataan-kenyataan PAS yang hendak menang. Saya membilang lebih kurang, majoriti kerusi pengundi-pengundi Melayu ada terdapat lebih kurang 109 kerusi. Sekarang ini, kurang dari 88 kerusi itu dipegang oleh kami daripada ahli-ahli dari Barisan Nasional yang terdiri daripada Parti UMNO. Jadi, maknanya kalau mereka hendak menang dan menubuhkan kerajaan, semua 88 kerusi ini, mereka kena rampas. Semua yang di dalam UMNO ini, kena kalah. Munasabahkan semuanya akan kalah? Perdana Menteri kalah, Timbalan Perdana Menteri kalah, menteri-menteri UMNO kalah, ahli-ahli backbencher UMNO kalah, munasabahkan? Insyallah, Tuan Yang di-Pertua, no way boleh gulingkan semua sekali.

Jadi, apa yang perlu dicakap. Kita kalau hendak berpolitik, biarlah rasional sedikit secara matang. Inilah sebenarnya seperti yang digembar-gemburkan ke kampung-kampung sehingga penyokong-penyokong di kampung sudah percaya. Mereka naik 'syekh' dan tiba-tiba jadi ghairah. Orang yang tidak tahu membilang, tidak tahu membuat calculation secara rasional akan percaya dan dia menimbulkan keadaan huru-hara di kampung-kampung. Ini sebenarnya akan

menjadi satu masalah yang terpaksa kita hadapi selepas pilihan raya. Masyarakat berpecah-belah.

Kita tahu di Kelantan, di negeri-negeri di Pantai Barat pun ada, di kawasan-kawasan yang pengundinya majoriti terdiri daripada orang Melayu. Jadi, saya pun hairan, 88 lebih sedikit itulah yang UMNO hendak bertanding, yang PAS hendak bertanding, itulah yang Parti KeADILan hendak bertanding, akhirnya sesiapa pun tidak dapat. Hujung hilang, pangkal lesap, modal pun tidak dapat balik.

Jadi, inilah yang harus kita fikir. Saya tidak mempertikaikan hak semua orang untuk berkempen tetapi hendaklah berkempen secara matang. Jangan kita gunakan emosi sebab akibatnya saya bimbang akan berlaku perkara-perkara yang pernah berlaku dalam sejarah negara kita iaitu pada tahun 1969. Secara kebetulan, saya berada di tengah-tengah kancah pertempuran itu dan terpaksa memberi perkhidmatan kepada orang ramai untuk menerangkan keadaan ketika itu.

Saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Pertanian. Dalam jawapan bertulis Yang Berhormat Menteri kepada soalan saya mengenai kemungkinan kementerian ini melonggarkan pengharaman lesen-lesen perikanan untuk perikanan pantai. Menurut jawapan yang saya terima, kementerian telah membuat keputusan tidak akan lagi mengeluarkan lesen ini kerana lesen yang sudah ada sekarang sudah mencapai apa yang disebut tahap maximum sustainable yield. Oleh kerana itu, maka kerajaan tidak akan mengeluarkan lesen-lesen untuk nelayan-nelayan pantai ini.

Saya timbulkan perkara ini sebab dalam kes-kes tertentu terdapat keadaan di mana mungkin kerajaan terpaksa pertimbangkan. Saya ambil contoh, dalam kawasan saya terdapat kira-kira 5000 atau 6000 nelayan pantai. Saya perhatikan sebilangan besar daripada mereka ini iaitu satu perempat daripada 6000 nelayan ini tidak mempunyai lesen yang sah. Tetapi kerja mereka menangkap ikan, kerja nelayan sejak dahulu sehingga sekarang. Akibatnya, mereka selalu diharsh, dengan izin, selalu diambil tindakan oleh polis marin dan Jabatan Perikanan. Saya

banyak menerima pelbagai aduan daripada nelayan-nelayan ini yang menghadapi pelbagai masalah.

Memang sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, salah satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah menggalakkan mereka menceburkan diri dalam bidang aquaculture ataupun mencari kerja-kerja lain khususnya nelayan-nelayan di Kuala Kurau, Tanjung Pinda dan Bagan Tiang. Saya sudah tengok, mereka ini memang sudah tidak boleh membuat kerja lain. Sejak dahulu sehingga sekarang, bekerja menangkap ikan. Profesion lain mereka tidak tahu.

Kalau kita hendak menggalakkan mereka buat aquaculture pun, mungkin sebilangan kecil daripada mereka, boleh, tetapi sebahagian besarnya tidak tahu cara lain untuk mencari rezeki. Jadi, saya ingin merayu kepada Kementerian Pertanian supaya menimbangkan kes ini menurut merit kes itu sebab ini adalah dalam bidang kuasa kementerian dan kalau ini dapat dilaksanakan, saya yakin masalah-masalah ini akan dapat kita bereskan dengan muktamad.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah tentang Astro. Seperti mana yang kita tahu, kalau kita lihat falsafah di sebalik penubuhan Astro ini ialah untuk membolehkan maklumat-maklumat dari Malaysia ini disebarkan ke luar negara melalui siaran televisyen, menerusi satelit. Sepertimana yang pernah saya timbulkan dalam Dewan yang mulia ini, perkara ini belum dilakukan

Yang kita lihat sekarang Astro hanya membuat penyiaran ke dalam negara. Samalah juga dengan stesen-stesen televisyen yang lain yang menggunakan kaedah terrestrial broadcast, dan broadcast ke dalam negara ini pun saya saksikan misalnya saluran ke dalam negara, Astro mempunyai tiga saluran yang menumpukan khusus untuk tiga kaum terbesar di negara ini, iaitu untuk penonton-penonton Melayu, India dan Cina. Untuk penonton Melayu misalnya mereka ada *AsrtoRia* dan untuk penonton-penonton Cina ada saluran yang disebut '*Wah Lai Tho*' dan untuk penonton-penonton India disebut '*Wannavin*'. Jadi ketiga-tiga

saluran ini pada asasnya bertujuan untuk membuat program-program khusus untuk tiga kaum ini.

Saya saksikan baru-baru ini, menjelang perayaan Krismas dalam saluran *AstroRia* ini banyak program yang berunsurkan dakwah Kristian. Jadi saya tidak faham kenapa ini boleh berlaku. Sedangkan kita tahu di Malaysia ini kalau kita sebut seorang pasal orang Melayu semua beragama Islam. Kenapa pula kita harus siarkan program-program yang menekankan kepada Christian missionary. Misalnya rancangan *Trinity Boys Choir* yang ditayangkan sempena ulang tahun yang pertama pertubuhan ini. Itu sebenarnya adalah lagu-lagu Gospel, lagu-lagu gereja. Kemudian pada sepuluh hari menjelang Krismas, rancangan-rancangan hiburan yang dibuat khusus sebagai run dons to Christmas dengan izin. Sepuluh hari menjelang Krismas, jadi rancangan-rancangan itu yang khusus untuk orang Melayu yang beragama Islam dikaitkan dengan perayaan menyambut Krismas.

Jadi mungkin ini, salah pandang daripada pihak producer. Saya mohonlah pada masa-masa yang hadapan perkara-perkara yang boleh menyentuh sensitiviti satu-satu kaum hendaklah dielakkan. Sebab seperti mana yang saya sebut dalam awal-awal ucapan saya tadi yang penting ialah untuk mengekalkan keharmonian kaum, keselamatan dan kestabilan negara. Ini hendaknya mengatasi segala kepentingan termasuk juga kepentingan untuk memenangi pilihan raya.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bukit Mas.

4.04 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian untuk membangkitkan beberapa perkara dalam perbahasan ini.

Pertama sekali mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri sendiri melawat kawasan saya di Bukit Mas, termasuk Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya ingin mengucapkan terima

kasih, kerana ada beberapa projek yang dilaksanakan dan dirasmikan khususnya projek mini hydro di kawasan dataran tinggi negeri Sarawak seperti Bario, yang menelan belanja lebih RM12 juta.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya kementerian sehubungan dengan perkara ini dapat menjalankan satu tinjauan supaya mini hydro ini dapat dipakai dengan secara menyeluruh. Perkara ini telah diberitahu kepada Yang Berhormat Menteri sendiri dan beliau telah bersetuju untuk mengkaji semula. Dan harapan rakyat di sana, kerana saya baru balik dari kawasan dan seorang ketua masyarakat dari Bario mengatakan tolong suarakan perkara ini dan saya ada kepastian dengan lawatan Yang Berhormat Menteri sendiri ke Bario.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih. Bukan senang untuk pergi ke kawasan utara negeri Sarawak termasuk Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar, diucapkan berbanyak terima kasih. Oleh kerana sekarang, saya rasa mereka betul-betul faham tentang masalah yang kita hadapi khususnya di kawasan luar bandar.

Sehubungan dengan kementerian ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu sekali lagi mengenai projek jalan kampung iaitu di Bario yang telah dibincangkan bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri daripada lapangan terbang baru, Bario Airport dengan izin, ke beberapa rumah panjang berdekatan, saya rasa dalam lingkungan lebih kurang 1 kilometer dan Yang Berhormat Menteri sendiri bersetuju mengkaji bagaimana kita dapat menaikkan taraf jalan kampung itu, menyemen dan sebagainya.

Harapan kita juga, oleh kerana satu lapangan terbang baru dibina di Bario memakan belanja berjuta-juta ringgit dan daripada lapangan terbang itu juga jalan raya tidak begitu memuaskan. Itulah harapan rakyat kampung di Bario.

Mengenai kementerian ini juga saya ingin menyaran sekali lagi keperluan khususnya di bidang KEMAS. Kerana di kawasan saya, di kawasan Bukit Mas ada satu kawasan baru iaitu Dewan Undangan Negeri kawasan Ba'lalan.

Sebetulnya selepas persempadanan semula di seluruh negara hanya di Sarawak kawasan Bukit Mas diperbesar.

Oleh kerana itu memang tidak mencukupi sekiranya pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat di Limbang dan di Lawas sekarang ini tidak mencukupi kerana kawasan itu sudah meliputi kawasan Dataran Bario, yang dahulunya di kawasan Parlimen Baram. Saya memohon kalau boleh jawatan KEMAS yang kosong dan satu pegawai untuk KEMAS di kawasan Ba'lalan kalau boleh dipenuhi dengan secepat mungkin. Memandangkan saya rasa pegawai KEMAS begitu perlu khusus untuk kawasan luar bandar dengan khidmat yang diberi oleh beberapa pegawai KEMAS di kawasan saya, saya merasa begitu puas hati dan harapan saya kementerian dapat memenuhi kekosongan ini.

Dan selain daripada itu mengenai keperluan di Jabatan Penerangan, di kawasan Parlimen Bukit Mas, saya rasa perlu juga di kawasan yang baru ini, ini kawasan DUN Ba'lalan ini dipenuhi dengan beberapa pegawai yang tertentu dan supaya dapat membantu pegawai daerah, kerana kawasan Bukit Mas sekarang Tuan Yang di-Pertua, separuh ditadbir dari kawasan Miri iaitu Majlis Daerah Baram dan separuh ditadbir daripada Majlis Daerah Limbang, dan separuh lagi ditadbir daripada Majlis Daerah Lawas. Bermakna kawasan ini begitu kompleks dan harapan saya kalau ada pegawai yang mencukupi dan kalau ada jawatan yang kosong dipenuhi, saya rasa khidmat untuk masyarakat di kawasan luar bandar dapat kita pertingkatkan.

Mengenai Kementerian Pertanian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kerana baru-baru ini juga di kawasan dataran tinggi khususnya di kawasan Bario dan kawasan Ba'lalan, di mana kawasan ini yang mengeluarkan satu jenis beras yang dinamakan beras Bario, satu masalah yang mereka hadapi iaitu mengenai dengan izin, disease by the golden snail ataupun yang disebutkan siput gudang emas. Dan saya berterima kasih kerana kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian telah mengawal keadaan,

kalau tidak mengawal keadaan ini Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran dapat berkurangan 48 peratus.

Oleh kerana itu, saya menyanan sekali lagi kerana kawasan ini yang mengeluarkan beras Bario ini, sebagai satu beras yang premium, yang mahal dan saya juga ingin menyarankan kepada BERNAS, BERNAS telah mengeluarkan, mempackagekan beras Bario ini. Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu package dalam satu kilo dan tahniah kepada Pengerusi BERNAS dan Lembaga BERNAS kerana dapat memasarkan beras Bario ini. Saya pun selalu bangkitkan perkara ini dulu dan baru-baru ini baru dikeluarkan dan saya difahamkan mengenai supply memang tidak mencukupi. Itulah sebabnya sekiranya BERNAS ingin membuka ladang secara komersial, saya rasakan kerajaan negeri telah menyediakan tanah di Bario dalam seribu hektar, kalau boleh tolong percepatkan supaya beras Bario ini dapat dipasarkan sebagai satu hasil tempatan orang di kawasan luar bandar, di kawasan saya.

Mengenai Kementerian Kerja Raya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di negeri Sarawak sebagai satu negeri yang besar, kita pun faham tentang banyak keperluan dan kita juga faham bahawa keperluan kalau kita agih-agihkan ke seluruh negara, kita harus ambil kira kepentingan ataupun keutamaan tetapi saya ingin mohon kalau boleh, di kawasan saya ada dua batang jalan raya yang begitu lama sejak 40 tahun dahulu, kalau boleh cuba Dato' Menteri Kerja Raya, tolong semak. Saya pernah bangkitkan perkara ini dulu dan juga pernah dibangkitkan beberapa kali di dalam Dewan Undangan Negeri iaitu mengenai jalan raya Limbang-Mendamit, kalau boleh tolong naiktarafkan kerana sekarang separuh sahaja dibina dan mungkin yang tinggal separuh itu lebih kurang 15 km, tidak panjang, Tuan Yang di-Pertua, dan di Lawas satu jalan yang mengandungi kawasan saya sendiri telah disebutkan dalam persidangan yang dulu dan Dato' Menteri sendiri menyarankan supaya saya menulis surat. Saya telah menulis surat kepada Dato' Menteri, tolong semak lagi jalan Terusan-Breven kerana di kawasan

ini ada merangkumi empat buah sekolah rendah kerajaan, dua buah klinik dan 26 buah kampung. Kalau kita bandingkan kawasan seperti begini harus diberi keutamaan, kalau boleh naikkan taraf ataupun turapkan jalan yang tidak panjang 14 km sahaja.

Satu lagi perkara yang saya ingin memberi sedikit komen tentang pilihan raya. Kita berterima kasih kerana kerajaan kita kerajaan Barisan Nasional yang mentadbir negara kita, satu kerajaan yang adil. Harapan kita sebagai rakyat jelata dan juga ahli-ahli dalam kerajaan, kita berharap dan menyaran di sini supaya Kementerian Dalam Negeri yang membantu polis dan orang-orang yang bertugas untuk menjalankan kempen yang bersih yang boleh menjamin keamanan, harapan kita supaya mereka terus berkhidmat, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, without fear and favour. Saya rasa kerana negara kita sudah mengalami satu keadaan yang begitu baik, aman dan damai, tidak payahlah kita berkempen seperti di waktu pilihan raya, jangan kita bangkitkan isu-isu yang menyakitkan perasaan masyarakat yang berbilang bangsa di Malaysia ini.

Saya ingin mengambil sedikit perhatian, Tuan Yang di-Pertua, pernah berkempen di negeri jiran, di Sabah. Saya rasa kalau kempen begitu berjalan di dalam pilihan raya secara keseluruhan, saya rasa tidak begitu memuaskan. Kalau kita berkempen kita harus bangkitkan polisi-polisi, jangan bangkitkan isu-isu yang remeh-temeh, isu-isu peribadi dibangkitkan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, hitting below the belt. Saya rasa sebagai pemimpin yang bertanggungjawab dan kita dicalonkan oleh parti-parti tertentu kita cuba kawalkan keadaan. Pernah berlaku di kawasan yang saya bantu iaitu di kawasan pedalaman di Sabah, waktu kita berkempen polis pun datang, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi oleh kerana saya ada di sana, selepas menerangkan keadaan oleh kerana penyokong-penyokong dari parti pembangkang tidak dapat mengawal perasaan, Tuan Yang di-Pertua, itulah harapan kita. Saya saran polis tolong jalankan tugas without fear and favour.

Tuan Radin Malleh: [*Bangun*]

Tuan Michael Lisa Kaya: Apa ini, saudara? Penjelasan? Mahu gulung, saudara.

Tuan Yang di-Pertua: Masa dia sudah habis, Yang Berhormat. Cukuplah, Tumpat pula hendak berucap. Ya, Tumpat, sila.

4.15 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas Gelang Patah, saya akan panggil Setiausaha Parlimen menjawab.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ekonomi Malaysia dikatakan sedang bergerak ke arah pemulihan hasil daripada dasar pengembangan monetary dan fizikal yang telah dilaksanakan sejak bulan Mei 1998. Langkah-langkah pengembangan monetary termasuklah penurunan kadar reserve berkanun bagi industri kewangan dari 10% pada Februari 1998 kepada 4% mulai September dan penurunan kadar faedah ke paras terendah dalam tempoh 5 tahun. Langkah pengembangan fizikal termasuklah peningkatan perbelanjaan kerajaan dan penerusan semula projek-projek infrastruktur. Dengan dasar pengembangan ini diharapkan penggunaan dan pelaburan akan meningkat sekali gus dan menarik keluar ekonomi daripada kancah kemelesetan. Setelah setahun berlalu apakah ini telah jelas terjadi?

Perangkaan terkini yang dikeluarkan oleh Bank Negara- Malaysia melalui buletin perangkaan bulanan April 1999 menunjukkan tanda yang bercampur-campur dengan sebahagian besar penunjuk-penunjuk ekonomi masih memperlihatkan gambaran negatif. Berpandukan perangkaan-perangkaan ini masih sukar untuk menyatakan dengan yakin bahawa pemulihan telah berakar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, dari sekumpulan sambilan penunjuk-penunjuk pengguna swasta yang dibantu oleh Bank Negara hanyalah penjualan kereta

penumpang yang menunjukkan peningkatan besar iaitu pada kadar tahunan sebanyak 79% pada akhir bulan Mac 1999. Angka ini mengelirukan kerana jualan kereta penumpang pada bulan Mac 1998 yang menjadi 'base' pengiraan ini menjunam sebanyak 74%. Juga memandangkan penggunaan kereta penumpang bukanlah meliputi sebahagian besar pengguna menunjuk ini tidak boleh dengan tepatnya menggambarkan keadaan penggunaan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, penunjuk lain yang menunjukkan perkembangan positif tetapi masih marginal ialah pungutan cukai jalan yang naik sebanyak 3.8% setahun berbanding dengan kenaikan 13% setahun dalam tahun 1997. Import barangan penggunaan 2.2% berbanding 11% dalam tahun 1997 dan baki kad kredit 0.5%. Walaupun bayaran bulanan kad kredit telah diturunkan daripada 15% dari jumlah petunjuk kepada 5% sekarang, penggunaan kad kredit tidak lagi boleh dikatakan meluas. Ia melambangkan sektor penggunaan yang masih lembab. Penunjuk-penunjuk yang lain terus melambangkan bahawa sektor penggunaan yang diharapkan akan menarik ekonomi keluar daripada kemelesetan masih lemah, pungutan cukai perkhidmatan merosot sebanyak 22% setahun pada bulan Mac 1999. Begitu juga kredit penggunaan merosot sebanyak 10%. Perlu diingat bahawa pembelian barangan penggunaan amat bergantung kepada kemudahan kredit dan kemerosotan kemudahan ini merupakan satu tamparan hebat kepada sektor barangan pengguna.

Kredit untuk perdagangan am yang sebahagian besarnya terlibat dalam perniagaan barangan pengguna juga belum pulih, merosot pada kadar 2.5% dalam bulan Mac 1999. Oleh kerana sebahagian besar sumber pendapatan pengguna luar bandar adalah dari getah dan kelapa sawit, kemerosotan harga bahan ini menyebabkan kemerosotan pendapatan kumpulan pengguna ini sekali gus menjejaskan kuasa beli mereka. Inilah sebenarnya yang menjadi sekarang, harga getah harus terus merosot sebanyak 14% berbanding dengan kemerosotan 8%

tahun lepas. Harga minyak sawit pula menjunam sebanyak 26% berbanding dengan kenaikan besar sebanyak 77% setahun selepas.

Ini menggambarkan bahawa penggunaan penduduk desa terus tertekan. Oleh itu bagaimana kita boleh menyatakan dengan penuh yakin bahawa ekonomi sedang pulih. Sedangkan petunjuk-petunjuk pengguna masih terus mengalami perkembangan negatif. Sektor pengguna adalah besar merupakan lebih daripada 40% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pemulihan sektor ini adalah penting untuk pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, penggerakan pelaburan amat penting untuk pemulihan ekonomi. Dikatakan bahawa hanyalah apabila pelaburan pulih barulah ekonomi boleh keluar daripada cengkaman kemelesetan. Ini adalah benar kerana:-

- (i) pemulihan pelaburan menggambarkan pemulihan keyakinan ke atas ekonomi;
- (ii) pengeluaran akan meningkat bila ada pelaburan;
- (iii) peningkatan pelaburan penting untuk mewujudkan peluang pekerjaan; dan
- (iv) hanya dengan melabur kapasiti pengeluaran sesebuah ekonomi akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, petunjuk pelaburan swasta masih lemah. Daripada sekumpulan sepuluh petunjuk yang dibantu oleh Bank Negara, enam petunjuk penting masih meleset. Nilai Ringgit Malaysiapemohonan untuk melabur yang dikemukakan oleh pelabur-pelabur kepada Kementerian Perindustrian dan Perdagangan Antarabangsa (MITI) merosot sebanyak 70% pada kadar tahunan dalam bulan Mac 1999. Permohonan yang dikeluarkan pula merosot sebanyak 80%. Petunjuk yang paling-paling teruk terjejas ialah pengimportan alat-alat kelengkapan pengangkutan. Ia terus merosot sebanyak 123% setahun dalam bulan Mac setelah merosot sebanyak 22% pada tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Malaysia banyak bergantung kepada pelaburan luar, masih banyak kelengkapan jentera untuk industri barangan modal dan barangan pengantara yang diimport bagi menggerakkan pengeluaran sektor industri. Setakat Mac 1999 kita dapati import barangan ini masih merosot, membayangkan bahawa sektor industri masih tertekan. Import barangan pengantara misalnya meningkat secara 'marginal' sebanyak 4.4% dalam bulan Mac berbanding dengan 23% tahun yang lalu. Import barangan modal dan alat jentera untuk industri merosot masing-masing sebanyak 21% dan 40% dalam tempoh yang sama.

Kita boleh menjangkakan bahawa aktiviti ekonomi benar (real economy activities) dengan izin, akan meningkat sekiranya ada aliran pembiayaan berbanding pelbagai sektor ekonomi. Apabila bank-bank sudah bersedia memberikan kemudahan kredit kepada pelanggan barulah kita boleh menyatakan bahawa sudah wujud keyakinan yang ekonomi akan mula pulih. Sektor swasta memperoleh dana daripada tiga sumber utama. Pinjaman daripada sistem perbankan, terbitan sekuriti hutang swasta dan juga terbitan ekuiti.

Pemberian pinjaman oleh bank-bank masih meleset pada kadar tahunan sebanyak 5% dalam bulan April 1999 tolak 4% dalam bulan Mac. Ini menunjukkan pengembangan kredit masih jauh terkebelakang daripada sasaran 8% setahun. Penguncupan belian pinjaman adalah menyeluruh dan amat ketara dalam sektor penggunaan iaitu tolak 9% dan perkilangan tolak 8% . Kedua-dua sektor ini diharapkan untuk membawa ekonomi keluar dari kemelesetan. Namun ini jelas loan terjadi. Ini menunjukkan bank masih mengambil sikap yang amat berhati-hati dalam menilai permohonan. Mungkin juga bilangan projek berdaya maju masih kurang kerana ramai pengusaha yang terjejas teruk oleh kegawatan. Bank-bank yang telah menerima suntikan modal pula nampaknya masih berhati-hati dengan kecenderungan untuk mengekalkan nisbah kekuncupan modal berwajar pada tahap yang tinggi iaitu melebihi 12% iaitu keperluan minimum 8%,

pengurangan kadar faedah ke paras rendah juga masih belum merangsangkan pemberian kredit.

Tuan Yang di-Pertua, terbitan baru ekuiti juga masih kecil jumlahnya, hanyalah RM883 milion dalam empat bulan pertama 1999. Tidak banyak berubah daripada RM612 milion yang diterbitkan dalam tempoh yang sama dalam tahun 1998. Terbitan baru ekuiti oleh sektor perkilangan amat kecil, hanyalah sebanyak RM106 milion dalam tempoh yang sama. Dalam tahun-tahun terbitan yang terakhir ini baru sekuriti hutang menjangkau kepada RM15 bilion sehingga 18 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat kelesuan dalam pengeluaran pinjaman dari dana-dana khas yang diwujudkan oleh kerajaan. Dari sebelas dana khas yang ada dengan dana sejumlah RM805 milion, jumlah yang dikeluarkan setakat April 1999 ialah sebanyak RM3,835 milion atau 43 berbanding dengan sasaran 50% yang dikehendaki selewat-lewatnya pada akhir Mac 1999. Antara dana yang paling terkebelakang dalam pengeluaran pinjaman ialah tabung untuk rumah kos rendah dan sederhana sebab Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah dipenjarakan barangkali.

Tuan Yang di-Pertua : Ya, . masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, iaitu 3.6%, tabung penyusunan industri 19% dan tabung untuk industri kecil dan sederhana walhal sektor-sektor inilah yang diharapkan untuk merangsangkan ekonomi kita.

Memandangkan penunjuk-penunjuk penggunaan dan pelaburan swasta yang masih lembab ditambah pula oleh kelesuan yang ketara dalam aliran pembiayaan, amatlah sukar untuk melihat lonjakan dalam kegiatan ekonomi. Juga dilihat bahawa pencapaian dalam bidang mengawal inflasi walaupun kadarnya

rendah tidaklah sebaik yang dicapai oleh negara-negara Asia lain. Inflasi di Thailand dan Korea di bawah daripada 2%.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, begitu juga di negara maju seperti Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom, Singapura, Jepun pula merekodkan inflasi di bawah daripada sifar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Gelang Patah.

4.29 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas Akta Perbekalan Tambahan (1999) 1999.

Terlebih dahulu saya ingin ambil perhatian Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pemilik-pemilik rumah pangsa atau bangunan-bangunan yang bertingkat yang masih belum mendapat hakmilik strata. Seperti di kawasan saya di Bandar Selesa Jaya yang mana bangunan bertingkat jenis rumah pangsa di mana pembeli sudah duduk di rumah-rumah pangsa itu lebih 12 tahun dan sudah habis bayar pinjaman wang rumah mereka tetapi hingga masa kini belum dapat memperolehi hakmilik strata untuk bangunan mereka. Dan pihak pemaju pun tidak dapat memberikan keterangan kepada mereka kenapa hingga masa sekarang belum dapat memberikan hakmilik strata kepada mereka.

Oleh yang demikian, saya harap pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi agar dapat bekerjasama dengan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pejabat tanah dan galian serta pihak berkuasa tempatan, mencari satu solusi untuk menyelesaikan masalah hak milik strata ini kerana daripada tinjauan saya, rumah pangsa seperti ini pada masa sekarang menghadapi banyak masalah seperti hand grille di bangunan-bangunan ini sudah patah, pecah dan sangat merbahaya kepada kanak-kanak kerana kalau terjatuh kemungkinan akan hilang nyawa. Di rumah pangsa ini terdapat 16 unit

rumah empat tingkat berkongsi satu tangki air yang besar yang terletak di atas satu bilik tidur yang mana orang yang tidur di bawah tangki itu sentiasa berasa tidak selamat dan menghadapi penyakit insomnia - tidak boleh tidur dengan selamat. Ini adalah satu masalah kepada pemilik itu.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Selain daripada itu dinding bangunan itu sudah menjadi hitam dan tidak pernah dicat semula. Taman permainan kanak-kanak yang berada di kawasan sana pun dalam keadaan yang buruk sudah menjadikan Bandar Selesa Jaya sepatutnya penduduk boleh duduk di sana dengan selesa tetapi pada masa sekarang mereka agak tidak selesa duduk di kawasan Bandar Selesa Jaya. Saya percaya ada kawasan-kawasan lain pun mempunyai masalah rumah pangsa swasta ini yang belum mendapat hak milik strata dan saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar dapat mewujudkan satu jawatankuasa bertindak untuk menyelesaikan semua masalah yang dihadapi oleh bangunan-bangunan bertingkat di seluruh negara dan mengambil tindakan secepat mungkin untuk menyelesaikan masalah ini supaya mereka dapat mewujudkan jawatankuasa pengurusan untuk rumah-rumah pangsa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang mana saya dapati bahawa permohonan hak milik strata ini menghadapi masalah yang tidak dapat diluluskan, satunya ialah bila ada sesebuah rumah dalam kawasan blok flat itu menghadapi kaveat, permohonan hak milik strata di premis itu tidak akan dapat diproseskan. Yang kedua, bila pihak pejabat tanah dapati bahawa ada kerja ubahsuai atau tambahan di bangunan rumah pangsa itu mereka menghendaki pihak pemaju mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan untuk tambahan dan ubahsuai kepada bangunan itu. Ini mendatangkan satu kesukaran kepada pemaju kerana pemilik rumah itu terutamanya pemilik di tingkat bawah telah mengubahsuai bangunan

mereka tanpa mendapat kelulusan daripada pemaju atau daripada pihak berkuasa tempatan. Ini menyebabkan masalah kepada pihak pemaju untuk mendapatkan kelulusan.

Oleh yang demikian, saya cadangkan agar pihak pejabat tanah dapat meluluskan hak milik strata dengan mengambil kira pelan asal atau plan survey yang asal dan tidak mengambil kira tentang ubahsuai dan tambahan bangunan itu. Itu terpulang kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tindakan kepada pemilik yang membuat ubahsuai dan tambahan itu kerana adalah tidak adil oleh kerana kesalahan seorang pemilik daripada rumah pangsa itu yang membuat ubahsuai dan tambahan, telah mengabaikan kepentingan pemilik-pemilik lain di kawasan rumah pangsa itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya ingin sebutkan ialah kita akan masuk abad ke-21 dan masyarakat kini boleh dikatakan golongan yang berilmu dan boleh dikatakan mereka adalah lebih berani dan akan membuat aduan-aduan kepada wakil rakyat atau kepada pihak berkuasa tentang fungsi-fungsi pihak kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan yang sepatutnya menjaga kepentingan penduduk-penduduk di sesuatu taman atau bandar perlu mengambil sikap yang lebih proaktif, inovatif dan kreatif sejajar dengan kehendak masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kes yang mana kempen-kempen seperti Kempen Mencegah Nyamuk dan Kempen Bersih dan Indah yang dijalankan. Saya dapati ia tidak dijalankan dengan sempurna dan bila ada satu wabak seperti wabak JE atau wabak demam denggi, baru pejabat pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan untuk mengadakan kempen-kempen tetapi ia tidak dilaksanakan dengan secara sempurna. Saya rasa tindakan berterusan patut diadakan dan saya ingin tahu sama adakah pihak berkuasa tempatan masih terus memberikan laporan-laporan bulanan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang kerja-kerja membersihkan parit atau

longkang, kerja-kerja untuk mengadakan kempen kebersihan dan kerja-kerja untuk memastikan persekitaran kita dalam kawasan semua pihak berkuasa tempatan adalah dalam keadaan yang bersih.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa sejak kerja membersihkan sampah-sarap diswastakan terutama di bandar Johor Bahru dan di kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah, saya dapati bahawa kerja mengangkat sampah adalah memuaskan tetapi kerja untuk membersihkan parit atau longkang dan kerja untuk memotong rumput tepi jalan adalah tidak memuaskan. Saya sentiasa mendapat aduan daripada penduduk-penduduk di taman-taman dan di kampung-kampung baru bahawa kerja ini tidak dijalankan dengan sempurna dan di kampung-kampung baru bahawa sejak ia diswastakan kepada mereka tidak nampak pihak konsortium yang mendapat kerja swasta ini menjalankan kerja membersihkan parit di kawasan-kawasan kampung baru itu. Oleh yang demikian, saya berharap pihak berkuasa tempatan agar dapat mengambil tindakan untuk mengawal kerja kontrak swasta ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya bawa di sini adalah tentang caj IWK kepada premis-premis kedai yang mana pemilik-pemilik premis kedai terutama premis kedai dua tingkat merasa tidak puas hati tentang caj RM49 tiap-tiap bulan kepada mereka kerana mereka fikir bahawa jenis tangki najis dan penapis yang mereka gunakan adalah sama dengan jenis tangki najis dan penapis yang digunakan untuk rumah teres dua tingkat dan rumah teres dua tingkat mereka cuma dicaj RM6 satu bulan oleh IWK. Mengapa mereka dicaj RM49 satu bulan, mereka tidak puas hati perbezaan RM43 ini dan kebanyakan mereka telah mendapat notis daripada IWK dan akan dibawa ke mahkamah dan saya harap menjelang pilihan raya akan datang, pihak berkuasa dapat mengarahkan pihak IWK supaya tidak mengambil tindakan mahkamah terhadap mereka yang belum atau enggan membayar caj yang tinggi ini. Saya pun mencadangkan supaya caj yang tinggi ini dapat ditimbang semula supaya perbezaan antara caj kepada rumah

teres dua tingkat untuk kediaman dan caj rumah kedai dua tingkat tidak menghadapi perbezaan yang tinggi iaitu RM43 seperti yang saya sebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Tuan Chang See Ten: Dengan kata-kata itu sekali lagi saya ucapkan terima kasih. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Seremban, selepas itu kementerian diminta jawab.

4.42 ptg.

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ada beberapa perkara hendak disentuh untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Pertama, mengenai CLOB. Baru-baru ini banyak isu telah dibangkitkan mengenai CLOB iaitu berhubung dengan negara Singapura dan saya memang bersetuju bahawa kerajaan Malaysia tidak seharusnya tunduk kepada kehendak pihak Singapura akan tetapi saya rasa elok kita menghadapi masalah ini secara rasional kerana ini ada hubung kait dengan keyakinan pelabur asing. Kalau kita tidak dapat menyelesaikan masalah ini dengan cara baik, saya rasa ini akan menjejaskan keyakinan para pelabur dari negara asing terhadap negara Malaysia ini. Oleh kerana itu saya berharap pihak kerajaan dapat berunding dengan pihak-pihak berkenaan supaya satu penyelesaian dapat kita capai untuk menyelesaikan masalah berhubung kait dengan CLOB ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah berkenaan dengan penswastan. Saya setuju memang penswastan adalah satu cara untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan ini juga akan membolehkan kerajaan untuk meringankan beban supaya kerajaan boleh menumpukan tenaga dan kewangan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan demi kepentingan rakyat tetapi baru-baru ini saya dengar ura-ura bahawa kerajaan bercadang untuk menswastakan hospital. Jadi, saya minta kerajaan supaya menimbang semula

tentang akibatnya sebab saya rasa ini satu perkara yang amat penting, bukan macam projek pembinaan jalan raya, kena tol dan sebagainya, kerana sakit itu adalah satu perkara yang tidak kira sama ada orang itu kaya atau miskin, sakit tetap sakit. Saya sentiasa didatangi oleh orang ramai daripada golongan yang kurang bernasib baik, tidak mampu untuk menjelaskan bil-bil yang telah dicaj oleh hospital kerajaan. Walaupun cajnya rendah tetapi masih ada orang tidak mampu untuk membayar – datang minta kita rayu kepada pihak kerajaan atau pihak hospital kerajaan supaya caj-caj itu dapat dihapuskan atau dikurangkan.

Memandangkan perkara ini, saya berharap kerajaan akan mempertimbang semula dan sekiranya hospital diswastakan pula, sudah tentu caj-caj yang dikenakan akan naik dan orang ramai tidak akan menikmati segala kemudahan yang telah diberikan oleh pihak hospital kerajaan. Oleh kerana itu saya berharap penswastaan boleh kita timbangkan untuk sektor-sektor lain tetapi untuk kesihatan, untuk hospital kerajaan saya rasa kita perlulah mengambil perhatian yang cukup supaya dapat melindungi para rakyat yang miskin supaya ini dapat kita mengatasi masalah daripada golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga ialah mengenai penternakan babi di negara kita ini. Saya ingin maklumkan Dewan yang mulia ini masalah wabak JE atau Nipah telah selesai. Di Negeri Sembilan tidak ada masalah lagilah. Sebenarnya semua babi di Negeri Sembilan pun telah dimusnahkan. Apa yang diminta ialah kerajaan timbangkan caranya untuk membantu penternak. Sekarang kerajaan telah meluluskan bahawa setiap ekor babi yang telah dimusnahkan kerajaan akan memberi bantuan kewangan sebanyak RM50 sahaja tetapi permintaan daripada para penternak, mereka minta supaya kerajaan menimbangkan bayaran atau bantuan kewangan bagi setiap ekor babi itu dapat di pertingkatkan sehingga RM200 seekor.

Pada hemat saya permintaan ini harus kita timbangkan kerana bukan semua penternak adalah kaya. Ada juga penternak kecil-kecilan menghadapi banyak

masalah. Sebenarnya mereka telah berhutang begitu banyak, berhutang dengan bank dan sebagainya dan mereka tidak mampu untuk menjelaskan hutang mereka. Oleh kerana itu saya berharap kerajaan akan timbangkan semula mungkin naikkan satu kadar yang munasabah, bukan semestinya ikut kehendak mereka sampai RM200, kalau dapat meningkat, tambah lagi. Saya rasa itu satu cara yang amat baik untuk membantu mereka khususnya mereka yang menghadapi banyak masalah kewangan.

Lagi satu ialah mereka juga telah mengemukakan satu cadangan dipanggil sebagai 'sun flower project'. Dengan satu cadangan atau satu program di mana cara-caranya untuk membantu mereka bekerja semula atau memulakan semula penternakan di tempat-tempat yang dianggap sesuai. Saya harap kerajaan juga harus memberi pertimbangan sebab telah beberapa bulan mereka sudah hantar kepada pihak kerajaan tetapi sampai hari ini masih belum dapat jawapannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap kerajaan-kerajaan negeri jangan serta-merta untuk menutup semua ladang ternakan khinzir atau ternakan babi ini. Kita tidak boleh import babi dari negara-negara lain. Pertama sekali akan kehilangan 'foreign exchange' dan juga keduanya kita tidak memastikan bahawa bekalan dari luar ini adalah selamat untuk kita gunakan. Jadi, saya berharap kerajaan akan pertimbangkan sedalam-dalamnya cara atau kebaikan dan keburukan untuk menutup semua ladang atau kebanyakan ladang di negeri ini.

Saya juga dimaklumkan bahawa kebanyakan ladang itu akan ditutup kelak. Jadi, inilah satu tindakan saya rasa harus dipertimbangkan semula kalau dianggap sesuai. Apa salahnya bagi setiap negeri mewujudkan satu 'central farm area' atau 'pig farm area', dengan izin, supaya membenarkan atau memberi peluang kepada para penternak untuk meneruskan kerja mereka sebab mereka pun telah menjalankan ternakan ini selama beberapa tahun sejak datuk, bapa mereka dan beberapa generation, dengan izin. Oleh kerana itu saya berharap kerajaan tidak sewenang-wenangnya untuk menutup ladang-ladang berkenaan.

Akhir sekali mengenai masalah penoreh getah. Saya setuju beberapa orang Ahli Yang Berhormat menyebut masalah penoreh getah. Khususnya pekebun kecil sebab pada masa sekarang ini harga getah ini memang di tahap yang amat rendah sekali. Satu kilogram getah tidak mencukupi untuk membayar satu cawan kopi. Ini memang benar. Saya berharap kerajaan akan mengambil satu tindakan yang cukup berkesan walaupun telah diwujudkan satu jawatankuasa untuk menangani masalah ini tetapi sehingga kini masih belum nampak kesannya. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian akan memberi perhatian. Memang kasihan tengok keadaan mereka, pendapatannya telah diturunkan begitu mendadak dan mereka tidak mampu hidup macam biasa. Saya pun bersimpati dengan golongan ini dan berharap satu tindakan yang berkesan dapat diambil untuk membantu mereka. Dengan kata-kata ini saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

4.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat seramai 24 orang yang telah pun membincangkan dan membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kedua 1999.

Saya ingin menyatakan mengenai petunjuk-petunjuk pemulihan ekonomi yang terkini supaya dapat kita menyatakan kepada Yang Berhormat bagi Tanjong dan Yang Berhormat bagi Tumpat bahawa ini adalah merupakan petunjuk-petunjuk pemulihan yang real, yang betul. Pertumbuhan ekonomi pengeluaran sektor pembuatan meningkat sebanyak 8.5% dalam bulan Mei dan 6.6% bagi bulan Februari hingga Mei 1999 berbanding dengan penguncupan sebanyak 15.3% pada bulan Januari 1999.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi setakat bulan Mac tetapi kita punya perangkaan adalah lebih daripada itu. Perdagangan luar eksport meningkat 15.1% dalam US Dollar pada bulan Mei. Lebihan perdagangan sebanyak RM28.2 bilion atau US\$7.4 bilion untuk bulan Januari hingga bulan Mei berbanding dengan lebihan sebanyak RM16.3 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1998. Rizab negara US\$31.1 bilion mampu menampung 6.8 bulan import tertanggung ini setakat 30 Jun 1999. Peningkatan harga pengguna telah berkurangan daripada 3.3% bagi tempoh bulan Januari hingga Jun 1999 berbanding dengan 5% tempoh yang sama tahun 1998.

Petunjuk-petunjuk pengguna dan pelaburan jualan kereta penumpang meningkat kepada 18,529 unit pada bulan Mei 1999 berbanding dengan 9,428 pada bulan Mei 1998. Yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi adalah setakat bulan Mac 'first quarter'. Business Condition Index (MIER) telah meningkat daripada 48.2 mata dalam suku pertama 1999 kepada 60.3 mata dalam suku kedua 1999. Konsumer Sentimen Index (MIER) telah meningkat daripada 84 mata pada suku pertama 1999 kepada 101.6 mata pada suku kedua 1999. Kutipan cukai jualan pada lima bulan pertama 1999 meningkat kepada 354.6 juta berbanding dengan RM317.3 juta dalam tempoh yang sama tahun 1998.

Mengenai pekerjaan, bilangan pemberhentian kerja berkurangan kepada 3,547 orang pekerja pada bulan Mei 1999 daripada 12,335 orang pekerja bulan Julai 1998. Peluang pekerjaan ataupun 'job agencies' yang dilaporkan meningkat daripada 7,641 dalam bulan Disember 1998 kepada 10,911 pada bulan Mei 1999. Kadar perbelanjaan pembangunan kerajaan 46% sehingga bulan Jun daripada peruntukan berbanding dengan 21% sehingga bulan Mei 1999.

Penarafan kredit Malaysia oleh agensi-agensi penarafan antarabangsa mengikut Moody's dari negatif ke stable bagi mata wang asing bagi bon dan deposit mata wang asing. IBCA kepada Investment Grade BBB daripada None Investment Grade BB. Begitu juga dengan prestasi bursa saham, Indeks Komposit

BSKL telah meningkat sebanyak 216% pada 20 Julai 1999 daripada kedudukan pada 1 September 1998. Berbanding dengan negara Indonesia 99%; kita 216% berbanding dengan negara Korea 220% dan negara Thailand 131%. Penganalisis telah meningkatkan ramalan pemulihan ekonomi bagi Malaysia. MIER 1999, 1.3%; pagi tadi tingkat lagi, ISIS 2%; Credit Suisse First Boston 3.9%; Goldman Sachs 2%; Merrill Lynch 4.9% dan SJE Securities 3.1%. Kalau kita lihat keadaan sistem perbankan, nisbah modal berwajaran risiko (PWCR) sebanyak 12.2% dalam bulan Mei 1999 yang jauh melebihi keperluan minimum sebanyak 8%.

Pinjaman yang diluluskan telah meningkat 41.7% dan pinjaman yang dikeluarkan telah meningkat 22% dalam tempoh bulan Januari hingga bulan Jun 1999. Ini yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat setakat bulan Mac tadi. Purata mingguan pinjaman yang diluluskan sebanyak RM1.7 bilion dan pinjaman yang dikeluarkan sebanyak RM6.1 bilion berbanding dengan RM1.2 bilion dan RM5 bilion masing-masing pada tempoh yang sama tahun lepas.

Hutang tidak berbayar bersih net NPL pada akhir bulan Mei 1999 adalah sebanyak 8% di bawah pengkelasan enam bulan. Purata peningkatan bulanan untuk hutang tidak berbayar bersih net NPL telah reda kepada 1.9% untuk lima bulan pertama 1999 berbanding dengan 10.1% untuk sepanjang tahun 1998.

Kemajuan dalam Penstrukturan Semula Sistem Perbankan. Jumlah NPL yang telah diperolehi dan diuruskan oleh Danaharta berjumlah RM40 bilion atau 34% daripada NPL bagi sistem perbankan pada akhir bulan Jun 1999. Danamodal pula telah menyuntik sebanyak RM6.2 bilion ke dalam sepuluh institusi perbankan. Sehingga 30 Jun 1999, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah menerima 52 permohonan dari mana sepuluh skim penstrukturan semula melibatkan hutang sebanyak RM10.2 bilion telah selesai dalam proses pelaksanaan dan ketiga, kes melibatkan RM1.1 bilion telah dijual kepada Danaharta. CDRC dijangka akan menyelesaikan 18 kes lagi dengan hutang bernilai RM6 bilion menjelang akhir bulan Julai 1999.

Penyusunan bagi tiga cadangan penggabungan yang melibatkan enam buah bank telah dibuat, 14 daripada 39 syarikat kewangan telah diserap atau digabungkan sementara lapan syarikat kewangan di peringkat akhir penggabungan atau penyerapan yang dijangka siap menjelang akhir September 1999.

Yang Berhormat bagi Tanjong telah menyangkal data-data ini mengatakan data ini palsu. Tetapi ingin saya menyatakan di sini bahawa Malaysia telah pun menjadi ahli The Special Data Dismination Standard (SDDS) yang dipelopori oleh IMF.

Jadi, elok saya bacakan di sini, dengan izin, *“The purpose of the Special Data Dismination Standard (SDDS) is to guide member countries in the provision to the public of comprehensive, timely, excisable and reliable economic and financial statistic in the world of increasing economic and financial integration. The SDDS does comprise four dimension:*

- (a) coverage; prodigally and timeliness of the data;*
- (b) excess by the public;*
- (c) integrity of the disseminated data; and*
- (d) quality of the disseminated data.*

For each of the four dimension the SDDS prescribe good practices that can be observed, omitted by user of statistic”.

Jadi, IMF telah pun memperakui bahawa data-data yang telah kita beri melalui SDDS ini ialah sah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Kepong bangun ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tidak pertikaikanlah SDDS sebab saya pun tidak faham apa yang terjadi SDDS. *[Disampuk]* Kalau kita tidak faham kita tanya. *[Ketawa]* Macam mana masalah dengan ahli-ahli sekarang ini.....

Seorang Ahli: Tidak faham tidak payah cakap.

Dr. Tan Seng Giaw: kita tidak faham, kita tanya. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat beri Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk yang sebelah sini yang tidak mahu dengar dengan gejala-gejala yang dianggap baik sekarang. Data-data yang diberi melalui SDDS ini, sebab apabila kita tengok penjaja misalnya, kedai kecil. Nampaknya perniagaan itu tidak begitu baik, masih lembap dan sebagainya.

Mengikut kepakaran di dalam Kementerian Kewangan bilakah dunia peniagaan ini seperti penjaja kecil dan pekedai kecil dapat faedah daripada apa yang disebutkan pemulihan. Berapa bulan diperlukan untuk turun ke bawah?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat seorang doktor, kalau seseorang itu sakit misalnya, mula-mula dia sihat, selepas itu dia sakit, walaupun dia sudah pulih tetapi otot-ototnya masih lemah. Ia akan mengambil masa dua-tiga hari baru boleh dia pulih. Jadi, kalau kita lihat tahun lepas kita ada penguncupan ekonomi, KDNK kita kuncup 6.7% daripada kuncup -6.7%, -5%, -4%, -3%, -2% sekarang ini kita katakan first quarter -1.3%. Kita kata second quarter kita akan melonjak dengan angka-angka yang saya beri tadi. Jadi, oleh kerana itu kita merasakan bahawa tahun ini kita akan melonjak daripada -6.7% tadi akan melonjak kepada 1%. Ini satu lonjakan yang besar.

Jadi, kalau kita lihat dari segi itu sahaja kita rasakan kita masih lagi konservatif, sedangkan saya katakan tadi kalau dilihat daripada penganalisis luar ada mengatakan 2%, ada yang mengatakan 3.9%, Merrill Lynch mengatakan 4.9%, tetapi kita kata kita masih konservatif, kita merasakan kita akan mencapai 1%. Jadi, kalau kita lihat dari segi analogy itu kita mempunyai lonjakan yang besar.

Kalau kita lihat apa yang dikatakan tadi Stanley Fisher, first deputy managing director IMF sendiri dalam acaranya pada 4 Mei di Hong Kong, Asia, dia mengatakan, saya quote, "*Mr. Fisher prays Malaysia for his approach in*

using capital control lamely because the country has said the controls at temporary and because the government didn't shield the banking sector from reform. They did not and infact have been moving ahead well into it's area and that is very encouraging, he said, something that could have been interpreted as a long term cutting off from the global financial market and the global economy has not turn out in that way and that is another plus."

Ini kata Fisher daripada IMF tentang kedudukan ekonomi kita kontrol, financial control. Ada beberapa lagi yang telah dikatakan oleh World Bank statistic list dan bermacam-macam lagi yang menyatakan oleh kerana mendapati data-data kita daripada SCDS tadi menunjukkan bahawa kita akan keluar daripada tekanan ekonomi.

Yang Berhormat bagi Tanjong juga mengatakan bahawa berkaitan dengan 600 projek sekolah yang telah diputuskan untuk kita bina, kerajaan telah memutuskan supaya sekolah satu sesi dilaksanakan dan ini bertepatan kata Yang Berhormat bagi Sepang tadi dan pelaksanaan keputusan tersebut bahawa banyak sekolah yang telah dirancang perlu segera disiapkan. Bagi menyegerakan pembinaan, kerajaan memutuskan supaya ianya dilaksanakan secara design and built. Perbendaharaan sudah pun membuat keputusan bagi pelaksanaan 100 buah sekolah dan begitu juga yang ada dalam proses membuat perakuan dan kriteria pemilihan yang telah pun dibuat dan apatah lagi kerana ianya perlu dibuat secara design and built itu.

Yang Berhormat bagi Tanjong juga telah mempersoalkan tindakan kerajaan yang memberi kuasa kepada menteri atau KSU untuk mengagihkan projek yang tidak lebih daripada RM30 juta tidak secara tender terbuka. Jadi, Yang Berhormat sedia maklum dalam kegawatan ekonomi ini pihak swasta juga turut terjejas. Kita mengatakan dahulu falsafah kita bahawa the private sector is the engine of growth. Tetapi apabila private sector tidak ada wang maka kerajaan terpaksa ambil balik kerja-kerja itu seperti dahulu sebelum kita membuat

penswastaan. Jadi, dengan cara ini apa yang dibuat oleh kerajaan pada dewasa ini bahawa kita membuat pengecualian daripada peraturan biasa, perolehan kerja dan perlantikan perunding bertujuan untuk mempertingkatkan pelaksanaan projek dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bagi tahun ini sahaja dahulu.

Jadi, ini bermakna bahawa semua projek di bawah RM30 juta tadi akan diserahkan terus, let the managers manage. Maknanya Kementerian Pendidikan, Kementerian Kerja Raya dan kementerian yang lain tidak lagi datang ke Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, tetapi kita agihkan balik – ini delegation of power kepada kementerian-kementerian berkenaan supaya dapat kita melekaskan pembinaan projek-projek yang belum dibuat lagi. Kita mengatakan tadi bahawa setakat ini kita telah menghabiskan 46% daripada peruntukan pembangunan itu. Jadi, ini adalah satu angka yang paling menggembirakan.

Suka saya nyatakan di sini bahawa pengecualian diberikan ada hak dan kawalannya dan pengecualian diberikan hanya bagi projek-projek fizikal yang bernilai tidak melebihi RM20 juta dan bukan RM30 juta sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong. Lembaga Perolehan yang diberi kuasa untuk bersetuju terima perolehan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Lembaga Perolehan Kementerian – RM20 juta;
- (ii) Lembaga Perolehan Badan-badan Berkanun, Petronas dan sebagainya – RM20 juta;
- (iii) Lembaga Perolehan Persekutuan peringkat negeri – RM5 juta; dan
- (iv) Lembaga Perolehan peringkat bahagian bagi negeri Sarawak – RM100,000.

Kerajaan yakin melalui pertimbangan yang dibuat lebih banyak lagi projek yang akan dijalankan dengan segera. Dengan cara itu sahaja kita dapat melekaskan pembinaan projek-projek yang telah kita rancangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Dengan yang sedemikian adakah pada akhir tahun ini 9% atau 9.5% peruntukan pembangunan dapat dilaksanakan. Dengan sedemikian apakah cara untuk memantau projek-projek ini supaya tidak berlaku penyelewengan dan sebagainya. Apakah kaedah dan mekanisme yang digunakan?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita ada dua jawatankuasa yang kita bentuk sekarang ini. Pertamanya, di peringkat Pusat Penyelarasan Pelaksanaan (PPP) atau dalam bahasa Inggerisnya ICU, bukan ICU di hospital tetapi ICU di JPM. Jadi, ICU ini akan memperhatikan dan memantau pelaksanaan projek. Kita ada satu lagi jawatankuasa di Kementerian Kewangan sendiri untuk memantau dan melihat kegunaan duit berapa banyak yang telah digunakan. Ini Yang Berhormat bangkitkan hari itu supaya peruntukan-peruntukan kita dibuat, dihabiskan dalam masa yang telah di 'schedule'kan. Pemantauan ini akan diketuai oleh MTEN. Jadi, MTEN akan melihat dan MTEN ini seperti biasa jawatankuasanya akan bermesyuarat tiap-tiap hari melainkan hari Rabu. Ini menunjukkan bahawa kerajaan kita sangat serius tentang kegawatan ekonomi kita dan cara-cara kita hendak menyelesaikan masalah ini. Jadi, alhamdulillah, dengan adanya MTEN dapat kita melihat. MTEN ada juga jawatankuasa-jawatankuasanya terdiri daripada pihak swasta di dalam MTEN itu, jadi dapatlah melihat perspektif-perspektif yang berlainan supaya dapat kita melihat secara keseluruhan.

Yang Berhormat bagi Tanjong juga telah pun membangkitkan tentang projek-projek besar termasuk juga pembangunan Putrajaya dan begitu juga Yang Berhormat bagi Kubang Krian. Telah diumumkan bahawa pembangunan Putrajaya akan ditanggung sebahagian besarnya oleh pihak swasta dan pihak kerajaan hanya menanggung RM400 juta, kata Yang Berhormat bagi Tanjong. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan semua kemudahan awam untuk rakyat walaupun projek berkenaan diswastakan. Jadi, dalam projek

Putrajaya tentang kemudahan awam untuk rakyat itu kerajaan ambil. Begitu juga dengan projek Pusat Pentadbiran Putrajaya di mana pihak swasta adalah terlibat dalam pembinaan bangunan kerajaan, kerajaan pula terus menyediakan kemudahan-kemudahan awam seperti sekolah, hospital, balai polis, balai bomba, bekalan air, taman, tasik, kemudahan-kemudahan asas yang lain. Seperti kata Yang Berhormat bagi Kepong kita hendakkan seberapa banyak kalau boleh bandar-bandar kita ini dalam taman. Oleh yang demikian, tambahan yang dipohon itu adalah menyediakan semua kemudahan asas yang diperlukan di Putrajaya.

Saya ingin menyatakan di sini seperti mana yang dikatakan juga oleh....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya penjelasan. Disebutkan bahawa projek Putrajaya ini akan menelan belanja RM5 bilion atau RM6 bilion jumlahnya. Kalau kerajaan hanya mengeluarkan untuk kemudahan-kemudahan awam sahaja mengapa memerlukan begitu banyak iaitu RM5 bilion. Sebenarnya semasa krisis ekonomi dalam dua tahun ini tidak banyak tempat, hanya di Putrajaya yang berjalan melaksanakan projek-projek seolah-olah tidak wujudnya krisis ekonomi di seluruh negara, hanya satu tempat sahaja. Kita nampak seolah-olah tidak ada kegawatan, tidak ada krisis. Kerja pembinaan itu daripada pagi ke malam, ada night shift. Ini bermakna belanja sangat tinggi. Bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan lebih terperinci macam mana daripada fasa satu kepada fasa lima, siapa yang mendapat kontrak atau konsesi untuk fasa satu, fasa dua, fasa tiga, fasa empat dan fasa lima dan mengapa kita dapat meneruskan pelaksanaannya sepanjang masa dua tahun ini siang dan malam.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Itu termasuk daripada implementasi projek. Timbalan Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri ada data-data yang berkenaan. Walau bagaimanapun, saya akan menyatakan bahawa Putrajaya ini kita minta sekarang ini hanya RM686,250 juta.

Tujuannya ialah untuk membiayai pembinaan kemudahan awam di pusat pentadbiran Putrajaya yang kini sedang dalam pembinaannya. Jadi, breakdownnya kemudahan asas ialah RM224 juta; bekalan air RM104,900 juta; terowong LRT RM142 juta; tasik RM150 juta dan kos kewangan RM65,250 juta. Jadi, RM686,250 juta. Untuk fasa-fasa itu nanti saya rasa saya minta kalau boleh Jabatan Perdana Menteri akan menyatakannya tentang implementasi projek berkenaan.

Walau bagaimanapun, ingin saya menyatakan di sini bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian dengan projek Taj Mahal, projek besar seperti Great Wall of China dan sebagainya. Taj Mahal merupakan satu manifestasi kecintaan daripada suami kepada isteri. Kalau tidak salah saya kecintaan Shah Jehan kepada Nurjahan. Kalau kita tengok pembinaan Great Wall of China ia juga merupakan manifestasi bagaimana rakyat bermati-matian membinanya untuk kepentingan dan kedaulatan negara. Jadi, di sinilah kita melihat bahawa kecintaan dan kasih sayang bukan sahaja kepada negara tetapi kepada isteri dan yang lain itu merupakan juga satu naluri yang murni. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kalau kita mendengar lagu P. Ramlee pun, dia kata 'berkorban apa saja, harta ataupun nyawa, demi cinta yang setia'.

Jadi, kalau kita lihat dari itu, kita lihat juga Nabi Muhammad s.a.w. pun apabila dia hendak meninggal, dia ceritakan, sampaikan dia katakan 'ummati, ummati, ummati', umatku-umatku. Sampai hendak wafat, hendak meninggal, dia teringatkan umatnya juga. Jadi, inilah kita hendakkan supaya apa yang dikatakan dalam ajaran Islam [*membaca sepotong ayat al-Quran*] cinta kepada negara itu setengah daripada iman. Jadi, kalau kita cinta kepada agama, cinta kepada negara kita, itu merupakan setengah daripada iman.

Saya teringat Kepong hari itu menyatakan bahawa, fitnah itu ialah lebih dahsyat dari membunuh.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya beri dia peringatan, fitnah itu adalah dosa yang lebih besar daripada pembunuhan, ayat 127 Surah Al-Baqarah. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Jadi, surat Al-Baqarah ayat 127 *[Membaca ayat Al-Quran]* bahawa fitnah itu lebih dahsyat daripada membunuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihatkan di sini kalau kita lihat KLIA misalnya, sebelum itu di Subang Airport, kita menjangkakan bahawa sebulan hanya 170,000 penumpang tetapi telah naik kepada 470,000. Jadi, ini bezanya di antara statesmen and politician. Statesmen – negarawan, dia memikirkan lima generasi akan datang. Tetapi kalau politician dia memikirkan lima tahun akan datang, for the next election.

Jadi, ini perbezaan-perbezaan yang kita dapati dalam kita membincangkan masalah ini. Kalau kita hendakkan, kita katakan bahawa Putrajaya itu hendak dilelong dan sebagainya, saya teringat semalam orang kampung saya datang berjumpa saya di sebelah malam, dia mengatakan banyak kawan-kawan dan saudara-saudara dia, anak-anaknya masuk menjadi korporat, tetapi anaknya malang sekali banyak yang menjadi kaparat.

Saya kata, apa makna 'kaparat'? Katanya, dia dengan tulang empat kerat, membanting tulang dengan kapak, mengapak hutan, membersihkan hutan, membuat kebun kerana dia ini asalnya dari Jawa, Indonesia yang rajin bekerja dan sebagainya dan banyak kebunnya dan sebelum dia meninggal dia telah bahagi hak-hak kebun itu kepada siapa, cuma tempat tinggal sahaja yang dia tidak beri lagi. Apa yang dibuat oleh anaknya, dia jualnya habis. Jadi, fasal anaknya tidak mempunyai vision untuk masa yang akan datang. Kita takut kalau peristiwa seperti ini berlaku, saya rasa bimbanglah kalau Putrajaya juga dilelong.

Jadi, inilah yang kita harapkan supaya Putrajaya kita ini adalah satu lambang kemegahan.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat, Kepong bangun lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bagi sayalah, kita perlukan KLIA, itu tidak boleh dinafikan. Bagi saya juga kita perlukan Putrajaya, bukan sahaja Putrajaya, saya pun ada pernah membangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, semasa itu kita ada projek yang dirancang untuk Janda Baik tetapi kerana faktor-faktor yang tertentu, ditangguhkan kemudian dijadikan projek ini di Putrajaya.

Walau bagaimanapun, saya fikir kita perlu buat KLIA, kita perlu buat Putrajaya, cuma ada beberapa aspek.

Pertamanya, bila kita laksanakan projek, mesti kita cost effective dan sebab itu saya mencadang supaya kita buat siasatan yang lanjut supaya kita boleh bongkarkan dengan ketelusannya kepada rakyat, ha, inilah kita buat, sekian-sekian banyak dengan kos ini dan di situlah kita nampak kecantikan mahligai di KLIA dan juga di Putrajaya. Kita tunjukkan cost effectiveness, kita tidak mahu menyaksikan pembaziran yang amat sangat.

Saya boleh bandingkan dengan lapangan terbang di Hong Kong, memang tidak begitu cantik kalau kita banding dengan KLIA, keindahan itu kurang sedikit, tetapi kita tidak boleh meniru orang, cuma di Hong Kong mementingkan utiliti, macam mana boleh digunakan, sebab ia lebih mahal dari KLIA dan ia menggunakan untuk how useful it can be, bukan untuk kecantikan sahaja, itu perbezaan.

Saya bersetuju kalau orang itu tak tahu, orang kampung tak tahu, dia pergi melihat Putrajaya itu cantik bukan main, indahlah kotaraya ini, memang dia kata macam itu, cuma kita beri dia tahu, inilah kita belanjakan, inilah hasilnya, cost effectiveness.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat kerana bersetuju dengan Putrajaya dan KLIA.

Saya rasakan oleh kerana cost effective itulah kita buat sekarang, daripada buat kemudian kerana harganya akan lebih tinggi lagi. Kalau kita melihat misalannya bangunan kerajaan kita di Kuala Lumpur berselerak dan kos 206 pejabat kerajaan yang berselerak dan kos sewaan tahunannya sebanyak RM155.84 juta setahun. Itu yang pertama.

Yang keduanya, kalau kita lihatkan bangunan kerajaan merupakan lambang tetap negara yang mencerminkan progres, imej dan aspirasi negara dan penduduknya. Jadi, Putrajaya merupakan projek cost effective yang saya katakan tadi dan akan memberi laluan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang menolong dalam pemulihan ekonomi.

Seperti mana yang saya katakan dahulu, kalau kita membuat sesuatu aktiviti pembangunan, sektor construction ini, banyak lagi aktiviti yang di bawahnya akan dapat hidup. Katakanlah kalau kita buat bangunan, Putrajaya misalnya, bahawa industri-industri hiliran dan industri-industri huluran akan hidup. Besi akan okay, simen akan bergerak balik, batu bata akan bergerak balik, transportation akan bergerak balik sebanyak 142 industri akan bergerak balik.

Rakyat Malaysia telah bekerja dengan gigih sejak kemerdekaan dahulu dan oleh itu mereka berhak menikmati kompleks pentadbiran baru yang akan menjadi model dan simbol bagi kerajaan dan wawasan kita. Dahulu Malaysia tidak mempunyai ibu negara dan hanya menumpang di Selangor sahaja. Pembesaran-pembesaran bandar seperti Petaling Jaya, Shah Alam sebagai contoh, perlu dilaksanakan dan pusat pembangunan yang tersusun dan teratur hendaklah dilaksanakan. Jadi, jika lewat dilaksanakan, cost effectiveness yang dikatakan tadi bahawa harganya makin bertambah dan makin tinggi.

Jadi, kalau kita lihatkan cost effective, faedah-faedah ekonomi, Putrajaya dibina dengan menggunakan 90% bahan-bahan tempatan, memanfaatkan lima syarikat pengusaha tempatan, memangkinkan peluang pekerjaan dan penempatan untuk penduduk tempatan.

Kedua, prosedur pengembangan ekonomi dan perbelanjaan yang diusahakan oleh kerajaan akan memberikan rangsangan kewangan dan kesan gandaan ekonomi untuk meningkatkan proses pemulihan.

Ketiga, langkah rasional untuk menempatkan kerajaan dalam sebuah kawasan lebih menjimatkan dari segi masa, sewaan dan kecekapan dalam komunikasi.

Keempat, sebahagian daripada kawasan MSC, prasarana yang berteknologi yang canggih untuk memudahkan kerajaan elektronik (electronic government) iaitu memimpin secara contoh, projek sampingan dan sokongan dalam bidang pelancongan.

Keenam, pejabat-pejabat kerajaan sekarang ini adalah tanah yang berharga yang boleh dijual, disewa pada masa hadapan untuk tujuan lain pendapatan bagi kerajaan.

Ketujuh, memberikan ruang untuk pembahagian pembangunan yang akan merekakan pemusatan di bandaraya. Jadi, nilai bangunan-bangunan kerajaan di Kuala Lumpur dianggarkan berjumlah RM14 bilion atau RM15 bilion.

Kelapan, membuka kawasan tangkapan baru (catchment area) ataupun centre growth, kawasan baru bagi perumahan, komersial, pendidikan, menyediakan pekerjaan baru, menyokong perniagaan baru dan sebagainya.

Kesembilan, pembangunan koridor KL/Putrajaya KLIA sebagai kawasan pembangunan baru.

Kesepuluh, pembangunan koridor tersebut akan meningkatkan nilai tanah lagi.

Itu adalah cost benefit dari segi ekonomi. Kalau kita lihat cost benefit dari segi sosial, Putrajaya adalah sebuah bandar taman pintar, menunjukkan perancangan bandar yang boleh dijadikan contoh.

Yang kedua, penekanan kepada akuakultur dan tempat bekerja, tempat tinggal yang nyaman.

Ketiga, disediakan juga kemudahan awam yang baru seperti sekolah, hospital, perpustakaan, jalan dan sebagainya.

Keempat, Putrajaya lake, wetlands, taman rekreasi, taman kajian saintifik dan sebagainya.

Kelima, mengurangkan tekanan dan kesesakan di Bandaraya Kuala Lumpur dan meningkatkan kualiti hidup. Jadi, kalau kita lihat dahulu apabila kita membuat Jambatan Pulau Pinang yang berharga RM810,513,669 masing-masing bising mengatakan ini merupakan giant project dan membazir.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkesempatan tinggal di Pulau Pinang bekerja di sana tahun 1973, 1974, hendak menyeberang daripada tanah besar ke pulau itu sendiri mengambil masa queue 45 minit hingga sejam. Itu dahulu kereta tak banyak. Kalau sekarang kereta banyak, saya rasa Tanjong dari Melaka hendak pergi ke Pulau Pinang pun akan terlewat. Kata Bagan kalau kita dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang kalau lari laju dapat tiga jam setengah, kalau lambat sedikit, empat jam kalau dibandingkan dengan kereta api sembilan jam.

Jadi, dengan adanya jambatan sekarang ini, bulan lepas saya bawa kereta pergi, saya rasa kita pun jalan tak laju di atas jambatan itu kerana kemungkinan nanti lambat laun jambatan itu juga akan jam. Begitu juga dengan Lebuhraya Utara Selatan yang dikatakan oleh Bagan bahawa ia merupakan satu manfaat yang terhasil bagi negara kita.

Dan ini merupakan indicator oleh Bank Dunia mengatakan negara yang sedang membangun seperti Malaysia, indicator pertama ialah lebuhraya, jalannya bagus. Yang keduanya, ialah air. Air boleh diminum terus daripada pili umum. Jadi, ini indicator yang menunjukkan bahawa negara kita maju yang diambil oleh Bank Dunia.

Jadi, saya rasa rakyat Malaysia berhak menikmati sesuatu yang lebih baik, media asing seolah-olah berfikir yang rakyat Malaysia tidak berhak untuk menikmati peningkatan taraf di situ.

Jadi, kalau kita lihat dibandingkan dengan negara yang lain, di Amerika Syarikat, pusat pentadbirannya di Washington D.C., pusat dagangannya di New York, di Australia pusat pentadbirannya di Canberra, pusat dagangannya di Sydney. Di Brazil pusat pentadbirannya di Brazilia dan pusat dagangannya ialah di Rio De Jenerio, 3,000 batu daripada pusat pentadbiran.

Kalau kita lihat Holland, pusat pentadbirannya di Hague tetapi pusat perdagangannya di Amsterdam; dan di Canada pusat pentadbirannya di Ottawa dan pusat dagangannya di Toronto.

Di Malaysia pusat pentadbirannya di Putrajaya dan pusat dagangannya di Kuala Lumpur.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasakan kita melihat perkara-perkara seperti ini adalah jangkauan-jangkauan misi pemimpin kita yang saya katakan statesmen negarawan tadi dan menjangkau di masa-masa yang akan datang.

Untuk menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga, saya terkilan apabila dia mengatakan bahawa seolah-olah macam kita tidak ada langsung memikirkan orang miskin. Data-data yang kita beri, yang kita tunjukkan bahawa banyak subsidi-subsidi yang kita berikan kepada orang miskin.

Pertamanya, boleh saya lihatkan di sini, data yang ada di sini ialah PPRT – AIM, pemulihan sikap, rumah, pembangunan kampung, masyarakat dan kesihatan – RM115 juta. Kebajikan bantuan untuk orang kurang upaya, warga tua dan penyelenggaraan institut kebajikan, rumah anak yatim – RM52 juta. Pendidikan, bantuan buku teks, bantuan makanan tambahan, susu, biasiswa, bantuan pelajaran – RM1,243 juta.

Bantuan kepada Orang Asli, Yang Berhormat bagi kawasan Kota Bharu selalu membangkitkannya, kita beri RM9 juta.

Bekalan kesihatan misalnya, ubahsuai dan sebagainya, klinik-klinik, kita beri RM900 juta.

Pendidikan, pembinaan sekolah, asrama, rumah guru, menaikkan taraf sekolah dan sebagainya – RM3,047 juta.

Pembangunan masyarakat – RM49 juta.

Latihan kemahiran – RM315 juta.

Bekalan elektrik luar bandar kita beri RM70.8 juta.

Bekalan air luar bandar kita beri RM60.5 juta.

Jalan luar bandar – RM250.4 juta.

Jalan keselamatan atau Kesban – RM15.9 juta.

Jalan kampung (PJK) – RM225 juta.

Jadi, ini menunjukkan bahawa bukan sahaja kita membantu membina Putrajaya, meninggalkan langsung untuk melihat tentang standard of living, kesejahteraan orang-orang kampung, tetapi orang kampung juga diambil perhatian oleh kerajaan kita. Kerajaan kita ialah Kerajaan Barisan Nasional, tunggakunya ialah UMNO, UMNO datangnya ramai daripada kampung dan kita terpaksa juga memberikan khidmat kita kepada orang kampung dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang saya sebutkan tadi.

Jadi, Yang Berhormat, saya rasakan tidaklah adil kalau kita melihat sebelah sahaja, kita tolong orang kaya, apa yang ada pada orang miskin. Ini banyak boleh kita perbahaskan dalam debat ini Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk. Yang Berhormat boleh sambung besok. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membuat satu usul penangguhan tetapi sebelum itu izinkan saya membetulkan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong yang mengatakan surah Al-Baqarah ayat 127 iaitu "*Fitnah lebih dahsyat daripada membunuh*". Yang saya tahu, surah Al-Baqarah, saya bukan al-hafiz, ayat 126

ialah doa Nabi Ibrahim a.s. jadi saya rasa Yang Berhormat bagi Kepong terlencong sedikit, walaupun bukan al-hafiz.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Tenaga Nasional Berhad – Kejagalan Sistem Perjangkaan Secara Berjadual

5.30 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan ucapan penangguhan dengan tajuk tuntutan ke atas kejagalan sistem perjangkaan Tenaga Nasional Berhad. Tenaga Nasional Berhad telah mengeluarkan surat tuntutan kepada pengguna dengan dakwaan bahawa dalam menjalankan pemeriksaan ke atas pemasangan jangka milik TNB di premis untuk satu tempoh masa telah menunjukkan bahawa pemasangan bekalan telah gagal atau tidak berfungsi dengan baik dan tepat serta telah gagal merekodkan penggunaan tenaga yang sebenarnya sebagaimana pihak pengguna telah gunakan. Sehubungan itu, pihak TNB dengan ini memberi 15 hari notis untuk pihak pengguna menjelaskan bayaran berkenaan. Ini beribu-ribu ringgit, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya bayaran tidak diterima selepas tamatnya tempoh tersebut

tindakan untuk memotong bekalan ke premis pengguna akan dilaksanakan tanpa memberi apa-apa notis.

Tuan Yang di-Pertua, TNB telah menjalankan hukuman tanpa memberi peluang kepada pengguna membela dakwaan tersebut. TNB telah menggunakan kuku besi terhadap pengguna kerana TNB memonopolikan industri tenaga. Kerajaan perlu melindungi pihak pengguna dengan mendesak TNB membawa kes-kes sedemikian ke mahkamah untuk ditentukan dan TNB tidak boleh memotong bekalan sebelum selesainya kes mahkamah. Sekian.

5.33 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang Di Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tenaga Nasional Berhad menjalankan tugas penyenggaraanya secara berjadual. Penyenggaraan ini antara lain, meliputi tugas-tugas memeriksa keselamatan pendawaian, pemasangan serta kejitian jangka.

Di dalam menjalankan pemeriksaan sedemikian, seandainya terdapat mana-mana kejanggalan pemasangan, TNB bertanggungjawab menyempurnakan semula kejanggalan itu, agar keselamatan pada sistem, orang awam serta peralatan tidak terjejas.

Bagi pemeriksaan kejitian jangka bagi pemasangan yang berada di premis pengguna, kejanggalan yang didapati pada jangka, bermakna jangka tidak merekodkan penggunaan tenaga elektrik yang sebenarnya. Di dalam konteks ini, TNB dibenarkan membuat caj kepada pengguna terhadap kepincangan nilai yang direkodkan oleh jangka berkenaan, bersesuaian dengan peruntukan menurut Seksyen 11(2) dalam Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990, Akta Bekalan Elektrik 1990 dan di bawah Seksyen 3(1) peraturan yang sama.

Apa yang telah berlaku didalam pemeriksaan jangka ialah, TNB telah mendapati kejanggalan meter merekodkan penggunaan sebenar, seterusnya berusaha mendapatkan kembali kepincangan tersebut menerusi pengguna, tanpa

membuat dakwaan terhadap mana-mana pihak, berkenaan kejanggalan yang terdapat pada jangka. Segala dakwaan merosakkan jangka atau dakwaan mencuri tenaga hendaklah ditentukan di mahkamah, dan ini sememangnya satu proses yang mengambil masa panjang.

TNB telah dinasihatkan untuk mendapatkan semula kerugian dalam tempoh setengah bulan hingga tiga (3) bulan. TNB juga telah tidak dibenarkan memotong bekalan elektrik sewenang-wenangnya.

Kerajaan sentiasa menilai prestasi dan tindak-tanduk TNB di dalam mengendalikan kes kejanggalan jangka, kes pembayaran bil lewat serta kes penggunaan elektrik tanpa kebenaran supaya tidak melanggar hak pengguna.

Kerajaan sememangnya melindungi pihak pengguna dalam segala urusan dan kerajaan juga perlu mengimbangi kepentingan pengguna dan kepentingan semua syarikat utiliti di dalam konteks menyediakan dan menyempurnakan sistem rangkaian elektrik dalam pembangunan negara.

Taraf dan Peranan Suruhanjaya Pilihanraya

5.37 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) sepatutnya berfungsi sebagai badan bebas yang mengendalikan segala urusan berkaitan pilihan raya secara adil dan saksama tanpa campur tangan mana-mana pihak. Malangnya di negara kita SPR ternyata di bawah arahan dan kuasa Perdana Menteri dan bukannya Parlimen. Badan ini yang pada prinsipnya harus bertindak sebagai badan bebas telah menjadi alat dan di bawah kongkongan kerajaan.

Kredibiliti SPR sebenarnya kini telah tercabar. Ternyata sistem pendaftaran pemilih masih dijalankan secara yang sama sejak tahun 1957. Perkembangan teknologi, terutama bantuan IT tidak dipergunakan dengan sebaiknya. Urusan pendaftaran akan lebih efisien sekiranya ia dapat dibuat melalui e-mail misalnya.

SPR juga sepatutnya mengadakan “homepage” yang boleh bertindak memberi informasi terkini kepada para pengundi.

Difahamkan bahawa sebanyak RM20 juta telah dibelanjakan bagi tujuan pendaftaran pemilih. Pembaziran sebegini sepatutnya boleh dielakkan sekiranya SPR dapat bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi memperolehi data-data terkini mengenai rakyat amnya.

Pengundian melalui pos bagi anggota polis, tentera dan sebagainya menjadi satu persoalan yang tidak terjawab di mana sistem pengendalian undi-undi sebegini tidak transparan. Parti-parti pembangkang tidak diberi peluang untuk mengadakan kempen pilihan raya. Kepada anggota pasukan tentera, polis dan sebagainya yang sering menjadikan undi melalui pos tidak berpihak kepada pembangkang.

SPR sepatutnya bertindak secara bebas dan adil demi mempertahankan Sistem Demokrasi Berparlimen negara kita. Fungsi dan kredibilitinya harus melambangkan ketelusan dan kebebasan tanpa kongkongan dan arahan mana-mana pihak. SPR juga harus memanjangkan tempoh masa kempen pilihan raya dari dua minggu menjadi tiga minggu atau empat minggu. Segala arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh badan ini harus dikuatkuasakan bukan sahaja bagi pembangkang tetapi kepada semua parti politik. Baru-baru ini diberitahu SPR telah mendapat lebih kurang 650,000 orang yang tidak mendaftar dan soalnya adakah mereka akan didaftarkan sebelum pilihan raya akan datang.

5.43 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya ialah sebuah badan bebas yang ditubuhkan mengikut Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan. Keanggotaannya terdiri daripada seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan tiga orang ahli. Anggota-anggota SPR adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Peranan dan tanggungjawab SPR adalah mewujudkan bahagian-bahagian pilihan raya dan menjalankan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya, menyediakan daftar pemilih untuk kegunaan pilihan raya dan menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar pemilih yang merupakan aktiviti tahunan, menjalankan pilihan raya baik Pilihanraya Umum mahupun pilihan raya kecil.

Sebagai sebuah badan bebas, SPR menjalankan tugas tanpa sebarang campur tangan daripada mana-mana pihak. Dalam menjalankan peranan dan tugas yang diamanahkan, SPR sentiasa berpandu kepada undang-undang iaitu Perlembagaan Persekutuan, Akta Pilihanraya 1958, Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, Peraturan-peraturan Perjalanan Pilihanraya 1981, Peraturan-peraturan Pendaftaran Pemilih Pilihanraya 1971 dan lain-lain. Tempoh kempen perlu disingkatkan dengan tujuan untuk menjaga ketenteraman awam dan keselamatan negara. Tempoh kempen yang panjang akan menyebabkan berlakunya kempen yang berlebihan yang boleh menyinggung perasaan pelbagai pihak terutama apabila isu-isu perkauman dibangkitkan. Peristiwa 13 Mei 1969 yang telah meragut nyawa orang yang tidak berdosa dan telah mencatatkan titik hitam dalam sejarah negara adalah contoh dalam mana tempoh kempen yang panjang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Daftar pemilih yang ada sekarang telah diwujudkan pada tahun 1958 dan ianya dikemaskinikan pada tiap-tiap tahun melalui urusan pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar pemilih. Melalui urusan tersebut orang-orang yang layak diberi peluang untuk mendaftar sebagai pemilih sementara nama orang-orang yang hilang kelayakan atau telah meninggal dunia dikeluarkan daripada daftar pemilih. Dalam menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar pemilih, SPR mematuhi sepenuhnya Peraturan-peraturan Pendaftaran Pemilih 1971. Undang-undang ini telah menggariskan bagaimanakah prosedur seseorang itu boleh memohon untuk mendaftar.

Cadangan untuk memodenkan kaedah pendaftaran pemilih dengan menggunakan teknologi terkini perlu dikaji dengan teliti sebelum dilaksanakan. Salah satu gejala yang sedang dihadapi ialah perbuatan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab termasuk parti-parti pembangkang yang merosakkan daftar pemilih seperti memindahkan pemilih-pemilih tanpa pengetahuan mereka. Jika pendaftaran pemilih melalui e-mail diperkenalkan, perbuatan seumpama ini akan menjadi lebih berleluasa.

Satu perkara lagi yang perlu diberi perhatian ialah hak rakyat untuk mendaftar sebagai pemilih hendaklah dijamin sepenuhnya termasuk rakyat di kawasan luar bandar dan pedalaman yang tidak mempunyai kemudahan telekomunikasi yang terkini.

Mengenai dengan cadangan SPR menjalankan urusan pendaftaran pemilih dengan menggunakan rekod di Jabatan Pendaftaran Negara, perkara ini perlu dikaji. Sistem pendaftaran pemilih di Malaysia ialah pendaftaran di bahagian pilihan raya di mana seseorang bermastautin. Oleh itu alamat terkini pemilih perlulah tepat untuk membolehkan seseorang itu didaftarkan di dalam kawasan pendaftaran di mana dia tinggal. Jika rekod di Jabatan pendaftaran Negara digunakan, ada kemungkinan seseorang itu didaftar di satu tempat yang jauh dari tempat bermastautin atau tempat tinggal terakhirnya hingga beliau sukar untuk datang mengundi ketika pilihan raya. Tambahan pula kadar mobiliti rakyat Malaysia adalah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menguruskan undi pos, SPR mematuhi Peraturan-peraturan Mengundi Secara Pos 1959. Undang-undang ini telah menggariskan tatacara undi pos diuruskan mengikut peruntukan undang-undang. Ejen yang mewakili calon boleh menyaksikan beberapa peringkatan pengurusan undi pos seperti peringkat pengeluaran kertas undi pos dan peringkat pembukaan dan pengiraan undi pos.

Tuan Yang di-Pertua, semua pihak dan calon termasuk parti dan calon kerajaan adalah tidak dilarang untuk berkempen kepada tentera, polis dan kakitangan kerajaan tetapi untuk berkempen di tempat-tempat tertentu termasuk di kem-kem polis dan tentera dan lain-lain jabatan, terpulanglah kepada budi bicara ketua jabatan dan mendapat kelulusan permit daripada pihak berkuasa polis.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 17(4) Majlis Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka dan disetujui.

Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.

Lampiran

19 Julai 1999

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail,
S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad,
D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N.,
S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S.
(Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’
Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A.,
D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J.,
S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik,
D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim
Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo
Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri
Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala
Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji
Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)

- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasar Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman : Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman : Ruhana binti Abdullah : Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah : Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. : Hajah Supiah binti Dewak : Mohd Saleh bin Mohd. Yusop : Mohamed bin Osman : Hajah Norishah binti Mohd. Thani : Shamsina binti Janor : Ramlah binti Mohd. Yusuff : Miskiah binti Hassan : Rosnani binti Ahmad : Noor Effarizan binti Mat Satib : Nurziana binti Ismail
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali : Mejar (B) Zakaria bin Salleh : Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
-------------------	---	---

PARLIMEN KESEMBILAN**PENGGAL KELIMA****MESYUARAT KEDUA**

Jilid V	Bil. 27	Rabu	21 Julai 1999
---------	----------------	-------------	---------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999)1999.	(Ruangan 29)
USUL: Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2)1999.	(Ruangan 29)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat.	(Ruangan 52)
UCAPAN PENANGGUHAN: Tenaga Nasional Berhad-Tugas Penyenggaraan Secara Berjadual - <i>Y.B Tuan Lim Hock Seng</i>	(Ruangan 153)
Taraf dan Peranan Suruhanjaya Pilihanraya - <i>Y.B Tuan M. Kulasegaran</i>	(Ruangan 155)

